

**Jilid II  
Bil. 60**



**Hari Isnin  
26hb November, 1984**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

**Ucapan Terima Kasih kepada Ucapan Tahniah Sempena Hari Pertabalan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelapan [Ruangan 8531]**

**Cuti Y.B. Dr George Chan Hong Nam dan Y.B. Tuan Daud bin Dato Haji Taha—Kebenaran [Ruangan 8532]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8533]**

### **USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8564]**

**Anggaran Pembangunan, 1985:**

**Jawatankuasa—**

**Maksud P.35, P.36, P.37, P.40, P.41 dan P.42 [Ruangan 8565]**

**Maksud P.44, P.45 dan P.46 [Ruangan 8640]**

**KANDUNGANNYA—(samb.)**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985:**

**Jawatankuasa—**

**Jadual—**

**Maksud B.35, B.36, B.37, B.38, B.39, B.40, B.41, B.42 dan B.43  
[Ruangan 8565]**

**Maksud B.44, B.45 dan B.46 [Ruangan 8640]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M., TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID., D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahaya Manap.

Penyunting: P.B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidek.

### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Isnin, 26hb November, 1984

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**PENGUMUMAN TUAN  
YANG DI-PERTUA**

**UCAPAN TERIMA KASIH  
KEPADA UCAPAN TAHNIAH  
SEMPENA HARI PERTABALAN  
D.Y.M.M. SERI PADUKA  
BAGINDA YANG DI-PERTUAN  
AGONG KELAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima sepucuk surat daripada Yang Berbahagia Setiausaha Sulit Kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi demikian:

“Ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Dato’ Mohamed Zahir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur.  
Yang Berhormat Tan Sri Dato’,

**UCAPAN TAHNIAH SEMPENA  
HARI PERTABALAN  
DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA  
YANG DI-PERTUAN AGONG  
KELAPAN**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat Yang Berhormat Tan Sri bertarikh 16hb

November, 1984 mengenai perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan bahawa ianya telah diangkat sembah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Menjunjung Titah Perintah, sukacita saya memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah mengampuni limpah berkenan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Dato’ dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat di atas ucapan tahniah lafaz ikrar taat setia sempena Hari Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Tuanku baru-baru ini.

Demikian sahaja saya diarah memaklumkan.

Terima kasih jua adanya.

“Berkhidmat Untuk Negara”

Saya dengan hormatnya,

t.t.

(Engku Dato Ibrahim bin Engku Ngah)  
Setiausaha Sulit Kepada  
D.Y.M.M.S.P.B. Yang di-Pertuan Agong.”

**CUTI Y.B. DR GEORGE CHAN  
HONG NAM DAN Y.B. TUAN  
DAUD BIN DATO HAJI  
TAHA—KEBENARAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli yang Berhormat, saya suka hendak

memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52, Perlembagaan Persekutuan kepada:

- (1) Yang Berhormat Dr George Chan Hong Nam, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Lambir dari 19hb November, 1984 hingga 29hb November, 1984; dan
- (2) Yang Berhormat Tuan Daud bin Dato Haji Taha, Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Batu Pahat daripada 26hb November, 1984 hingga 6hb Disember, 1984.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed.

*(Soalan No. 1 Y.B. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad tidak hadir).*

### ANGGOTA POLIS—KELULUSAN MINIMA

**2. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang meninggikan kelulusan minima untuk menjadi anggota polis biasa daripada kelulusan SRP kepada SPM, memandangkan tingkat pelajaran penjenayah dan juga tipu helah meningkat semakin tinggi. Apakah latihan khas yang diberi

kepada anggota-anggota polis untuk menghadapi dan mengatasi tipu helah penjenayah-penjenayah itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji untuk meninggikan kelulusan akademik dari Sijil Rendah Pelajaran kepada Sijil Pelajaran Malaysia sebagai syarat pengambilan ke jawatan Anggota Polis biasa.

Dalam menghadapi dan mengatasi tipu helah penjenayah-penjenayah, Polis Di-Raja Malaysia ada mempunyai program-program latihan kemaskini, sesuai dengan perkembangan dan corak penjenayah yang berbagai-bagai. Latihan-latihan tersebut ialah bagi menambahkan kemantapan fiskal dan yang lebih penting, latihan pembangunan mental supaya kecekapan meningkat, menambahkan daya kefahaman serta sentiasa sensitif mengenai selok-belok kelakuan penjenayah.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah latihan-latihan khas diberi kepada anggota-anggota polis biasa dalam pelajaran psikologi, iaitu bagi menghadapi penjenayah-penjenayah yang semakin hari semakin meningkat dan menggunakan berbagai-bagai tipu helah untuk menghadapi pihak pasukan polis?

**Tuan Razi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya subjek yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu termasuk dalam kurikulum latihan kepada pegawai-pegawai polis dan juga berbagai-bagai subjek lain.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang berkenaan adakah benar tempoh masa

bagi latihan anggota polis atau pelatih adalah singkat, iaitu pada masa sekarang ialah 6 bulan sahaja jika dibandingkan dengan masa dahulu, masa itu ialah setahun, adakah itu benar? Kalau benar, adakah tempoh yang dikurangkan itu menjejaskan latihan yang akan diberikan kepada anggota polis?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana semua sedia maklum, tempoh latihan tidak menjadi satu ukuran kepada kecekapan anggota polis bahkan Jabatan Polis juga, seperti Jabatan-jabatan yang lain telah pun mengkaji untuk memendekkan tempoh latihan Pegawai-pegawai tetapi memasuki berbagai-bagai aspek latihan yang lebih berkesan. Saya percaya dan saya merayu kepada Yang Berhormat janganlah berasa bimbang jika terdapat tempoh-tempoh latihan kepada pegawai-pegawai polis dipendekkan, ini tidak menjejaskan prestasi pegawai-pegawai.

### INSTITUSI PELAJARAN LANJUTAN

**3. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang menubuhkan lebih banyak institusi-institusi pelajaran lanjutan untuk menempatkan murid-murid yang gagal dalam peperiksaan-peperiksaan SRP/SPM untuk menjamin masa hadapan mereka.

**Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran tidak lagi menjalankan kelas-kelas pelajaran lanjutan sebab mulai tahun 1984 iaitu tahun ini pengelolaan kelas-kelas tersebut telah pun diserahkan kepada sebuah syarikat swasta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

*(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Ng Cheng Kuai tidak hadir).*

### BECA BERENJIN

**5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah sikap Kementerian terhadap rancangan hendak mengadakan perkhidmatan "beca berenjin" di Kuala Terengganu. Apa yang menghalang kelulusan cadangan ini hingga begitu lama.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya pada dasarnya telah pun bersetuju dengan cadangan untuk mengadakan perkhidmatan beca berenjin di Kuala Terengganu sebagai satu projek percubaan atau, dengan izin, pilot project. Walau bagaimanapun, disebabkan beca berenjin ini adalah merupakan satu jenis perkhidmatan pengangkutan awam yang baru di negara ini maka undang-undang yang ada sekarang iaitu Undang-undang Lalulintas Jalan, 1958 perlulah dipinda terlebih dahulu sebelum perkhidmatan tersebut dapat diadakan. Beberapa mesyuarat bagi tujuan membuat pemindahan ke atas undang-undang berkenaan telah pun diadakan dengan Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkaitan seperti Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Peguam Negara. Saya telah difahamkan bahawa draf akhir undang-undang tersebut telah pun siap dan akan dibentangkan di Dewan ini pada tahun hadapan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kementerian

beliau telah bersetuju di atas cadangan untuk mewujudkan beca berenjin di Kuala Terengganu. Saya ingin bertanya tidakkah persetujuan untuk mewujudkan beca berenjin ini merupakan suatu langkah yang boleh dianggap ke belakang sedangkan kita sekarang dalam keadaan memerlukan teksi, rail-bus, aerobus dan sebagainya.

Yang keduanya, tidakkah dengan pengwujudan beca berenjin ini akan mewujudkan lebih banyak masalah seperti masalah kesesakan lalulintas, masalah perlanggaran Peraturan Keselamatan Jalan Raya sepertimana yang berlaku di bandar-bandar yang lain seperti di Bangkok, di New Delhi, di Manila di mana kewujudan beca berenjin ini memang menimbulkan masalah lalulintas dan kesesakan lalulintas di kawasan dalam bandar.

Yang ketiganya, jika sekiranya faktor-faktor soalan pertama dan kedua saya tadi didapati negatif oleh Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Perusahaan Awam, soalan ketiga saya, adakah kelulusan untuk mewujudkan beca berenjin ini akan dibuat di bandar-bandar besar yang lain seperti di Johor Bahru, di Kuala Lumpur, Penang dan sebagainya.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan sebenarnya permohonan untuk mengadakan sistem beca berenjin ini datangnya daripada Kerajaan Negeri Terengganu sendiri yang mana Kerajaan Negeri Terengganu berhasrat untuk mengubah atau mengalihkan penggunaan beca yang dikayuh sekarang ini kepada yang berenjin dan khususnya ialah untuk memberi nafas baru kepada mereka yang sekarang ini mendapat nafkah daripada beca berkayuh ini. Saya difahamkan ada kemungkinan ditubuhkan koperasi dan sebagainya untuk menjalankan beca berenjin ini dan Kerajaan Negeri Terengganu

berpendapat bahawa ini tidak akan mendatangkan masalah. Jadi, jawabnya positiflah dan pihak Kementerian saya tiada halangan.

Mengenai sama ada akan diwujudkan di tempat-tempat lain, terpulang kepada negeri masing-masing. Negeri-negeri telah pun menubuhkan jawatankuasa mengenai pengangkutan jalan dan bolehlah jawatankuasa negeri masing-masing mengemukakan sama ada hendak diadakan atau tidak di bandar-bandar besar di situ.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi ada menerangkan bahawa rancangan ini akan merupakan pilot project. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dengan pelaksanaan rancangan beca berenjin ini adakah akan menimbulkan masalah pula kepada pemandu-pemandu beca yang sedia ada apabila mereka menghadapi masalah kewangan untuk membeli enjin-enjin ataupun beca berenjin dan untuk mengatasi masalah ini, adakah Kementerian bercadang ataupun sedang menyediakan langkah-langkah untuk mengelakkan daripada timbulnya masalah pengangguran di kalangan pemandu-pemandu beca.

**Datin Paduka Rafidah Aziz:** Seperti yang saya jelaskan tadi, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Terengganu mempunyai satu rancangan komprehensif untuk mereka yang akan mengendalikan beca berenjin termasuklah masalah pembiayaan dan sebagainya. Pihak Kementerian saya hanyalah mengeluarkan lesen sahaja. Ini memang ada dalam perhatian Kerajaan Negeri Terengganu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 6, Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).

### **KEBUDAYAAN KUNING— MENYEKAT KEMASUKAN**

7. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah Kerajaan bagi menyekat kemasukan kebudayaan kuning dan kebudayaan yang diterima sebagai nilai masyarakat Malaysia, misalnya tarian-tarian yang kurang sopan dan membahayakan seperti "Breakdance" dan lain-lain.
- (b) adakah Kerajaan akan mengkaji untuk menggubal undang-undang menyekat serta mengharamkan sesuatu perlakuan kebudayaan yang tidak sesuai dengan kebudayaan nasional yang kita amal sekarang ini; dan
- (c) apakah langkah-langkah jangka panjang Kerajaan bagi memastikan generasi sekarang dan akan datang akan terus menolak kebudayaan kuning dan yang tidak sesuai itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah utama yang diambil bagi menyekat kemasukan unsur-unsur kebudayaan yang tidak diterima atau bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia adalah secara pentadbiran berasaskan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Di antaranya termasuklah pengawalan ke atas kemasukan artis luar, penapisan filem-filem wayang gambar, filem-filem televisyen dan video serta muzik dan lagu-lagu. Penentuan ke atas sesuatu sekatan itu biasanya diselaraskan dan

menjadi tanggungjawab bersama beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, RTM, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Imigresen. Jika perlakuan yang tidak sesuai itu datangnya dari luar, kita sudah mempunyai peraturan ataupun procedure pentadbiran tertentu bagi menyekatnya. Bagi perlakuan-perlakuan yang timbul dari dalam, masih belum ada peraturan khusus mengenainya dan setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk menggubal sebarang undang-undang untuknya. Walau bagaimanapun langkah-langkah mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman sentiasa dijalankan sama ada secara formal melalui Sistem Pelajaran Kebangsaan mahupun secara tidak formal melalui program kecelesan budaya, pendidikan akhlak dan seumpamanya. Langkah-langkah yang sama juga digunakan dan diharapkan dapat memberi kesan jangka panjang sebagaimana maksud bahagian (c) soalan Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir).

### **PENAGIH DADAH DI SABAH**

9. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Perdana Menteri menyatakan bilangan penagih-penagih dadah di Sabah. Berapakah bilangan yang telah dijatuhkan hukuman mati kerana kesalahan dadah di Sabah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan penagih-penagih dadah yang dikesan di Sabah sejak tahun 1976 sehingga bulan Ogos, 1984 ialah seramai 379 orang. Setakat ini masih tidak ada

seorang pun yang telah dikenakan hukuman mati kerana kesalahan dadah di negeri Sabah.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:**  
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah daripada jumlah 379 orang itu kalau sudah ada angka-angkanya berapa daripada yang terlibat itu datangnya daripada Filipina seperti orang pelarian dan berapa daripada Sabah sendiri dan adakah unsur-unsur penagih dadah di Sabah ini ada hubungan dengan negeri luar?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menerima notis sebelum menjawab soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

*(Soalan No. 10 Y.B. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah tidak hadir).*

### KONSTABEL POLIS DIHANTAR KE SARAWAK

11. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapa ramaikah konstabel-konstabel polis daripada semenanjung Malaysia yang dihantar ke Sarawak sejak 2 tahun kebelakangan ini;
- (ii) sama ada beliau sedar berapa daripada konstabel-konstabel ini berkurangan semangat masyarakat dan kesesuaian (aptitude) yang perlu untuk bekerja dengan penduduk-penduduk tempatan di Sarawak dan ini telah menyebabkan kadangkala salah faham dengan orang-orang tempatan di Sarawak; dan
- (iii) apakah jenis latihan yang diberi kepada konstabel-konstabel tersebut yang dihantar ke

Sarawak supaya "familiarise" mereka dengan keadaan tempatan yang agak ganjil (peculiar) serta memupuk dalam mereka rasa perkhidmatan yang berlandaskan sopan santun dan amanah.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Tuan Yang di-Pertua, Polis Di Raja Malaysia mengamalkan dasar menempatkan anggota-anggotanya di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak bagi memelihara keselamatan, ketenteraman dan kesejahteraan rakyat. Memandangkan kepada keperluan perkhidmatan di kedua-dua negeri termasuklah negeri Sabah dan Sarawak, Polis Di-Raja Malaysia menghantar anggota-anggota polis berkhidmat di sana.

Sejak tahun 1982 hingga sekarang seramai 794 orang anggota-anggota polis telah ditempatkan berkhidmat di Sarawak.

Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan kecil di kalangan anggota-anggota tersebut kurang bersemangat dan sukar menyesuaikan diri semasa berkhidmat di Sarawak. Perkara ini berlaku hanya atas sebab peribadi anggota-anggota itu sendiri dan tidaklah mencerminkan aspirasi Polis Di-Raja Malaysia sebagai sebuah organisasi yang berdisiplin. Secara keseluruhan anggota-anggota tersebut telah membuktikan perkhidmatan yang memuaskan, dapat menunjukkan jalinan kerjasama yang rapat serta boleh menyesuaikan diri dalam usaha menemui matlamat negara.

Anggota-anggota polis yang ditempatkan di Sarawak ada diberi latihan-latihan penyesuaian diri dengan nilai-nilai masyarakat, perhubungan kemasyarakatan dan alam sekitar serta menitikberatkan moral dan agama. Pendidikan rohaniah sentiasa ditekankan oleh Pasukan Polis supaya anggota-anggota

tersebut dapat membuktikan keseluruhan sopan santun serta amanah dalam menjalankan tanggungjawab kepada negara. Mereka itu juga sentiasa diawasi dan dipimpin oleh pegawai-pegawai atasan polis. Mana-mana anggota polis yang didapati bertindak di luar aspirasi Polis Di-Raja Malaysia dan gagal berusaha mencapai matlamat Kerajaan, tindakan tegas sentiasa diambil.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri adakah pihak Kerajaan membuat peraturan tentang berapa lamakah Polis ini dikehendaki berkhidmat di sana dan baharu ditukarkan balik ke Semenanjung Malaysia ini? Dan apakah pihak Kerajaan memberi "special allowance" atau bayaran lebih kerana perkhidmatan dan juga meninggalkan kampung halaman yang jauh ke Sarawak sana?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada masa yang ditetapkan untuk seorang anggota Polis itu berkhidmat di negeri-negeri Sabah dan Sarawak dan untuk menjawab bahagian kedua ini tidak ada pemberian yang istimewa melainkan pemberian-pemberian yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan lain yang bertugas di Sabah dan Sarawak.

#### KEGIATAN KO-KURIKULUM DI SEKOLAH

**12. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa:

(a) berasaskan cadangan beliau kepada pihak Kerajaan bagi mengkaji kegiatan Ko-

Kurikulum bagi memperseimbangkan dengan mata pelajaran akademik, merupakan suatu langkah yang harus diterima; dan

(b) berasaskan kepada cadangan ini, inginkah pihak Kementerian mencadangkan kepada pihak Kerajaan, supaya mata pelajaran agama diwajibkan untuk semua kaum berasaskan agama masing-masing dengan menghentikan mata pelajaran moral yang kini diajar untuk kaum bukan bumiputera di sekolah-sekolah.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedang mengambil langkah-langkah tertentu untuk mewajibkan kegiatan sukan permainan dan aktiviti-aktiviti Ko-Kurikulum yang lain di sekolah-sekolah. Tujuannya maka kegiatan-kegiatan ini diadakan ialah untuk membentuk sikap yang lebih positif terhadap pelajaran dan juga kegiatan di sekolah menambahkan kemahiran dalam bidang-bidang tertentu iaitu dengan memberikan kepada pelajar-pelajar kita kemahiran sosial yang nanti akan dapat membolehkan mereka berfungsi dalam masyarakat apabila mereka keluar sekolah nanti.

Adalah diharapkan kegiatan-kegiatan Ko-Kurikulum itu akan dapat memberi didikan kepada mereka, akan dapat menyemaikan sikap-sikap yang baik seperti memupuk semangat kerjasama, harmoni, hormat-menghormati sesama pelajar, memupuk disiplin dan juga menjalin setia-kawan di kalangan mereka.

Kementerian Pelajaran tidaklah bercadang hendak mewajibkan mata pelajaran agama bagi tiap-tiap kaum mengikut agama masing-masing kecuali bagi murid-murid Islam dan Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan hendak memberhentikan

pengajaran mata pelajaran moral untuk pelajar-pelajar bukan bumiputera.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ada menyatakan bahawa Kerajaan bercadang untuk mewajibkan kegiatan Ko-kurikulum iaitu di bidang sukan, permainan dan persatuan ataupun kelab-kelab yang diwujudkan di tiap-tiap buah sekolah dalam negara kita.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah di dalam pengkajian semua kegiatan ko-kurikulum di sekolah-sekolah seperti yang akan dijalankan ini mengambil kira tentang bahawa pada masa ini murid-murid di sekolah baik sekolah rendah ataupun di sekolah menengah terlalu ketat dengan kegiatan Ko-Kurikulum dan disamping kegiatan kurikulum di sekolah-sekolah. Misalnya kalau di sebelah pagi menghadapi mata pelajaran kurikulum dan di sebelah petang mereka dikehendaki ataupun diwajibkan menghadiri kegiatan ko-kurikulum menyebabkan murid-murid ini berasa begitu letih apabila mereka balik pada waktu malam sehingga tidak boleh lagi mengaji Quran kepada mereka yang beragama Islam dan tidak boleh hendak membuat ulangkaji mata pelajaran.

Jadi saya ingin tahu sama ada pengkajian semula kegiatan Ko-Kurikulum ini mengambil kira tentang terlalu ketatnya masa untuk murid-murid di sekolah pada masa ini iaitu dengan menghadkan bahawa tiap-tiap seorang murid itu hanya boleh menyertai satu bidang persatuan kegiatan Ko-Kurikulum dalam persatuan dan satu dalam bidang sukan. Jadi ada kelonggaran masa sedikit.

Dan yang keduanya adakah pada masa-masa yang akan datang Kementerian Pelajaran akan memasukkan aktiviti Ko-Kurikulum yang melibatkan murid-murid di sekolah ini di dalam sijil-sijil peperiksaan mereka sebagai memberitahu kepada masyarakat umum bahawa seorang murid itu mempunyai tahap pencapaian yang tertentu di dalam bidang Ko-Kurikulum.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang di sekolah ini memanglah memberatkan pelajar-pelajar kita kerana kurikulum di sekolah pun adalah agak berat kerana mata pelajaran yang diwajibkan untuk diambil peperiksaan itu agak banyak juga. Maka sebab itulah Kementerian Pelajaran pada masa sekarang ini sedang mengkaji semula khususnya kurikulum bagi sekolah menengah supaya dengan kurikulum yang baharu yang akan diwujudkan nanti itu maka ia tidak akan lagi jadi begitu berat kerana mata-mata pelajaran yang akan ditentukan untuk peperiksaan itu akan lebih kurang dan juga sukatan pelajarannya itu kurang intensif seperti yang ada sekarang ini. Jadi detailnya itu akan diumumkan kemudian.

Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini pengkajian ataupun kajian semula terhadap kurikulum itu di sekolah-sekolah tidak berniat hendak mengurangkan standard ertinya jaminan akan tetap diberi supaya kurikulum yang ada yang akan dipakai di sekolah nanti adalah satu kurikulum yang difikirkan maju dan dapat menjamin taraf pelajaran yang tetap tinggi.

Dan berhubung dengan kegiatan Ko-Kurikulum pula mengikut dasar yang ada sekarang ini kita akan mewajibkan bagi tiap-tiap murid

hanya mengambil satu permainan sahaja dan satu kegiatan dalam pasukan beruniform dan juga menjadi ahli kepada satu persatuan akademik di sekolah.

Pada masa sekarang ini memanglah diakui banyak sekolah yang masih kurang kemudahan tetapi walau bagaimanapun kita adalah bergerak dan melaksanakan ke arah mencapai satu pelaksanaan yang sepenuhnya di semua sekolah, semua peringkat di negara kita ini. Dan memandangkan bahawa kegiatan kurikulum itu menjadi satu aspek pendidikan yang begitu penting bagi murid-murid kita atas sebab-sebab yang telah saya beritahu awal-awal tadi kerana perlunya mereka diberi "social skills" untuk berfungsi dalam masyarakat sebagai anggota-anggota masyarakat yang berguna. Maka adalah menjadi penting supaya kegiatan itu juga diberi penilaian diberi "proper grading" dengan izin dan juga penilaian atau "grading" itu akan dimasukkan dalam sijil lepasan sekolah nanti dan dengan adanya "grading" ataupun markah yang diberikan kepada kegiatan ko-kurikulum itu maka pihak majikan nanti, ataupun pihak penganjur biasiswa juga umpamanya apabila memberi penilaian kepada seseorang pelajar yang ingin memohon biasiswa ataupun seorang pelajar yang telah tamat persekolahannya dan ingin bekerja akan dapat memberi pertimbangan yang seimbang antara pencapaian dalam bidang akademik dan juga kecergasan dalam bidang ko-kurikulum itu.

Jadi kalau ini dapat dibuat maka penilaian yang diberikan kepada sijil-sijil itu tidak terlalu melebihi sangat kepada pencapaian akademik. Ini adalah penting kerana masyarakat kita sekarang ini terlalu "exam oriented" dan terlalu "oriented"nya kepada pencapaian akademik seolah-olah kegiatan ko-kurikulum itu tidak ada

makna dan tidak ada fungsi dalam pendidikan di sekolah-sekolah.

**Tuan Lim Liang Seng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya bertanya kepada yang Berhormat Menteri bilakah Kerajaan bercadang untuk melaksanakan salah satu perakuan di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet iaitu supaya matapelajaran moral dan matapelajaran agama akan diadakan serentak di sekolah iaitu semasa murid-murid Melayu belajar matapelajaran agama, bagi murid-murid bukan Melayu akan mengadakan matapelajaran moral?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sedang dalam pelaksanaan sekarang ini.

**Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong:** Soalan tambahan. Berkenaan dengan perkara itu, saya ingin bertanya kepada Menteri bagaimanakah caranya melaksanakan ko-kurikulum itu di sekolah di luar bandar, terutamanya di Sabah di mana guru-guru dan kemudahan-kemudahan lain itu tidak mencukupi?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang di-Pertua, pendidikan ko-kurikulum yang kita akan jalankan di sekolah ini mestilah bermula dengan latihan perguruan di maktab-maktab di mana guru-guru yang diberi latihan akan dipastikan mengambil kegiatan dalam ko-kurikulum supaya nanti apabila mereka bertugas di sekolah, mereka akan dapat menjadi guru kegiatan ko-kurikulum.

Dan yang kedua berhubung dengan kemudahan-kemudahan di sekolah memanglah sebagaimana yang saya katakan awal tadi, kemudahan-kemudahan yang ada di sekolah ini masih kurang dan perlu ditambah dan usaha kita hendak melengkapkan

sekolah-sekolah dengan kemudahan ko-kurikulum itu, bukan hanya terhad kepada sekolah-sekolah di bandar ataupun terhad ke sekolah-sekolah di Semenanjung sahaja, tetapi sudah semestinya usaha ini juga meliputi sekolah-sekolah yang ada di Sabah dan Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan berbalik semula.

### PENGINAPAN JEMAAH HAJI DI MEKAH

**1. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** minta Perdana Menteri menyatakan adakah pihak berkuasa Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah memeriksa rumah-rumah penginapan jemaah Haji dari Malaysia di Madinah dan Mekah itu sesuai, bersih, tidak panas serta mempunyai kemudahan asas yang cukup; sebelum jemaah-jemaah haji itu dibawa tinggal dalam bangunan tersebut atau menyerahkan sahaja kepada syeikh-syeikh atau muassasah. Jika Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah melakukan semuanya ini, mengapakah keadaan buruk dan tidak sihat masih berlaku lagi kepada jemaah-jemaah haji kita. Atau Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak bertanggungjawab atau mempunyai kuasa apa-apa selain daripada menyerahkan bulat-bulat jemaah haji kita kepada muassasah/syeikh-syeikh haji.

**Datuk Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan yang di-Pertua, sebenarnya Tabung Haji tidak menyerah sahaja kepada muassasah untuk menguruskan tempat tinggal jemaah haji di Mekah dan Madinah. Sebelum jemaah haji Malaysia tiba di Mekah dan Madinah Tabung Haji dan jawatankuasa perumahan muassasah telah membuat pemeriksaan bersama terhadap rumah-rumah penginapan jemaah haji. Pemeriksaan itu

bertujuan bagi menentukan rumah-rumah yang hendak dijadikan tempat penginapan jemaah haji adalah sesuai dari segi tempatnya, jarak jauhnya dari Masjidil Haram, keselamatan, kebersihan, kesesuaian dari segi kesihatan serta menentukan bilik-bilik mempunyai aliran udara yang cukup dan bilik air yang bersih dan cukup.

Jawatankuasa Perumahan Muassasah iaitu mengikut peraturan Arab Saudi telah menetapkan muatan bagi setiap bilik berpandu kepada ukuran 1 meter x 2 meter bagi seorang jemaah haji. Tabung Haji juga telah meminta pihak muassasah mengadakan rumah yang lebih sesuai iaitu bagi maktab-maktab yang tidak mempunyai rumah-rumah yang cukup serta sesuai untuk jemaah haji Malaysia. Di Madinah, jemaah haji Malaysia telah ditempatkan di rumah yang lebih baik daripada yang biasa disediakan oleh pihak dalil walaupun keadaan rumah itu masih tidak memuaskan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana peraturan Arab Saudi menentukan tempat penginapan jemaah haji di Mekah adalah hak dan tanggungjawab maktab-maktab muassasah dan di Madinah menjadi hak dan tanggungjawab para dalil, telah timbul keadaan iaitu di kemuncak musim haji, di mana pihak maktab telah tidak mengindahkan perakuan muassasah mengenai muatan jemaah haji dan dengan itu jemaah haji telah ditempatkan tanpa menhiraukan muatan bilik yang telah ditetapkan oleh jawatankuasa perumahan muassasah.

Pihak Tabung Haji telahpun melaporkan perkara ini kepada Kementerian Haji dan Wakaf Arab Saudi dan adalah dipercayai masalah ini telah diambil perhatian oleh Kerajaan Arab Saudi.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua,

soalan tambahan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri sebentar tadi bahawa ahli jawatankuasa Tabung Haji dan muassasah yang menyaksikan tempat tinggal, jarak jauh, keselamatan tetapi kesesuaian dari segi kesihatan bukanlah ditentukan oleh jawatankuasa dan muassasah, sebenarnya ialah pihak kesihatan ataupun para doktor yang kita hantar. Adakah mereka itu bersama menyaksikan dan memperakui tempat itu bersih?

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah sistem muassasah ini diwujudkan 5 jawatankuasa. Satu daripadanya, jawatankuasa yang melihat mengenai perumahan dan pihak kita bersama-sama dengan jawatankuasa ini menentukan tempat-tempat. Memang di bawah sebelah kita ini, pihak kita ini ada melibatkan pihak doktor kita dan sebagainya mengikuti bersama untuk menentukannya.

Saya ingin menyatakan di sini tanggungjawab bagi menyelaraskan ataupun mengawal kesihatan keseluruhan jemaah ini terletak di bawah jagaan Kerajaan Saudi Arabia.

Tujuan kita menghantar pasukan kesihatan kita adalah untuk membantu sahaja dan memberi perkhidmatan tambahan bagi jemaah haji kita.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri, walaupun kita tahu pihak Tabung Haji telah memeriksa bangunan-bangunan tersebut, sesuai atau tidak, tetapi apabila jemaah haji sampai, adakah Yang Berhormat Menteri sedar apabila jemaah haji sampai didapati bangunan-bangunan itu masih lagi menjadi sarang burung,

dan debu-debunya masih ada di atas tilam-tilam dan tikus-tikus yang masih ada dengan tahinya sekali. Jadi inilah punca yang menyebabkan ramai jemaah Haji kita sakit semasa berada di Mekah. Jadi kalau sedar benda ini, maka apakah tindakan yang lebih lagi akan dijalankan pada masa-masa yang akan datang?

Yang kedua, bagaimanakah rancangan pihak Tabung Haji untuk mengadakan bangunannya sendiri di Mekah dengan memiliki tanah dan juga mengadakan bangunannya sendiri supaya sedikit-sebanyak dapat menyelesaikan perkara yang dialami oleh jemaah haji kita kerana telah dapati di sana ada juga warganegara asing atau badan-badan asing yang dapat memiliki tanah dan mendirikan bangunannya sendiri di situ.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa selepas pemeriksaan dibuat maka masih lagi terdapat tempat-tempat seperti yang telah dijanjikan menghadapi masalah kekotoran seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Pemeriksaan itu dibuat dua minggu sebelum para jemaah haji tiba dan kelemahan timbul oleh kerana walaupun di peringkat pemeriksaan itu kita telah menyebut perkara-perkara yang perlu diperbaiki, dan diatasi sebelum jemaah haji kita menginap di tempat-tempat yang sudah kita tandakan, tetapi pihak yang berkuasa di sana, pihak maktab tidak melaksanakan perkara-perkara yang telah ditunjukkan itu.

Jadi, dalam hal ini, pihak Tabung Haji tidak boleh membuat apa-apa, oleh kerana kita telah pun mengikut perjanjian dan membayar harga-harga sewa rumah dan sebagainya yang mana menjadi tanggungjawab pihak maktab tadi melaksanakannya. Untuk mengatasi masalah ini, ada pertanyaan

daripada Yang Berhormat tadi sama ada pihak Tabung Haji sendiri boleh menyediakan bangunan oleh kerana kita boleh mendapat tanah-tanah seperti pihak-pihak lain dikatakan mendapat tanah. Kalau kita menyediakan bangunan sendiri, kita mesti memperhitungkan bahawa tiap-tiap tahun akhir-akhir ini purata jemaah kita, angkanya 24,000 orang. Jadi, kalau kita hendak adil, bermakna hendak kita menyediakan bangunan yang boleh menempatkan 24,000 jemaah kita. Kalau ini yang dimaksudkan, ini merupakan satu tugas yang sangat sukar. Di sini pun umpamanya kita menyediakan bangunan semata-mata untuk menguruskan peringkat kita menghantar jemaah haji daripada bangunan Tabung Haji ke lapanganterbang dan hendak mendirikan persiapan penginapan untuk 24,000 ini, dari segi kos, dari segi implikasi lain agak sukar juga. Dan saya tidak menyangkakan bahawa pihak Arab Saudi akan membenarkan hal ini. Sekiranya kita hendak membangun bangunan untuk Pejabat Tabung Haji, tempat-tempat untuk kita melaksanakan kawalan, ini memang sudahpun kita laksanakan.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan. Berhubung dengan masalah membuat bangunan seperti yang disoal oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh sekejap tadi, kita telah melihat bahawa Tabung Haji dengan menggunakan wangnya yang begitu banyak yang telah dilabur oleh bakal-bakal haji telah membuat bangunan-bangunan Tabung Haji begitu banyak di Malaysia ini. Jemaah Iran sendiri tahun ini 150,000 lebih orang telah memperuntukkan, telah menyewakan bangunan-bangunan yang besar di tepi-tepi jalanraya yang besar di Mekah dengan tidak menampak sebarang susah dan tidak menampak sebarang sulit di sisi mereka. Oleh yang demikian, kalau Kerajaan Iran

terkenal miskin kerana dikepong oleh peperangan hari ini boleh menyewa ataupun membuat sendiri bangunan mereka itu begitu banyak dan besar-besar di Mekah, bagaimana timbulnya masalah sulit itu ini di Tabung Haji di negeri kita sendiri?

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang pihak kita diberitahu oleh pihak Kerajaan Arab Saudi, mereka tidak membenarkan pihak kita ataupun pihak luar membina bangunan sendiri selain daripada menyewa. Dan seperti yang saya katakan tadi walaupun terdapat pihak lain yang mungkin menyewa untuk setahun, pihak kita kalau hendak menyewa juga, terpaksa menyewa untuk setahun oleh kerana kita terpaksa, dengan izin "reservekan" bangunan-bangunan ini untuk kegunaan kita sahaja dan kita hanya akan menggunakan satu musim sahaja pada setiap-tiap tahun.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepanjang soalan-soalan yang dikemukakan mengenai Tabung Haji, terdapat bahawa rasa tidak puas hati terhadap penyelenggaraan yang dilakukan oleh Tabung Haji. Saya ingin bertanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk menyusun semula segala jentera Tabung Haji yang ada hari ini terutama sekali jentera ketika orang-orang Islam menunaikan fardhu haji. Saya percaya rasa tidak puas hati ini yang menjadikan sebabnya ialah kerana penyelenggaraan ataupun jentera yang menjalankan Tabung Haji itu sendiri ada yang tidak kenanya di mana-mana yang menyebabkan banyaknya sungutan, boleh dikatakan 80% daripada jemaah haji yang menunaikan haji bila balik membuat sungutan mengenai rasa tidak puas hati.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, masalahnya

tidak terletak kepada perlunya menyusun semula jentera Tabung Haji ini. Seperti yang saya telah pun jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini untuk kita mengatasi sebahagian daripada masalah-masalah yang menghadapi kita, memerlukan rundingan dengan pihak Kerajaan Saudi Arabia yang mengenakan sistem ini. Bukan Kerajaan kita ataupun Tabung Haji yang mengenakan sistem ini tetapi sistem ini adalah hasil kehendak pentadbiran daripada pihak Kerajaan Saudi Arabia, itu yang pertama.

Yang kedua, kita juga telah mengesahkan bahawa masalah ini timbul di peringkat pelaksanaan. Dan di peringkat ini juga masalahnya boleh dibahagi dua.

Pertama, pelaksanaan oleh mereka yang mengendalikan muassasah tidak menepati kehendak-kehendak kita. Dan ini juga memerlukan perundingan kerana sekiranya muassasah ini dilaksanakan secara yang ada sekarang hanya mereka sahaja boleh menggubal semula ataupun memperbaiki sistem ini. Di peringkat masalah yang dihadapi oleh kita, memang kita telah katakan untuk tahun-tahun akan datang ini kita cuba mengatasi masalah ini dengan meningkat perkhidmatan Tabung Haji yang kita boleh berikan kepada jemaah kita sendiri dan ini sudah pun difikirkan. Seperti yang saya katakan tadi, beberapa perkhidmatan tambahan sudah pun kita kenalpasti walaupun ini memerlukan perbelanjaan tambahan. Ini juga sudah pun kita meluluskan. Jadi, saya hendak katakan sebagai jawapan terakhir kepada Yang Berhormat tadi bahawa sebenarnya kita tidak perlu menyusun semula, menggubal semula sistem ataupun peraturan, ataupun perjalanan Lembaga Tabung Haji seperti yang ada sekarang ini semata-mata untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Puncanya bukanlah datang daripada kita sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ng Cheng Kuai.

**Dr Koh Tsu Koon:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, Soalan No. 4.

#### CARUMAN KWSP UNTUK PELAJARAN TINGGI

4. **Dr Koh Tsu Koon** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada pencarum-pencarum KWSP yang memerlukan wang untuk pelajaran Universiti akan dibenarkan mengeluarkan sebahagian carumannya bagi tujuan pelajaran; dan
- (b) jika ya, bilakah program ini akan bermula.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tidak ada peruntukan dalam Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 yang membolehkan seseorang pencarum mengeluarkan sebahagian carumannya untuk tujuan membiayai pelajaran tinggi.

Walau bagaimanapun, skim-skim faedah KWSP yang ada sekarang sedang dikaji semula dengan tujuan untuk memperbaiki dan memperluaskan lagi faedah-faedah untuk pencarum-pencarum KWSP sebelum dan selepas bersara. Salah satu dari faedah baru yang dicadangkan ialah untuk membenarkan pencarum-pencarum KWSP mengeluarkan sebahagian dari caruman mereka bagi tujuan

membaiyai pelajaran tinggi ahli sendiri ataupun anak-anaknya. Laporan kajian ini sedang dalam pertimbangan Kementerian saya dan akan dilaksanakan apabila diluluskan oleh Kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Omar bin Haji Abdullah.

### BEKALAN AIR DI KAWASAN BANDAR/ LUAR BANDAR

**6. Tuan Omar bin Haji Abdullah:** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sehingga hari ini berapa peratuskah kawasan di negara ini yang masih belum mendapatkan bekalan air memandangkan kos mengeluarkan air secara loji "conventional" adalah tinggi, adakah Jabatan Bekalan Air bercadang menggunakan teknologi pengeluaran air dengan menggunakan Ozone bagi kawasan terperinci supaya kos pembinaan paip-paip, pengedaran dan pembelian chlorine dapat dijimatkan.

**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga tahun 1983, peratus kawasan bandar dan luar bandar di negara ini telah menikmati kemudahan bekalan air adalah seperti berikut:

	Bandar	Luar Bandar	Jumlah Keseluruhan
Semenanjung Malaysia	90.6%	57.2%	70.5%
Sabah ..	99.0%	29.0%	45.2%
Sarawak ..	92.0%	29.0%	42.0%

Di dalam Rancangan Malaysia Keempat jumlah peruntukan yang telah diluluskan bagi projek-projek

bekalan air di kawasan bandar dan luar bandar adalah seperti berikut:

	\$
Kawasan Bandar .. ..	1,550.05 juta
Kawasan Luar Bandar .. ..	290.31 ..
Kawasan FELDA .. ..	131.68 ..
Kawasan Lembaga Pem- Pembangunan Wilayah	80.44 ..
Jumlah .. ..	2,052.48 juta

Dengan jumlah peruntukan ini peratus kawasan bandar dan luar bandar yang akan menikmati kemudahan bekalan air adalah dijangkakan seperti berikut:

Semenanjung Malaysia: bandar—94.2%, luar bandar—66%, dan pada keseluruhannya ialah 77.7%.

Kepada Negeri Sabah ialah 100%, di bandar 39%, di luar bandar dan pada keseluruhannya ialah 54.8%.

Pada Negeri Sarawak 95% di bandar, 33% di luar bandar dan pada keseluruhannya ialah 45.8%.

Saya juga akan memaklumkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa pembekalan air adalah salah satu projek yang dipentingkan oleh pihak Kerajaan pada masa ini dan adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan bekalan air yang secukupnya bagi rakyat Malaysia menjelang tahun 2015.

Berkenaan dengan cadangannya iaitu penggunaan teknologi pengeluaran air dengan penggunaan secara Ozone di negara ini, saya suka memaklumkan bahawa setakat ini Kementerian saya belum ada cadangan untuk menggunakan Ozone bagi menggantikan penggunaan chlorine yang digunakan sekarang. Ini ialah kerana kajian telah pun dibuat di antara kaedah menggunakan chlorine dengan kaedah menggunakan ozone di mana didapati kos pemasangan dan

kos operasi kaedah menggunakan chlorine adalah lebih murah daripada penggunaan Ozone.

Selain daripada itu, alat-alat yang digunakan dalam kaedah menggunakan Ozone memerlukan kawalan dan penyelenggaraan yang lebih ketat daripada alat-alat penggunaan cara chlorine.

Dari segi perbelanjaan kos tenaga elektrik juga, alat-alat kadar menggunakan Ozone memerlukan perbelanjaan kos tenaga yang lebih tinggi daripada kaedah menggunakan chlorine. Oleh yang demikian, adalah jelas kaedah menggunakan chlorine adalah lebih sesuai untuk pengeluaran bekalan air di kawasan luar bandar kerana ialah lebih murah dan lebih efektif.

**Tuan Lee Lam Thy:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi penjelasan tentang beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian beliau dan juga pakar-pakar dalam Kementerian, termasuk pakar-pakar dari luar negeri mengenai punca bekalan air baharu memandangkan bahawa tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan bekalan air kepada seluruh rakyat di negara kita?

**Datuk S. Samy Vellu:** Tuan yang di-Pertua, lebih kurang dua tahun yang lalu ada juga satu Comprehensive Study on Water Supply and Resources Scheme di seluruh tanah air ini telah pun dijalankan oleh satu agensi daripada negeri Jepun iaitu JICA. Selepas itu kita telah dapat beberapa cadangan daripada mereka, Kementerian saya telah menjalankan beberapa rancangan mengikuti kajian itu. Kajian sekarang adalah daripada satu agensi dari United Kingdom dan telah pun di siapkan, saya harap kita

akan jalankan semua peruntukan daripada kajian itu masa depan, iaitu dalam tempoh satu atau dua bulan. Ini berkenaan dengan negeri Kedah dan juga negeri-negeri Perlis dan lain-lain.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, iaitu daripada angka-angka yang telah diberikan ternampak keadaan bahawa rancangan bekalan air di luar bandar terlalu kebelakang berbanding dengan bekalan air di bandar. Jadi soalnya, mengapakah pada masa-masa lepas keadaan itu berlaku, apakah masalahnya, adakah menggambarkan dasar Kerajaan yang lebih mengutamakan bekalan air di bandar ataupun ada faktor-faktor yang lain? Yang keduanya, ialah untuk mempercepatkan lagi rancangan untuk membekalkan air bagi keperluan luar bandar dengan seberapa cepat, tidakkah boleh Kerajaan menimbangkan satu accelerated programme untuk rancangan bekalan air di luar-luar bandar?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan yang di-Pertua, tujuan Kementerian kami atau tujuan Kerajaan ialah bukan untuk memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk di kawasan bandar-bandar sahaja tetapi kita sedang dan telah menjalankan beberapa rancangan untuk memberi semua kemudahan bekalan air kepada penduduk-penduduk di bandar dan juga luar bandar. Tetapi mengapa kita tidak mencapai seperti apa yang kita tetapkan di kawasan luar bandar. Sebab-sebabnya kawasan-kawasan luar bandar penduduk-penduduknya akan di satu tempat sahaja, mereka itu adalah apa yang kita boleh katakan decentralise. Di kawasan bandar semua penduduk-penduduk ada di satu tempat dan untuk menjalankan projek pun lebih senang. Walau bagaimanapun, mengikuti apa yang

saya nampak akan sahaja di tanah air kita tetapi di seluruh dunia. Saya harap bekalan air di tanah air ini lebih baik dan lebih sesuai daripada lain-lain negara.

Yang kedua, rancangan-ancangan seperti bekalan air bukanlah satu rancangan yang kita boleh siapkan dalam tempoh satu tahun atau dua tahun, ini akan menjadi satu program dengan forward planning. Forward Planning kata jikalau kita suka juga mengadakan satu rancangan bekalan air di satu kawasan, Kementerian saya mesti menerima peruntukan-peruntukan dan juga anggaran lebih daripada 5 tahun sahaja kita boleh jalankan. Jikalau saya menerima \$2 billion pada hari ini dan minta memberi keperluan air dalam tempoh dua atau tiga tahun saya harap tuan pun tidak boleh buat, jangan kira manusia. Seperti itulah saya kata semua rancangan-ancangan yang sedang ada dalam Kementerian saya ialah mengikuti dengan forward planning mana satu rancangan yang kita tetapkan lebih daripada 5 tahun dengan peruntukan secukupnya kita sedang jalankan. Saya harap masa depan Yang Berhormat dan juga ahli-ahli Yang Berhormat dengan peruntukan yang ada sekarang kita boleh juga menyelenggarakan masalah-masalah yang kita hadapi sekarang.

**Tuan Yew Foo Weng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi beliau ada menyatakan berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan untuk mengadakan logi-logi bekalan air dan dalam jawapan bagi soalan tambahan tadi, beliau juga meminta \$2 billion lagi. Tetapi saya ingin bertanya, sungguhpun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan oleh pihak Kerajaan, tetapi dari segi maintenance—penyelenggaraan bagi logi yang ada tidak begitu

memuaskan. Saya beri contoh, bagi Greater Ipoh Waterworks, saya sedar iaitu logi itu tidak memuaskan oleh sebab segala pam-pam dan paip-paip itu tidak sesuai. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dan pihak pembina atau rekabentuk rekaan bagi logi bekalan air, adakah pihak Kementerian mengambil kira segala ciri-ciri semua dalam rekabentuk untuk membentuk spesifikasi yang tetap dan dalam memberikan tender, dalam proses melantik kontraktor adakah pihak Kementerian mengkaji dengan sebaik-baiknya sebelum menjalankan tugas itu?

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, logi-logi dan juga saluran paip air di kawasan Ipoh ialah terlalu lama dan tua. Sebab itulah Kementerian kami telah mengambil beberapa tindakan untuk mengadakan saluran-saluran baharu tetapi saya harap Ahli Yang Berhormat bersetuju dengan saya, keadaan kewangan tidak berapa sesuai, bukan sahaja di dalam tanah air kita, tetapi di seluruh dunia, banyak di antara rancangan sudah pun ada rekabentuk dan lain-lain tetapi tidak dapat dijalankan, sebab keadaan kewangan tidak mengizinkan untuk menjalankan projek itu. Saya harap, insya Allah, tuhan memberi lebih peruntukan pada masa depan kita boleh juga menjalankan projek-projek yang sedia ada sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

#### DOKTOR LAKI-LAKI/ PEREMPUAN—PERATURAN

**8. Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah

Kerajaan bercadang membuat peraturan supaya pesakit laki-laki diperiksa oleh doktor laki-laki dan pesakit perempuan diperiksa oleh doktor perempuan seberapa yang boleh, sekurang-kurangnya di hospital-hospital besar buat permulaannya. Ini adalah memandangkan bilangan doktor perempuan sudah bertambah.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang untuk membuat peraturan supaya pesakit laki-laki diperiksa oleh doktor-doktor laki-laki dan pesakit-pesakit perempuan diperiksa oleh doktor-doktor perempuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah.

**Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 10.

#### PENGGUNAAN JENIS UBAT

**10. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) benarkah terdapat sebilangan doktor dan ahli-ahli farmasi yang masih tidak kenal jenis-jenis ubat dan sukatan yang betul mengenai penggunaannya. Jika benar apakah langkah yang positif telah, sedang dan akan diambil untuk mengatasinya, supaya tidak menimbulkan kesan sampingan yang buruk kepada pesakit di samping mengurangkan pembaziran ubat di negara ini; dan
- (b) apakah sebabnya timbul perkara-perkara seperti ini. Adakah latihan-latihan yang diberi kepada para doktor dan

ahli-ahli Farmasi kita tidak mencukupi atau sikap tidak mahu mengetahui jenis-jenis ubat dan cara-cara sukutannya yang betul wujud di kalangan mereka yang berkenaan. Jika benar, apakah langkah yang berkesan bagi mengatasinya.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan seperti ini juga yang lebih kurang sama telah pun saya jawab di Dewan ini pada 16hb Oktober yang lalu, dan oleh kerana jawapan saya itu pada masa itu adalah serba lengkap, saya tidak ada apa-apa untuk ditambah dalam perkara ini pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan-soalan sudah habis.

#### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan telah diluluskan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Penerangan telah diluluskan oleh Jawatankuasa seluruh Dewan.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

#### DAN USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (Hari Keduabelas)

*Majlis bersidang dalam  
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Jawatankuasa*).

*Maksud B.35 B.36, B.37, B.38,  
B.39, B.40, B.41, B.42 dan B.43  
(Jadual)—*

*Maksud P.35, P.36, P.37, P.40,  
P.41 dan P.42 (Anggaran  
Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.35 hingga B.43 dan Maksud Pembangunan P.35, P.36, P.37, P.40,

P.41 dan P.42 di bawah Kementerian Dalam Negeri sekarang terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya mahu sebut Maksud B.35, Pentadbiran Am, B.36 Polis Di-Raja Malaysia dan B.37 Jabatan Imigresen.

Tuan Pengerusi, semalam saya telah menghadiri satu perjumpaan bantahan awam yang dianjurkan oleh penduduk-penduduk Tongkang Pecah, dekat Batu Pahat, Johor untuk membantah kegiatan-kegiatan jenayah pendatang-pendatang haram Indonesia yang kini mengancam undang-undang dan ketenteraman awam serta juga nyawa manusia dan keselamatan harta benda.

Pada 18hb Oktober tahun ini, seorang penoreh getah, Lim Ah Tee, berumur 42 tahun telah dibunuh oleh dua orang pendatang haram Indonesia di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Bukit Belah, Tongkang Pecah. Beliau meninggalkan seorang isteri, seorang anak perempuan berumur 4 tahun dan seorang lagi anak perempuan berumur 4 bulan dan seorang ibu berumur 84 tahun dan sekarang mereka tidak ada sesiapa yang boleh menanggung kehidupan mereka.

Sungguhpun kedua-dua pendatang haram Indonesia itu telah pun disabitkan kesalahan dan dihukum penjara selama 6 tahun, namun jenayah yang dilakukan oleh mereka telah menyebabkan penderitaan dan kesusahan yang amat sangat kepada keluarga mangsa tersebut kerana mereka telah hilang sumber rezeki mereka. Tambahan pula, kehadiran yang tidak tersekat dan kegiatan-kegiatan jenayah-jenayah pendatang-pendatang haram Indonesia di kawasan Tongkang Pecah telah menyebabkan kegelisahan dan kebimbangan yang amat sangat

sehingga penduduk-penduduk kampung tersebut tidak lagi sanggup untuk bekerja di kebun-kebun kecil yang terpencil.

Di kawasan Kulai, Senai dan Skudai, Johor minggu lalu terdapat kejadian-kejadian jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia yang melibatkan rogol, samun bersenjata, dan pemukulan. Dalam satu kes di mana selaras senapang patah yang dicuri daripada pemiliknya yang berlesen dilaporkan, pihak polis tidak pergi ke tempat kejadian untuk menyiasat sehingga selepas 3 jam kemudian. Penduduk-penduduk di Kulai, Skudai dan Senai marah sangat dengan pihak polis nampaknya tidak peduli langsung apabila aduan polis dibuat oleh orang awam tentang kegiatan-kegiatan pendatang-pendatang haram Indonesia serta jenayah-jenayah yang mereka lakukan.

Inilah sebabnya mengapa Cawangan DAP Kulai ada mengemukakan satu memorandum protes pada 22hb November yang menuntut supaya pihak polis mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia.

Tidaklah menjadi keterlaluan untuk mengatakan bahawa pendatang-pendatang haram Indonesia telah muncul sebagai masalah undang-undang dan ketenteraman awam yang serius sekali di Semenanjung Malaysia khususnya dari Selangor hingga ke Johor dan response polis terhadap masalah ini amatlah tidak mencukupi dan tidak berkesan.

Parti DAP menyeru Kerajaan bersikap lebih serius apabila menghadapi masalah ini dan Jemaah Menteri hendaklah menubuhkan satu

Pasukan Petugas III (Illegal Indonesia Immigrants) untuk hentikan masalah serius pendatang-pendatang haram Indonesia ini.

Angka-angka yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Dewan yang mulia ini mengenai beberapa ribu pendatang-pendatang haram Indonesia yang diusir keluar setiap tahun adalah tidak bermakna langsung, kerana semua orang pun tahu bahawa keadaan telah menjadi begitu serius sehingga mereka yang diusir keluar pada sebelah pagi kembali pada petang yang sama. Dan tidak guna Yang Berhormat Timbalan Menteri bertanya saya untuk mendapatkan maklumat kalau pihak polis dengan begitu ramai anggotanya tidak boleh tahu apa orang biasa yang tahu, saya rasa masalah sangat rumit, something is very wrong, dengan izin, dan oleh kerana mereka berputah balik di tengah-tengah laut dengan tidak langsung kembali ke Indonesia.

Masalah pendatang-pendatang haram Indonesia bukanlah satu masalah baru tetapi setakat ini Kerajaan perpura-pura bahawa tidak wujud masalah seumpama itu, bahawa tidak ada sindiket-sindiket tempatan, bahawa pendatang-pendatang haram Indonesia bukanlah punca besar yang melakukan jenayah. Saya ingin bertanya Kerajaan kenapa ia cuba menyembunyikan kegentingan masalah pedatang-pendatang haram Indonesia ini.

Saya amat pandang berat bahawa Malaysia telah menjadi tempat perlindungan bagi penjenayah jahat Indonesia yang lari ke Malaysia untuk menyelamatkan diri daripada dibunuh oleh 'skwad-skuad pembunuh' yang ditubuhkan oleh Kerajaan Indonesia untuk berusaha mengawal keadaan jenayah di negara tersebut tanpa menangkap dan mengadili mereka.

Pihak polis tidaklah boleh membenarkan Malaysia menjadikan

medan baru bagi kegiatan-kegiatan penjenayah-penjenayah jahat Indonesia yang tidak akan teragak-agak untuk membunuh atas provokasi yang teringan sekali. Saya tidak berasa hairan sekiranya penjenayah-penjenayah jahat Indonesia ini yang berlari daripada 'skwad-skuad pembunuh' di Indonesia terlibat dalam jenayah-jenayah besar yang berlaku di Malaysia. Rakyat hendaklah sedar daripada rasa puas hati mereka atau 'complacency' dan Kerajaan daripada sikap acuh tak acuhnya berhubung dengan masalah pendatang-pendatang haram Indonesia. Masalah ini hendaklah dihadapi seakan-akan ia adalah satu masalah keselamatan negara yang harus melibatkan Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sivik untuk mengusir semua pendatang-pendatang haram Indonesia dari Malaysia.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Indonesia berhubung dengan bekalan pekerja-pekerja Indonesia tetapi ini tidak menghentikan sedikit pun pambanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia ke Malaysia. Kerajaan hendaklah juga bertanggungjawab atas orang-orang yang menjadi mangsa-mangsa akibat jenayah-jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia. Umpamanya, Lim Ah Tee akan hidup hari ini untuk menyara keluarganya sekiranya Kerajaan tidak gagal dalam tanggungjawabnya untuk mencegah pambanjiran pendatang-pendatang haram Indonesia.

Saya menyeru Kerajaan membayar ganti rugi kepada keluarga Lim Ah Tee dan juga kepada semua mangsa kegiatan-kegiatan jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia kerana Kerajaanlah yang bertanggungjawab atas keadaan ini. Rakyat tidak lagi sabar dengan

pendatang-pendatang haram Indonesia ini dan mereka harus bangun dan membantah dengan lantang dan kuat sehingga Kerajaan mendengar dan mengendahkan tuntutan rakyat.

Kita tidaklah boleh membenarkan Malaysia menjadi sebuah negara di mana warganegara-warganegara negara-negara lain, sama ada dari Indonesia atau mana-mana negara lain boleh memasuki negara kita dengan begitu mudah, menyamun, merogol dan membunuh dan Kerajaan pula tidak mengambil strategi kaunter untuk menghapuskan ancaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya mahu sebut ialah mengenai bahagian pemulihan dadah. Tahun lalu, saya ada sifatkan masalah Pusat Serenti, Tampin di mana saya menyebutkan sebagai neraka atas bumi di mana penagih-penagih dadah yang ada dihantar ke pusat itu untuk dipulihkan adalah diseksa dan dipukul dengan tidak perikemanusiaan. Masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada memberi jaminan kepada negara bahawa satu tindakan pembedahan akan diambil. Tetapi sangat malangnya janji ini tidak dikotakan. Akibatnya baru-baru ini ada timbul satu lagi kes yang dahsyat yang melibatkan kematian Tee Kian Eng yang berumur 32 tahun dari Melaka yang telah meninggal dunia di Hospital Besar Seremban pada 26hb September, kira-kira pukul 6.00 pagi, selepas diseksa dan diberi layanan buruk di Pusat Serenti, Tampin.

Tuan Pengerusi, sebenarnya Tee Kian Eng telah dihantar ke Tampin oleh ayahnya dengan sukarela pada 13hb September, kerana mahu anaknya dipulihkan sebagai seorang yang berguna dan produktif. Selepas dihantar ke Pusat Serenti, Tampin, dihantar kepada detox unit. Pada 19hb

September, beliau ada dihantar ke lock-up, Balai Polis Melaka Tengah, menunggu perintah formal Magistret untuk dihantar ke Pusat Serenti, Tampin. Perintah ini telah pun diperolehi pada 25hb September. Tee Kiang Eng telah dibawa balik ke Pusat Serenti, Tampin pada sebelah petang hari ini juga dan selepas diperiksa oleh Pegawai Perubatan, beliau bersama empat orang lain telah, dengan izin, "send down the mountain" (colloquialism) digunakan oleh penghuni-penghuni mengenai proses di mana mereka disiksa secara fizikal apabila dihantar daripada detox unit kepada asrama mereka. Ada seorang penghuni di Pusat Serenti yang ada dibebaskan pada 20hb Oktober bersama 53 orang lain telah datang kepada saya dan memberi maklumat bahawa beliau dengan lain-lain kira-kira 30 orang penghuni-penghuni yang lain ada menyaksi apa yang berlaku yang mengakibatkan kematian Tee Kiang Eng.

Mereka berkata bahawa Kian Eng dan keempat-empat orang lain itu disuruh gulung oleh lebih 10 orang anggota kem atas jalan batu untuk selama kira-kira satu jam dan dipukul dengan kasarnya dengan batang buluh tebal di berbagai bahagian tubuh mereka atau ditendang dengan boot tinggi sekiranya mereka terlambat atau perbuatan mereka tidak memuaskan hati. Kian Eng yang tubuh badannya adalah agak lebih besar dan lebih clumsy mengalami pukulan dan tendangan yang paling banyak sekali dan selepas disiksa Kian Eng menjadi seperti tidak sedarkan diri. Kemudian beliau terus tidak sedarkan diri apabila diberikan satu lagi layanan standard yakni bulu kemaluannya dibakar oleh seorang kakitangan kem menggunakan pemetik api. Disebabkan kakitangan kem memikirkan Kian Eng berpura pura pengsan, beliau terus dipukul beberapa kali di bahagian kepalanya. Setelah kakitangan kem menyedari

bahawa Kian Eng benar-benar telah collapse, maka mereka menyeru 5 orang penghuni mengusungnya ke detox unit di mana sebuah ambulance dipanggil untuk dikejarkan Kian Eng ke Hospital Tampin. Selepas itu dihantar ke Hospital Seremban dan selepas itu meninggal dunia.

Ini bukan satu kes yang bersendirian, banyak kes yang semacam ini. Saya rasa inilah satu kes yang sangat tidak boleh disembunyikan, khasnya apabila ada 20-30 orang saksi yang lain, berbeza daripada pegawai-pegawai di kem tersebut dan sungguhpun saya ada diberi satu jawapan oleh pihak yang berkuasa bahawa mereka akan mengambil tindakan yang setimpal dalam kes ini, sehingga sekarang kita tidak tahu apa tindakan telah diambil. Saya pun ada menghantar surat kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi senarai 11 orang nama dalam lebih setahun ini ada selalu dalam kem ini melakukan kekerasan dan penyiksaan ke atas penghuni-penghuni dalam pusat Serenti, Tampin. saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh memberi penjelasan bukan sahaja kepada Dewan, tetapi kepada rakyat jelata khasnya kepada ibu bapa yang mahu anak-anak mereka dipulihkan sebagai rakyat yang berguna apabila dihantar ke Pusat Serenti, Tampin. Apakah tindakan diambil terhadap mereka yang bersalah dan apakah tindakan diambil untuk membetulkan keadaan neraka atas bumi dalam Pusat serenti supaya mereka itu ada kepercayaan, boleh menyokong berkerjasama dengan pihak Kerajaan dalam perang anti dadah supaya mereka tidak takut apabila mereka hantar anak ke Pusat Serenti, bukan untuk dipulihkan tetapi untuk dibunuh.

Dalam perkara dadah, satu perkara yang saya mahu timbulkan di sini, saya dapati beberapa sungutan daripada

ibubapa dan saudara mara orang-orang yang ada dipenjara, bahawa sebelum mereka dipenjarakan, mereka bukan penagih dadah, tetapi selepas mereka berada dalam penjara satu masa kemudian, mereka selalu mahu minta wang membeli dadah oleh kerana mereka sudah menjadi penagih dadah. Bagaimana Kerajaan boleh dapat berkesan untuk berperang untuk menghapuskan masalah dadah kalau dalam kawasan-kawasan yang dikuasai, yang dikawal oleh Kerajaan sendiri, penjara-penjara, masalah dadah berlaku tanpa apa-apa kawalan di mana mereka yang bersih sudah pun menjadi penagih dadah.

Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jawapan yang memuaskan supaya mereka yang ada orang dekat dalam penjara-penjara tidak akan kuatir atau takut, bahawa masuk penjara ialah satu jalan untuk menjadi penagih dadah.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kerajaan ada membentangkan kertas putih mengenai ancaman kepada perpaduan umat Islam dan keselamatan negara dan memang masalah pelampau agama, satu masalah yang besar yang boleh mengancam keselamatan negara. Tetapi saya harap bahawa sikap Kerajaan ini dan kertas putih ini bukan untuk tujuan parti politik masa itu untuk perbincangan antara UMNO dan PAS, isu kafir mengkafir dan selepas itu dibatalkan atas arahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menafikan bahawa pembentangan Kertas Putih ialah dimaksudkan untuk perbincangan UMNO-PAS tetapi kenapa sampai sekarang ini perkara ini nampaknya tidak diperhatikan begitu serius.

Nampaknya sekarang Kerajaan selepas membentangkan Kertas Putih, selepas pembatalan debat (debate)

UMNO-PAS masalah ini menjadi satu masalah yang kecil. Kalau begitu, Kertas Putih ada dibentangkan bukan kerana isu ini demi kepentingan negara tetapi demi kepentingan UMNO. Dan saya harap bahawa ini tidak benar. Dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri boleh menguntukkan masa untuk Parlimen membahaskan Kertas Putih oleh kerana kalau ini mustahak, patutlah Parlimen membahaskan ini. Kalau tidak mustahak, Parlimen digunakan untuk tujuan politik UMNO dalam persengketaan dengan PAS sahaja. Dan kalau begitu, ini satu perkara yang sangat dikesali.

Tuan Pengerusi, dalam perkara Polis. Saya harap bahawa Polis tidak double standard, dengan izin, dalam menjalankan tugas-tugas mereka di mana terhadap kegiatan-kegiatan parti Pembangkang seperti DAP atau lain-lain parti Pembangkang. Juga pihak Polis mengadakan satu sikap yang sangat keras, membuatkan banyak larangan-larangan dan syarat-syarat yang mahu menghadkan kegiatan-kegiatan parti Pembangkang dan di mana pihak-pihak UMNO dan MCA, GERAKAN diberikan kebebasan untuk kegiatan-kegiatan mereka.

Satu contoh yang baik ialah perhimpunan. Baru-baru ini apabila DAP mengadakan satu kempen untuk menyelamatkan Bukit China, baikpun marathon atau jog untuk menyelamatkan Bukit China dan lain-lain, pihak Polis ada ambil satu sikap bahawa inilah dasar haram. Tetapi apabila UMNO, MCA, khasnya dalam "power struggle camp Neo Yee Pan dan Tan Koon Swan", dengan izin, bukan untuk menyebut nama mereka, tetapi nama pemimpin puak mereka, mereka berhimpun beramai-ramai, banyak tempat, seluruh negara, tidak ada kacau bilau daripada pihak Kerajaan.

Kedua, ceramah. Apabila DAP mahu mengadakan ceramah, pihak Polis mahu menyekat, mahu menyukarkan keadaan, semacam di minggu depan di Pulau Pinang kita mahu satu ceramah mengikut apa yang dibenarkan. Pihak Polis mahu tahu siapa mahu cakap, apa mereka hendak cakap. Adakah ini pun syarat-syarat dikenakan kepada ceramah-ceramah Kerajaan? Adakah Menteri-menteri yang pergi ceramah sebelum itu siapkan ucapan yang sepenuhnya dan ada dihantar kepada Polis untuk ditapis untuk mendapat kebenaran, tentu tidak? Dan kenapa mahu kena kepada pihak DAP? Saya harap bahawa pihak Polis akan lebih adil dan janganlah campur dalam persengketaan dalam masalah parti-parti politik. Janganlah dianggap sudah menjadi kunci-kunci, alat-alat boneka-boneka Kerajaan Barisan Nasional. Oleh kerana mereka ada satu tugas yang terasing.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sudah cukup 20 minit.

**Tuan Lim Kit Siang:** Baik, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Padang.

3.54 ptg.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong peruntukan Kementerian Dalam Negeri bagi tahun 1985 sebanyak \$1,440,370.346.

Saya hendak bercakap tentang muka surat 187 B.35, Butiran 5— Ikatan Relawan Rakyat (RELA).

Tuan Pengerusi, saya suka menyatakan bahawa Ikatan Relawan Rakyat ini adalah pembenteng pertahanan negara kita yang ketiga yang kita maklum. Yang pertama ialah

pasukan Tentera dan kedua pasukan Polis dan ketiganya ialah pasukan Ikatan Relawan Rakyat yang mana mempertahankan negara ini daripada diserang oleh musuh-musuh negara kita. Jadi yang saya terasa dukacita di sini, Tuan Pengerusi, kematian mula wujudnya Ikatan Relawan Rakyat ini pada mula-mulanya seramai 354,000 lebih, sekarang 170,000 sahaja. Seolah-olah kita ini sudah mula berpeluk tubuh, tidak ada pencerobohan daripada mana-mana musuh negara kita, seolah-olah. Kita mesti ingat kata pepatah “air yang tenang jangan disangka tiada buaya”. Jadi, kita takut buaya-buaya akan mendarat di negara kita yang terbuka luas di dalam keadaan sekitarnya ialah laut. Jadi kita, Tuan Pengerusi, patut sangatlah Ikatan Relawan Rakyat ini diperbanyakkan, sebagaimana Vietnam yang kita sudah tahu tenteranya bukan banyak sangat, tetapi Ikatan Relawan Rakyatnya yang betul-betul sebagai gerila menghentam Amerika, bungkus baju balik ke negara Amerika. Inilah pentingnya Ikatan Relawan Rakyat negara kita ini supaya jangan kita tinggal kecil dan tirus.

Tuan Pengerusi, kita tahu rakyat-rakyat di kampung, siang hari mereka bekerja, malam hari mereka memegang senjata dan mengawal keadaan kampung halaman seolah-olah sebagai gerila sebagaimana di Vietnam itu, itulah ala-Malaysia sendiri.

Tuan Pengerusi, saya rasa RELA ini tidak ada tempat latihan yang tetentu. Patut sangatlah pihak Kementerian Dalam Negeri ini menyediakan pusat-pusat latihan Ikatan Relawan Rakyat negara ini, baik di Ibu Pejabat atau mana-mana sahaja berada ditentukan ini tempat latihan untuk seluruh negara. Kemudian ditentukan tempat latihan untuk negeri. Tuan Pengerusi, lebih-lebih lagi di tiap-tiap daerah.

Saya sendiri menjelajah setiap kawasan dalam negeri Perak. Ada balai-balai Polis tinggal, tinggallah terbungkalai dengan kayu ara naik menjalar ke atas balai-balai Polis yang tinggal itu. Apa salahnya kalau balai-balai Polis lama itu yang dihakkan oleh Kerajaan sebagai tanah kepunyaan Kementerian Dalam Negeri itu disediakan pejabat untuk daerah-daerah. Bagi negeri, dicari pula satu bangunan atau kawasan lain seperti mana-mana sekolah tinggal atau sebagainya. Ini sangat penting kepada negara, Tuan Pengerusi, supaya gerila-gerila atau Ikatan Relawan Rakyat ini betul-betul memahami kedudukan di manakah musuh datang, macam mana hendak mencari musuh apabila terjadi sesuatu angkara di dalam negara kita ini menyerang. Jadi inilah pembantu kepada Tentera dan Polis sebagai dinyatakan orang yang ketiga atau pasukan ketiga membela negara ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan gaji. Apabila saya bertanya kepada Pegawai RELA Daerah, berapa gaji Encik? Katanya gaji saya ialah \$570. \$570 driver yang lain itu katalah driver RELA itu dia boleh dapat \$600-\$700 termasuklah elaun dan sebagainya. Jadi lebih pula driver daripada Pegawai RELA Daerah, duduklah dia di situ dengan seorang pembantu yang gajinya pula \$300 lebih, sama gaji dengan buruh Majlis Daerah di bawah itu. Inikah orang yang hendak mempertahankan negara dengan gaji yang kecil? Taraf Pegawai RELA Daerah ini pula sama, bila mesyuarat Tuan Pegawai Daerah, Tuan Pegawai Polis Daerah, maka terduduklah dia di situ gajinya \$570. Hendak bercakap tidak berani, sedikit, perlahan sahaja macam dibawa dek angin suaranya, kerana dia mengenangkan gajinya itu sedikit. Bersuaralah oh! di sana lebih, dan bila keluar itu londeh seluarnya dari jauh keluar, duduk di pintu itu. Itulah saya menerangkan kedudukan

yang tak seimbang, tidak selari dengan jawatan dan kerja usaha yang menjadi harapan bangsa kita, harapan negara kita kepada mereka, iaitu kepada Ikatan Relawan Rakyat itu.

Selain daripada itu saya hendak menyentuh senjata pula, mereka diberi senjata senapang patah yang lama-lama, entah mana dapatnya yang lama-lama dahulu, boleh bawa ke muzium, yang sudah diperbaiki bawa pula ke Balai Polis, Balai Polis kata bawa ke tempat pusat memperbaiki senjatapi yang patah partnya, sekerunya sudah tanggal itu hendak kita beri kepada mereka, tentulah tidak sesuai. Saya harap pihak Kementerian Dalam Negeri memberi senapang-senapang baru, mencari ahli-ahli baru, gaji baru, semuanya baru, barulah semangat kita.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya hendak bercakap pula tentang Kementerian Dalam Negeri berkenaan dengan Polis, muka surat 190, Butiran 1—Pengurusan. Seterusnya saya mengucapkan tahniah kepada Polis bukan taraf Polis zaman dahulu lagi, Polis kita sudah ada kuda, Polis Berkuda di Gunung Rocky, tetapi di gunung Malaysia ini tidak dipakai, untuk perhiasan atau di mana perlu tempat berkuda. Selain daripada itu, ada pula Polis Kapalterbang, ada helikopter macam dalam TV itu, stail negara kita macam dalam TV, kerana ada Polis Kapalterbangnya, Laut, Darat, sudah memang pasti ada. Kemudian pula ada pencegah rusuhan, Polis Hutan, Polis Orang Asli pun ada namanya Senoi Praak, ada di Tapah sana satu kem, merah topinya, petang-petang bila mereka berehat, mereka membawa pancing, itu kerja lain, kerja luar mereka dan memang perkara biasa.

Tuan Pengerusi, Polis ini ada juga tidak bagusnya saya pandang. Misalnya, ada satu-satu majlis pembesar-pembesar negara masuk dalam masjid, Polis Islamlah

menunggu di luar masjid, mengapa tidak selaras, diimbangkan Polis sama ada pangkat besar atau siapa semua masuk ke masjid, beri Polis yang bukan Islam menjaganya, mengawal, disusun jadual itu, seperti P.C. Ramaswamy di sini, P.C. Wong di sini. Beri orang Islam naik ke atas masjid bersembahyang, menghadap Tuhan, ada Polis bukan tidak sembahyang, tetapi sudah hukum katanya guard di luar masjid itu, tetapi dia hormat juga. Ini bukan salah saya katanya, ini salah pemerintah dalam hatinya. Jadi perkara ini hendaklah diperbaiki, kemudian ada pula yang membawa kavadi. Orang-orang Hindu ini bila dia hendak Thaipusam itu dibawa kavadi, ada emas di dalamnya, sepatutnya Polis itu berilah Polis bangsa India mengawalnya sekurang-kurangnya dia boleh menyatakan eh! pergi sana dalam bahasa Tamil. Ini Bahasa Melayu, orang ramai pula 'pergi la' ini bukannya Polis, orang lain pun cakap begitu, kalau susah berikan orang India menjaga. Sangat cantik kalau kita susun sungguh-sungguh.

Tuan Pengerusi, kita patutlah adakan Polis ini dengan guru-guru agama khas sebagaimana tentera. Tentera itu oleh kerana mereka ini berkelompok-kelompok, jadi mereka belajar di dalam kem, Polis ini tidak ada, tetapi kita tahu ada Balai Polis, misalnya Balai Polis Kampar, Tapah minggu lain penceramah-penceramahannya, memberi semangat roh Islam, jiwa Islam kepada mereka.

Kita juga faham bahawa polis ini diambil bukan semuanya ada ilmu agama, dalam latihan baru diberi sedikit, di luar pun disumbangkan sedikit supaya penuh dengan keimanan juga. Merekalah sebagai contoh dan tauladan untuk membela akhlak mereka, termasuklah mereka boleh menjauhkan dadah, rasuah dan mengelakkan daripada kekerasan,

kerana agama Islam tidak menyuruh berkeras dan beri contoh-contoh yang lain. Kalau orang kita suruh bertopi keledar, kita mesti bertopi keledar. Ini tidak, orang disuruh berkeledar, dia tidak, bulat kepalanya, ini adalah contohnya dan tauladan sudah tidak ada. Dia Polis, apabila orang laju ditangkapnya, dia laju—tidak, melayang-layang memotong kereta saya (*Ketawa*). Jadi saya kata, Polis ini tulis lagi 70 km tetapi melayang-layang macam kereta sport ah! dia Polis, kalau kereta kecil tidak apa hendak menangkan orang depan, ini lari berkejar-kejar, Lori Polis hutan satu-satu dipotongnya kita. Ini baru dapat kita meluahkan perasaan itu.

Selain daripada itu, Polis juga janganlah sudah habis kerjanya balik ke rumah ada pula memakai seluar dengan kasutnya jalan masuk ke pekan hendak menunjukkan dia Poliskah? Atau ada 'something behind', dengan izin, hendak dikisahkannya, jadi mestilah kita tinggalkan semua uniform macam orang biasa. Ini terdapat dibanyak tempat dari dahulu semasa saya kecil sampailah sudah tua mesti ada seluar kuning dan kasut Polis itu merayau dalam pekan. Jadi, mana boleh, kalau di zaman dahulu tidak cukup seluar tidak apa, tetapi kita hendak disiplin, itu namanya tidak disiplin, tidak ada siapa hendak tegur, termasuklah bila pegawai-pegawai Polis yang ada mempunyai kenderaan khas, ada driver dipakai sampai malam, sampai dia hendak berjalan biasa pun digunakan, jadi hendaklah dikawal yang kecil-kecil ini. Dan inilah yang dibising oleh orang; tengoklah Polis. Kita tidak lalu hendak mendengar, bila orang kata, ini Kerajaan kita, perkara ini kecil, tetapi kita mesti perbaiki.

Kemudian yang sedih sekali saya minta Kementerian beritahu kepada kompeni-kompeni bas iaitu bila Polis naik bas feri. Ah! Datuk. Polis duduk,

pemungut tiket bas pergi ke sana pula, yang Polis ini ditinggalkan. Ini saya hendak beritahu, kerana ini amalan tak baik, bukan Polis itu rasuah, tetapi orang yang memungut tiket merasuahkan, orang lain terbedik-bedik matanya, ada orang yang miskin juga di dalam bas itu dan orang tua patut feri, ini tidak Polis ini pula feri, Datuk pula dipanggilnya. Jadi, saya minta supaya polis Di-Raja ini dapat diperbaiki walaupun cakap saya ini remeh-temeh tetapi sangat penting sebab memang ada berlaku.

Tuan Pengerusi, sekarang saya hendak beralih kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Maksud B.41, muka surat 201. Orang Asli memang banyak di tepi jalan Cameron Highlands, mereka ini duduk di pinggir-pinggir hutan, di tepi-tepi jalan sana. Saya amat menaruh rasa curiga dan kurang senang dengan perkembangan agama Kristian kerana pengembang agama Kristian ini memasuki kampung Orang Asli dengan sesuka hati mereka sahaja tanpa mendapat kebenaran yang mungkin juga akan menimbulkan masalah dari segi keselamatan.

Memang Orang Asli ini, Tuan Pengerusi, tak suka masuk Islam, yang ada masuk Islam tak banyak yang menjadi muallafnya. Memang disediakan oleh Kerajaan Negeri surau, rumah mereka dan pihak Jabatan Orang Asli pun menyediakan rumah-rumah melati itu memang baik, tetapi mereka ini sangat sukar untuk memasuki agama Islam ini kerana orang-orang Kristian ini sangat bijak menggunakan psikologi, memberi bantuan pakaian, makanan, mengajar kanak-kanak menulis, kita ada Tadika itu dia mengajar, kemudian mengajar main muzik gitar, gitar itu lagu agama diajar budak-budak muda itu, lepas itu dibawanya bas hantar ke Ipoh, ke Kampar, ke Kuala Lumpur, ke mana-mana, menarik hati Orang-orang Asli

ini, orang kita tidak. Jadi, inilah yang saya rasa dukacita sedikit, lebih-lebih lagi apabila dikumpulkan Orang-orang Asli yang Kristian ini dia kata tempat kami berkursus selain daripada ada pengembang agama Kristian terdiri daripada orang-orang Cina dan India, maka Orang asli sendiri menjadi tenaga pengajar atau pengembang agama Kristian ini, mereka menuntut pelajarannya sama ada maktab sekolah pengembang agama, saya tak tahu, tetapi berada di Port Dickson. Mereka ini selepas dihantar, orang lain pula dipanggil, jadi pengembang yang bahaya ialah pengembang agama antara kaum-kaum mereka sendiri ini lebih bahaya.

Tuan Pengerusi, kalau dapat Orang-orang Asli ini disediakan rizabnya, masih ada lagi tempat yang bertelagah dengan hutan simpanan dalam negeri-negeri itu, masih ada Orang-orang Asli tinggal, dengan sebab itulah susah mereka mendapat bantuan rumah melati dan lain-lain kemudahan asas sebagaimana Orang-orang Asli yang sudah duduk di atas Rizab Asli kerana Jabatan Hutan masih belum mengeluarkan mereka itu atau menyediakan tanah untuk Orang Asli, mereka tetap hendak menjadikan hutan simpan juga. Apabila mereka ditentukan Rizab Aslinya, barulah mereka dapat kemudahan asas sebagaimana di tempat-tempat Asli lain.

Saya merasa kurang senang juga menyaksikan bahawa Orang-orang asli ini ada tempat-tempatnya, tetapi ada tempat-tempat itu tak boleh hendak diletakkan bantuan kerana tak tahu lagi kawasan-kawasannya, maka bertompok-tompoklah, ini kawasan perlombongan kerana ada operasi lombong, sudah tak dapat rumah melati, jalan dan dewan sekolah Orang Asli semua tak dapat, ini pula Pejabat Hutan punya, jadi ada tempat Asli, dia bukan tahu, apa fasal sana

ada, sini tak ada, anak tirikan kamikah? Masa undi minta tolong undi; ada ubi ada batas, katanya, lepas itu kita jawablah; ada budi ada balas, patutnya begitulah, sampai begitu menyuarakan kehendak-kehendak mereka.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu Orang-orang Asli ini mana yang berhampiran JKR tempat-tempat mereka ini berilah mereka ini kerja, begitu juga tempat-tempat LLN diberi keutamaan. Beritahu kepada LLN, sila ambil pemuda Asli ini sebanyak 20 orang misalnya, mereka ini sangat rajin dan seolah-olah tempat kerja itulah tempat makan dan tempat dia bekerja kerana inilah tempat yang boleh menghidupkannya, katanya. Contohnya, seorang Asli bekerja JKR dalam hutan jalan yang ditinggalkan, lebuhraya zaman dahulu sebelum tahun 1936 itu, sekarang lebuhraya sudah berubah ke tengah, dia kerja dari sini ke sana macam rumah dia dibuatnya, macam halaman, bersih. Jadi, kalau dapat Orang-orang Asli ini menjaga jalan-jalan yang lama beri kepada Orang Asli. Pendeknya, Jabatan-jabatan Orang Asli mengemukakan nama-nama Orang Asli untuk menjaga JKR supaya hak dia. Begitu juga berkenaan LLN yang mana tempat ini tempat perhutanan, beri, janganlah pula sudah kerja LLN ditukar ke Perai, sudah tak erti dia hendak hidup di dalam bandar, semua tak kena. Mana Orang-orang Asli yang bekerja dengan LLN yang duduk di Tapah, di batu 14, Batu 7, Batu 8 yang atas Gunung Cameron Highlands itu diberi mereka tinggal di situ. Hidup mereka sebagaimana hidup Orang Asli, tetapi mereka bekerja buruh, mencuci kawasan itu dan sebagainya, kerja-kerja memang bersih, memang rajin tetapi ditukarkan ke Perai seolah-olah macam Kementerian Kesihatan, Hospital Assistant kerja buat dihantar pula ke tempat gigi, sudah tak tahu, macam itulah keadaannya, bukan bidang dia.

Bidang dia ialah dalam hutan, dia boleh mencuci kawasan-kawasan hutan sebagai geng mencuci di bawah talian.

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Pengerusi, saya berhentikan ucapan saya dengan menyokong peruntukan Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Mas.

*4.16 ptg.*

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Pengerusi, saya akan mengambil masa yang singkat sahaja. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 37, Butiran 4, Program Visa, Pas dan Urusetia, muka 194.

Tuan Pengerusi, memandangkan Bahagian Kelima, Sarawak, iaitu kawasan saya, adalah bersempadan dengan Negara Brunei Darulssalam dan juga memandangkan ramai rakyat Malaysia yang bermastautin di Limbang dan Lawas melawat Brunei Darulssalam tiap-tiap hari, saya bercadang supaya Kerajaan mengeluarkan Dokumen Terhad ataupun Pasport Terhad kepada rakyat yang bermastautin di Bahagian Kelima ini, sepertimana yang dikenakan kepada rakyat Malaysia yang bersempadan dengan negara jiran kita, Singapura oleh kerana kebanyakan rakyat kita yang melawat Brunei Darulssalam adalah rakyat biasa yang tinggal di Lawas dan di Limbang seperti kaun tani, kaun nelayan dan juga pedagang-pedagang runcit. Mengikut peraturan yang ada sekarang ini pasport yang diwajibkan ialah Pasport antarabangsa yang harganya lebih tinggi daripada Dokumen terhad yang sedia ada sekarang di Semenanjung.

Oleh kerana lawatan yang dibuat ke Brunei Darulssalam itu dibuat pada tiap-tiap hari, Tuan Pengerusi, untuk menjual hasil tanaman mereka ataupun hasil tangkapan mereka, maka ruangan pasport itu habis dicop dalam masa yang singkat, misal kata 1, 2, 3 bulan dan dalam 1 tahun seorang terpaksa membaharui pasportnya 3, 4 kali satu tahun. Oleh kerana itu, saya merayu kepada Kementerian ini supaya menimbang semula, (saya telah membawa masalah ini dahulu) supaya Kementerian mengeluarkan Pasport terhad ini selain daripada ataupun sebagai tambahan kepada Pasport Antarabangsa yang diwajibkan sekarang ini supaya ini pada hemat saya akan meringankan beban yang dipikul oleh rakyat jelata yang melawat ke Brunei Darulssalam. Saya harap supaya langkah-langkah tertentu dapat diambil oleh kerana beberapa rungutan telahpun dikemukakan oleh rakyat yang bermastautin di Bahagian saya untuk kemudahan ini supaya sejajar dengan apa yang dinikmati oleh rakyat seperjuangan di Semenanjung.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin menyokong Anggaran Perbelanjaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Matang.

4.20 ptg.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong di atas Maksud Bekalan 36 iaitu Polis Di Raja Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya amat dukacita di atas saranan yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang tadi berhubung dengan masalah tugas-tugas anggota polis. Tuan Pengerusi, sepatutnya Ketua Pembangkang banyak-banyak berterima kasih kepada seluruh anggota-anggota polis yang mana kita

sedar bahawa Pasukan Polis negara kita ini adalah satu daripada Pasukan Polis yang terbaik di dalam dunia ini.

Saya menyatakan begini oleh kerana kalau kita bandingkan anggota-anggota polis sama ada daripada peringkat atas atau peringkat bawah misalnya di negara-negara jiran dalam Asia Tenggara sama ada di Indonesia, Thailand atau Filipina saya rasa segi tugas, segi disiplin adalah jauh lebih baik daripada anggota-anggota polis di setengah-setengah negeri.

Saya mengatakan begini kerana kalau kita baca balik kepada sejarah tanahair kita sejak sebelum perang sehingga selepas Perang Dunia Yang Kedua iaitu sehingga semasa zaman darurat dahulu kita lihat betapa gigih, betapa berani anggota-anggota polis mempertahankan tanahair kita walaupun kita sedar bahawa ketika itu di zaman penjajah British yang mana pihak penjajah British semasa darurat dahulu memberi senjata-senjata kepada anggota polis yakni senjata yang out-dated, senjata yang digunakan semasa Perang Dunia Yang Pertama seperti Rifle Mark 3, dengan izin, tetapi di atas semangat yang diberi oleh anggota-anggota polis kita, contohnya kita lihat betapa gigih dalam peristiwa Bukit Kepong satu daripada contoh, dengan beberapa orang anggota sahaja, dengan beberapa kelengkapan yang tidak begitu mencukupi mereka mempertahankan Balai Polis yang diserang oleh beratus-ratus anggota komunis yang hendak mencerooboh bumi ini, mereka mempertahankan sehingga ke titisan darah yang terakhir. Ini satu daripada bukti keberanian mereka.

Begitu juga dalam tugas-tugas mereka seharian. Kita sedar bahawa ada segelintir anggota-anggota polis yang kurang ataupun yang tidak

berdisiplin, sebagaimana yang disarankan oleh wakil dari Batang Padang tadi, kita sedar tetapi kita selalu nampak yang mana sedikit yang buruk, yang itulah diburuk-burukkan tetapi di atas segala kejayaan, sebagaimana mereka berjaya membanteras pengedar-pengedar dadah tetapi tiada siapa pun yang memuji, kebanyakan benda yang sedikit dikeji. Ini yang menjadi satu masalah. Ya, kita kata itu tugas mereka tetapi apa salahnya kita beri kepujian kepada mereka yang mana berjaya itu, yang mana tak berjaya itu, kita manusia biasa, tak luput daripada membuat kesilapan, kita sendiri, kita mengenalkan diri kita sendiri, kita tahu kita ini manusia tetapi kita sebagai Kerajaan Tuan Pengerusi, harus sedar juga.

Kita lihat keadaan kedudukan welfare anggota-anggota polis ini, kita tengok berek-berek polis, kita tahu, saya lihat sendiri kerana keluarga kita sendiri pun ramai dalam anggota polis. Misalnya rumah flat cuma dua bilik, anak sampai tujuh, lapan orang macam mana keadaan. Kadang-kadang bersesak-sesak duduk. Ini pun kita kena jaga juga. Mana dengan tugas-tugas mereka lagi menjaga keamanan.

Di segi kenaikan pangkat misalnya. Kata orang ada setengahnya itu sengaja diberi pangkat hampir hendak pencen, umur 54 atau 53 tahun baru diberi satu calet. Saya rasa Kerajaan khasnya Kementerian Dalam Negeri supaya mengkaji sebagai satu hadiah kepada anggota-anggota polis katalah hendak pencen itu lagi lima tahun, kita tengok tentang kelayakan, kebolehan, berilah peluang. Daripada Lans Koperal berilah Koperal, sekurang-kurangnya dia pncen Koperal. Ini pencen Lans Koperal, lebih berapa duit sangat, lebih-lebih \$10. Itu sahaja. Tak ada makna, kalau kita beri dia Lans Koperal. Sudah tua dauh Kata orang-orang di sebelah utara dah

dauh dah pun. Sudah terok sangat, berilah peluang kepada mereka. Itu di segi kenaikan pangkat.

Kita menuduh pihak polis kerana ada setengahnya, bukan semua, ada setengahnya melakukan rasuah, misalnya macam kata rakan saya tadi naik bas secara rasuah. Bukan setakat diberi wang ringgit, beri barang pun kadang-kadang rasuah juga. Kita cari bagaimana hendak mengatasinya.

Misalnya kepada pihak tentera kita sedar, kita ada guru-guru agama sebagaimana kata wakil dari Batang Padang, kita patut ada guru agama khas kepada anggota-anggota polis. Misalnya di Taiping ada guru agama tetapi bukan dibayar gaji oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Mereka itu ada seorang ustaz yang dibayar elaun oleh anggota-anggota polis itu sendiri. Misalnya di Taiping ada lebih kurang 200 anggota polis. Tiap-tiap anggota polis itu mereka ada satu badan kebajikan. Ini satu kebaikan, mereka ada satu badan kebajikan untuk kepentingan mereka. Jadi tiap-tiap bulan mereka mengumpulkan wang tadi sekurang-kurangnya \$3 mengikut keadaan pangkat, kalau Lans Koperal misalnya \$5 sebulan, kalau Koperal \$10, Sarjan \$15 atau yang berpangkat tinggi lagi, jadi wang itulah mereka kumpul, mereka adakan guru-guru agama dan juga guru agama untuk mengajar anak-anak mereka dan juga mengajar agama kepada anggota-anggota polis sendiri kerana mereka pun ada satu surau.

Jadi kalau kita kaji betul-betul untuk menerapkan nilai-nilai Islam tadi khasnya kepada anggota-anggota polis, saya rasa patut juga kita ada guru agama dibayar gaji oleh pihak Kementerian Dalam Negeri. Ini memang baik, sebab sebagaimana kita kata Islam sebagai agama rasmi. Jadi apa salahnya kita mengadakan guru agama yang bertauliah dan dibayar gaji oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.

Jadi tempat-tempat besar macam di Perak di Ipoh, di Taiping, misalnya ada 200 anggota polis sekurang-kurangnya ada dua guru agama, seorang Ustadz ataupun seorang lagi Ustadzah.

Jadi maksud saya ialah supaya anggota-anggota polis ini apabila bukan masa bertugas, waktu malam misalnya, mereka boleh datang ke surau-surau untuk mendalami hal-hal agama. Dari situ dapatlah mereka memahami, mendalami sedikit sebanyak masalah agama, kerana kita sedar bahawa ada setengah-setengah anggota polis yang beragama Islam ini yang tidak memahami langsung masalah agama bukan tidak faham—mengucap dua kalimah syahadat, semua orang boleh, orang bukan Islam pun boleh mengucap, tetapi memahami benar-benar masalah Islam tadi, semua orang mengaku dia Islam tetapi apa itu Islam, dia tidak faham. Kadang-kadang itu buruk cakap, masalah fardu ‘ain sendiri pun dia tidak tahu, hendak mandi junub, hendak nikah, sudah hendak kahwin, esok hendak menikah, baharu hendak belajar mandi junub. Itu saya minta maaf, Tuan Pengerusi. Ini saya cakap terus terang. Bukan kepada anggota polis sahaja, kepada sesiapa sekalipun yang beragama Islam kadang-kadang ini satu perkara yang cukup sedih.

Saya pun berterima kasih, misalnya di Wilayah Persekutuan, kita Tengok ada satu tempat diadakan kursus, misalnya dua bulan atau tiga bulan lagi hendak kahwin, hendak nikah, diadakan latihan mengikut hukum-hukum kita sebagai suami isteri dalam Islam.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu masalah anggota polis ini, saya hendak tegur sedikit atas satu dua perkara iaitu masalah disiplin supaya dapat kita cari jalan. Saya masih ingat Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri kita semasa melawat ke

Taiping dalam satu perjumpaan dengan pegawai-pegawai polis, dia telah menerangkan sedalam-dalamnya dalam masalah disiplin anggota-anggota polis. Jadi selepas itu saya bersyukur Alhamdulillah, ramai pegawai-pegawai polis di tempat saya di Taiping itu mereka mencari jalan hendak mengambil guru agama. Sekarang ini OCPD di Taiping, Ketua Polis Daerah pun seorang ahli agama. Ini yang kita hendak. Saya berasa bersyukur ke hadrat Allah kerana di Taiping sekarang ini di tempat saya Ketua Polis Daerah itu seorang ahli dalam agama. Jadi kalau dia pergi ke masjid pun dia bercakap di sulam dengan agama. Dan kepada anggota-anggota beliau sendiri pun dia bercakap berkaitan dengan agama.

Jadi saya berharap kepada Kementerian Dalam Negeri supaya pegawai-pegawai polis ini pun diberi latihan dalam agama, menerapkan nilai-nilai Islam. Dari situ mereka dapatlah mendisiplinkan diri mereka. Jadi sifat kita bila sudah mengenal Allah Subhanahu wataala, baharulah mereka itu ada sifat taqwa tidak mahu melakukan perkara-perkara yang mungkar.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai masalah “road-block”. Masalah road-block ini pun satu perkara juga. Bukanlah bererti saya menentang adakan road-block ini tetapi cara mengadakan road-block itu adalah membahayakan anggota-anggota polis sendiri, kerana terjadi kepada diri saya sendiri pada satu ketika dekat Kampar semasa saya balik, ada lampu terang benderang iaitu lampu hendak merayakan Hari Kebangsaan. Jadi dekat dengan road-block itu lampunya kecil, lampu neon itu kecil sangat. Kita tidak nampak orang berjalan dan saya sendiri nyaris-nyaris melanggar road-block itu tetapi syukur Alhamdulillah, saya dapat ternampak kerana motokar datang.

Bila road-block, kita berjalan, motorkar banyak waktu malam, kita tidak nampak lampu kecil di tengah-tengah itu, kita nampak lampu motokar lebih besar lagi. Pihak polis, cara membuat road-block, misalnya dekat Kantan, itu baik. Cara ia buat itu dari jauh kita sudah nampak, lampu itu tinggi. Jadi kita tahu ini lampu apa, kemudian dari jauh kita nampak polis ada sebelah kiri seorang, sebelah kanan seorang, road-block di hadapan, kita nampak lampu di sebelah kiri satu, di sebelah kanan satu, dari situ kita sudah tahu ini tentu ada apa-apa, kita pun perlahan. Saya ini bukan apa, saya takut kalau lampu kecil di tengah-tengah jalanraya, motokar lalu lalang, kita takut anggota polis sendiri akan menerima akibatnya, takut dilanggar oleh orang lain. Itu dia satu masalah, bukan kita gaduh berkenaan dengan road-block itu. Cara road-block biarlah kepada anggota-anggota polis mencari jalan yang sesuai supaya kena kepada anggota polis itu nanti "public" langgar pula, dia tidak nampak.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya minta Kementerian Dalam Negeri, dahulu lebihkurang 10 tahun, 20 tahun dahulu, kita lihat anggota-anggota polis ini sekurang-kurangnya seminggu atau dua minggu mereka adakan latihan berkawat atau beriadah.

Sekarang saya tengok tidak ada di tempat saya sendiri, tidak pernah saya tengok berkawat seminggu sekali atau berlatih di hadapan balai itu, tidak ada. Bila ada Yang Berhormat Menteri atau Timabalan Menteri hendak pergi, hendak adakan barisan, baharulah lagi seminggu adakan latihan, hendak betulkan ini semua. Sekarang sudah tidak ada, jadi apa salahnya kita adakan sekurang-kurangnya dua minggu atau seminggu sekali latihan kepada anggota polis ini. Jadi tujuan kita beriadah itu menyihatkan badan anggota-anggota polis.

Kita tidak mahu kerana ada setengah-setengah anggota polis ini dia tidak ada langsung riadah, bila umurnya 30 tahun lebih sampai 40 tahun ramai daripada anggota polis itu sudah jadi gemuk, kerana tidak ada riadah, perut sudah naik buncit. Termengah-mengah, bila hendak menghambat pencuri, sudah tidak larat. Kalau dia selalu riadah, dia pun sihat, dia boleh hambat. Ini badan sudah tidak larat, tidak ada "exercise" langsung, kalau macam badan saya ini "anytime" lah, tidak mengapa, hendak hambat itu boleh, tetapi kalau 10 batu tidak boleh, setakat satu batu boleh. Saya harap kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya anggota-anggota polis ini hendaklah selalu adakan riadah, ataupun latihan-latihan berkawat supaya "fitness" mereka itu, kesihatan mereka itu lebih sempurna. Ada setengahnya tidak larat. Kita selalu tengok polis yang ada di dalam kawasan yang menjaga Parlimen ini muda-muda, "handsome" belaka tetapi setengahnya itu umur yang 40 tahun itu tidak larat, kerana mereka tidak ada diberi latihan, kalau yang ada main badminton, yang minat di bahagian itu tidak apa, ada juga fit badannya. Inilah satu cara saya berharap kepada Kementerian ini supaya melatih sekurang-kurang seminggu atau dua minggu sebaik-baiknya biarlah seminggu sekali melatih mereka sebagai anggota-anggota polis. Kita lihat tentera, mereka sehari, dua hari ada berlatih berlari, membawa barang di belakangnya, sebab itulah askar badannya tegap-tegap, walaupun pendek tetapi kemas, ada setengah anggota-anggota polis itu badannya lembik, bila hendak angkat senjata pun tidak larat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menggulung sekarang?

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Ya, ini hendak

menggulung, terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi itulah serba ringkas mengenai anggota-anggota polis yang saya maksudkan tadi.

Jadi dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong di atas Maksud B.36 Polis Di-Raja Malaysia yang saya sebutkan tadi di bawah Kementerian Dalam Negeri dan sekali lagi saya menyokong di atas peruntukan bagi Kementerian Dalam Negeri.

4.40 ptg.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Cepa):** Tuan Pengerusi, di bawah Maksud Bekalan 36 muka surat 191, butiran 4—Risikan Keselamatan. saya minta pihak yang berkenaan supaya di samping merisik orang-orang politik pihak Pembangkang, khususnya PAS, janganlah sampai tidak merisik langsung orang-orang politik sebelah Kerajaan sama, termasuk para Menteri sendiri.

Peruntukan merisik hendaklah dilakukan secara saksama supaya tidaklah PAS sahaja yang sentiasa dikira punca pecah-belah dan mengancam keselamatan. Kerana perpecahan itu sendiri bererti “belah menjadi dua”. Kalau sebelah sahaja yang pecah, memang tidak masuk akal dan tidak pernah berlaku. Misalnya, ada Menteri yang membuat saranan supaya dihidupkan balik semula konsep Pemuda Lasak semasa mereka mengisytiharkan operasi Gerak Gempur baru-baru ini. Konsep Pemuda Lasak telah diwujudkan sebelum ini dan berakhir dengan tragedi 13 Mei, 1969. Oleh itu, bila konsep Pemuda Tahan itu hendak dihidupkan balik, maka besar kemungkinan tragedi pahit itu hendak dicituskan semula sebagai usaha melindungi kelemahan-kelemahan mereka dan kemudian mereka akan melemparkan puncanya ke atas parti-parti Pembangkang, termasuk PAS.

Tidak mustahil hal-hal seperti ini berlaku dan dilakukan oleh orang-orang yang mati akal kerana kelemahan-kelemahan dan kegagalan-kegagalan yang begitu banyak berlaku dalam negara kita sekarang.

Yang kedua, “Pengisytiharan Perang” ke atas PAS yang dibuat oleh seorang Menteri yang masih muda yang pernah disifatkan oleh bekas Presiden Pas dahulu sebagai “anak ayam baru tumbuh bulu”. Perisytiharan itu dibuat di Taman Ibu Kota, Kuala Lumpur dalam satu ceramah besar-besaran tak berapa lama dahulu. dan selepas itu diisytiharkan juga oleh seorang Menteri lain di Kijang Camp, Kota Bharu bersama seorang Menteri Besar. Isytihar Perang itu walaupun sehingga hari ini berlaku di sebelah pihak sahaja tetapi boleh menaikkan darah dan memarakkan semangat orang yang di sebelah lagi. Orang-orang PAS yang serba kekurangan dan sentiasa merasa dirinya teraniaya dan dipulaukan oleh pihak yang berkuasa sejak jatuhnya Kerajaan PAS pimpinan Dato’ Asri, dahulu akan semakin besemangat dan bergantung lebih rapat dengan Allah Azzawajalla, Tuhan Yang Maha Kuasa yang memang sentiasa melindungi orang-orang yang teraniaya.

Hendaklah diingati bahawa Iraq yang telah mengisytiharkan perang sebelah pihak ke atas Iran pada akhir tahun 1970an dahulu dengan mengenyepikan Perjanjian Algiers mengenai Perairan Shat-al Arab, Iraq inilah pula sekarang ini telah berkali-kali merayu dan memohon kepada dunia supaya menolongnya mengembalikan perdamaian dan berunding dengan musuhnya Iran, menyebabkan negara-negara lain tak fasal-fasal, tak ada beban menggalas batu. Tragedi Iraq-Iran ini, bagi saya lebih kurang sahaja dengan tragedi mencetuskan tuduhan-tuduhan yang sengaja diada-adakan oleh pihak

Kerajaan ke atas PAS yang mencetuskan demonstrasi 1978 dahulu untuk membolehkan lakunan darurat diisytiharkan.

Sewaktu melakukan tuduhan dan campurtangan dalam rumah tangga PAS dahulu, pihak berkenaan telah mengangalkan perpecahan umat tidak akan berlaku tetapi kuasa Allah mengatasi segala kuasa makhluk, aksi jahat itu telah menimbulkan reaksi perpecahan sampai ke hari ini dan menjadi isu terkedepan sekali.

Soalnya bolehkah pihak Risikan Keselamatan mempercayai dakwaan bahawa sebelah PAS sahaja yang mencetuskan perpecahan sampai berlaku demonstrasi seperti yang didakwa-dakwi itu dan PAS sahaja yang menjadi sebab utama mengapa darurat mesti diisytiharkan di Kelantan dahulu. Sedangkan sampai hari ini tidak ada seorang pun pemimpin PAS ketika itu pernah didakwa dan dikenakan tindakan-tindakan mahkamah, termasuk ISA.

Yang ketiga, kes melepaskan tembakan senjatapi di majlis ceramah PAS Kampung Parang Puting, Pengkalan Chepa, Kelantan semasa cuti Deepavali baru-baru ini. Begitu juga peristiwa membaling telur ke atas orang-orang PAS yang sedang bersembahyang jemaah Maghrib di rumah Encik Yaakob Jalil, Seri Kelemak, Alor Gajah, Melaka pada 29hb September, baru-baru ini. Juga pada 27hb September di Bukit Beringin, Masjid Tanah, Melaka dan lain-lainnya yang semuanya mencerminkan bukan orang PAS sahaja yang patut ditumpukan risikan dan tuduhan pelampau tetapi orang-orang di sebelah sana pun apa kurangnya?

Tuan Pengerusi, di antara fakta-fakta yang menimbulkan pecah belah dalam masyarakat dan perlu mendapat perhatian pihak Risikan ialah ucapan-ucapan provokasi dalam hal-hal

keagamaan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab, khususnya dari orang-orang atasan. Misalnya, tak berapa hari lepas, satu kenyataan telah dibuat oleh pucuk pimpinan sekarang bahawa ada segolongan rakyat yang menggunakan buku asing untuk bahan bacaan dan rujukan "Buku itu dicetak berkali-kali untuk diedarkan", katanya.

Saya tegaskan di sini bahawa dalam Islam tidak ada cerita karut seperti itu. Dalam Islam tidak ada teori "pengarang asing", "buku asing", "ulamak asing" bahkan "bangsa asing" seperti yang laris disebut-sebut sekarang ini. Teori "asing mengasing" ini dicetuskan oleh musuh-musuh Islam melalui penjajahan Kristian Barat dahulu dan ditelan bulat-bulat oleh orang-orang Islam "baka" yang telah terputus hubungan dengan tamadun agamanya sendiri, lalu merasa sedih dengan apa sahaja yang disuap ke mulut dan mental.

Fahaman seperti inilah mengikut almarhum (Dr) Abdul Halim Mahmood, Sheikh ul-Azhar dalam bukunya "Islam dan Komunis" merupakan modal yang paling laris yang dipergunakan oleh golongan komunis memperdayakan orang-orang Islam—orang-orang Islam baka di negeri-negeri yang hendak dijajahnya yang akhirnya mereka terperangkap.

Kalau fahaman dan kenyataan seperti itu dibiarkan membiak di negeri ini, maka akan sampai masanya Al-Qur'anul-Karim itu sendiri pun akan dikira asing dan ucapan Syahadat Tauhid juga akan dikira asing, bahkan Nabi Muhammad s.a.w. dan Allah s.w.t. itu pun akan disenaraikan sebagai orang asing dan barang asing. (Wal-ya'uzu billah).

Dan apabila saat-saat seperti ini melanda masyarakat kita (barang dijauhkan Allah), maka itulah

masanya negara ini menjadi negara komunis dengan rasminya. Dan ketika itu segala masjid dan juga institusi-institusi agama dengan senyap-senyap akan berkhidmat pada siapa sahaja yang sanggup membayar upah padanya dan masyarakat Islam ketika itu akan berdepan dengan perpecahan yang lebih hebat dari zaman sekarang yang dikira masih dalam peringkat menabur benih untuk dicambahkan.

Tuan Pengerusi, kami sedar bahawa isu-isu seperti ini seperti juga isu penyingkiran al-Ustaz Haji Hadi Awang dari PAS sengaja ditimbulkan dengan tujuan mengalihkan pandangan rakyat terhadap isu sebenar masa sekarang iaitu isu skandal BMF iaitu skandal yang pada mulanya satu percubaan telah dibuat untuk menutupnya rapat-rapat melalui kenyataan-kenyataan bahawa ianya cuma kesalahan-kesalahan moral sahaja yang perlu dipandang jijik, bukannya jenayah yang sukar diampun. Jauh sekali dari skandal yang memalukan Kerajaan dan memporak-perandakan anggota Kabinet seluruhnya, tetapi oleh kerana tekanan-tekanan dari Pembangkang dan akhir-akhir ini dari Pemuda UMNO sendiri telah memaksa pucuk pimpinan mencetuskan isu-isu seperti tadi, mana tahu kalau-kalau bangkai sebesar itu dapatlah kiranya menolong mereka mendapat rawatan cemas sekurang-kurangnya.

Sehubungan dengan isu penyingkiran al-ustaz Haji Hadi Awang dari PAS seperti yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini, saya ingin menyebutkan bahawa jangan-jangan beliau sendiri yang akan disingkir daripada partinya setelah beliau pernah disingkirkan pertama kalinya oleh bekas Perdana Menteri yang pertama dahulu. Saya katakan begitu kerana di zaman pimpinan beliau

berlakunya pembunuhan politik yang pertama di negara ini, yang tak pernah berlaku sebelum ini di zaman Perdana Menteri-Perdana Menteri yang lain. Di zaman beliau jugalah berlakunya Skandal Bankrapsi Bank Bumiputra.

**Tuan Othman bin Abdul:** Standing Order 36 (1).

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1) iaitu seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu.

Saya memutuskan supaya Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa jangan lagi terlalu terkeluar daripada isi ucapan-ucapan berkenaan dengan masalah di hadapan kita sekarang. Sila teruskan, Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat:** Saya bangkitkan perkara ucapan tadi sebagai satu ucapan provokatif yang menimbulkan perpecahan yang mesti dijawab.

Tuan Pengerusi, ada berita kafir mengkafir akan dibawa ke Majlis Fatwa Kebangsaan. Ingin saya sebutkan di sini supaya persefahaman dan perpaduan sebenar dapat diwujudkan. Yang pertama, kalau fatwa kafir mengkafir yang hendak dibuat itu hanya berkisar di atas tajuk mengkafirkan orang lain, maka fatwa seperti itu sudah pun dibuat beberapa lama dahulu dan alhamdulillah kecoh yang sebenar yang wujud sekarang bukannya mengenai mengkafirkan orang lain seperti yang dibesar-besarkan. Sebab itu kalau fatwa yang akan dibuat itu tidak juga menepati dengan kecoh sebenarnya yang berlaku, maka akan berlakulah cerita

kudis di lain, ubat di lain yang rosaknya enjin tetapi yang dibaiki ialah tayar.

Saya berkata isu kafir mengkafir itu sengaja dibesar-besarkan ialah kerana siapa sahaja yang membaca kitab "Mustika Hadis", Bahagian Murtad, sebagai contoh atau siapa sahaja yang membaca kitab Tafsir al-Azhar, karangan almarhum Bapak Hamka di bawah ayat: "innallazina farraqu dinahum", di sana mereka akan mendapati sepenuhnya hakikat sebenar isu ini. Oleh itu kalau pengarang-pengarang tadi dikira sebagai "mengkafirkan" sesama Islam, maka bermakna bukan kami sahaja yang terlibat. Itu satu.

Yang kedua, kalau fatwa tadi bertujuan menegapkan kedaulatan Islam, maka Islam mustahil boleh tegap berdaulat dengan hanya fatwa mengenai serpihan-serpihan hidup untuk ditempelkan di atas asas sekular yang masih bertapak kukuh di negara kita sekarang. Oleh itu bagi mengenalpasti apakah dia kecoh dan problem sebenar dalam hal ini, kami sentiasa menunggu kiranya di pihak-pihak yang tertentu sudi berhubung bersemuka dengan kami, lebih-lebih setelah "Majlis Debat" yang sangat berharga itu dibatalkan begitu sahaja.

Dan akhirnya, kalau tujuan fatwa ini hanya untuk melumpuhkan parti Pembangkang seperti PAS, maka fatwa-fatwa Kerajaan sendiri atau yang diberi nama "AKTA", "Akta Pengharaman Bulan Bintang", "Pengharaman Allah-Muhammad", Pengharaman Kitab-kitab Sheikh Abdul Kadir Mendiling telah pun dibuat sebelum ini, tetapi kesannya terhadap PAS, al-hamdulillah, seperti yang sama-sama kita lihat sekarang terus kukuh dan berkembang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bagan datok.

4.50 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Pengerusi, saya bangun dan menyokong peruntukan Belanjawan untuk Kementerian Dalam Negeri, Maksud B.35, muka surat 187 dan juga Maksud P.35 dan B.36.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin menyampaikan ucapan khasnya daripada pengundi-pengundi kawasan saya dan seluruh negeri Perak serta negara tentang prestasi Kementerian Dalam Negeri yang begitu baik dalam menjalankan tugas-tugas untuk keselamatan negara. Saya sentuh perkara ini dalam Maksud B.35, muka surat 187, Perkara 1—Pentadbiran.

Oleh kerana keselamatan negara merupakan satu perkara yang amat penting bagi negara Malaysia yang sedang membangun di mana rakyatnya yang berbilang kaum dan agama tanpa keselamatan segala perkara yang diatur oleh Kementerian-kementerian yang lain tidak akan dapat dilaksanakan. Ertinya, jika keselamatan negara terganggu, seluruh kehidupan rakyat dalam kehidupan sehari-hari tidak bermakna. Maka dengan sebab itulah saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang termasuk Polis dan lain-lain pasukan yang bertindak untuk menjaga keselamatan telah menjalankan dengan tugas yang begitu baik, telah membuat apa sahaja yang boleh untuk menjaga kestabilan dan keselamatan di dalam negara kita ini.

Baru tadi wakil Yang Berhormat daripada Pengkalan Cepa telah mengatakan di bawah pemerintahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang ada sekarang Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad telah suatu perkara yang buruk telah berlaku. Ini adalah cabaran dan

dengan kepada Perdana Menteri dan Menteri-menteri Kabinet serta Kerajaan, terutama Kementerian Dalam Negeri. Walau apa pun berlaku yang ditimbulkan tetapi perkara itu telah dapat kita selesaikan melalui undang-undang terutama sekali mengenai keadilan mahkamah dan sebagainya. Saya mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan juga Menteri dalam Negeri serta Timbalan Menteri Dalam Negeri dan seluruh kakitangan Kementerian Dalam Negeri yang tidak mengira apa juga bentuk yang dilakukan oleh warganegara di dalam negara kita ini, tidak kira ianya penyokong parti Kerajaan atau lebih-lebih lagi Pembangkang atau rakyat biasa yang melakukan kesalahan tetap akan menerima hukuman.

Tuan Pengerusi, sebentar tadi saya mendengar Yang Berhormat daripada Pengkalan Cepa mengatakan bahawa Pemuda tahan lasak yang telah mencetuskan peristiwa pahit 13 Mei. Ini saya menafikan sama sekali, Tuan Pengerusi. Oleh kerana kalau Yang Berhormat itu sedar bahawa wujudnya Pemuda tahan lasak, adalah ketahanan lasak ini diperlukan untuk membangunkan negara, bukan untuk mengadakan, mewujudkan peristiwa pahit 13 Mei dan sebagainya. Peristiwa 13 Mei adalah dicetuskan kerana pada masa itu sebuah parti Pembangkang yang belum pun menang lebih daripada 50% dan dicampur pula oleh golongan-golongan penjenayah iaitu mengambil kesempatan telah mengadakan perarakan di Kuala Lumpur, dan itulah yang menyebabkan Peristiwa 13 Mei, bukan dicetuskan oleh Pemuda UMNO tahan lasak. Jadi, ucapan-ucapan yang seperti inilah bukan sahaja di luar Dewan oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang, di dalam Dewan pun cuba untuk memberi ucapan memecahbelahkan perpaduan kita. inilah yang sangat menyedihkan. Bagi saya, sebagai seorang Ahli Yang

Berhormat wakil tinggal dari Parti Pas itu sepatutnya ucapan-ucapan seperti itu tidak diucapkan di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit perkara yang disuarakan oleh Timbalan Menteri dalam Negeri mengenai Perkara 4 di muka surat 187 ini iaitu Tapisan Filem dan juga Penerbitan. Oleh kerana perkara video lucah telah banyak kali disebutkan oleh Timbalan Menteri, termasuk memberikan akhbar-akhbar satu tekanan yang disuarakan oleh Timbalan Menteri bahawa video ini sudah agak begitu merbahaya sekali, terutama sekali video lucah di mana video-video ini telah sampai kepada penuntut ataupun murid-murid sekolah. Saya sangat berharaplah kepada pihak Kementerian Dalam Negeri supaya pihak-pihak yang membuat cetak rompak di atas video ataupun kaset ini, bukannya pengedarnya sahaja tetapi kedai-kedai yang didapati menjual video ataupun tape yang kita katakan sebagai cetak rompak ini supaya diambil tindakan undang-undang yang sekeras-keras. Kalau kita tidak dapat, katalah kita tidak dapat menangkapnya, saya rasa pihak Kementerian Dalam Negeri boleh membuat satu-satu tindakan dan mengenakan hukuman yang sekeras-kerasnya. Tuan Pengerusi, saya suka menyebut sedikit berkenaan dengan B.36, muka surat 191 mengenai Pencegahan Jenayah juga Siasatan Jenayah, Butiran 3 (2).

Di dalam hal ini, saya mengucapkan sekali lagi tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri, terutama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah membentangkan Kertas Puteh di dalam Dewan yang mulia ini dan daripada Kertas Puteh itu kita telah sibar kepada seluruh rakyat supaya rakyat tahu, apakah kegiatan-kegiatan penjenayah

terutama sekali kepada pemimpin-pemimpin yang cuba mempermainkan agama untuk kepentingan politik sehingga mencetuskan rasa tidak adanya bersatu padu di antara satu sama lain sehingga perpaduan umat Islam itu sendiri terpecah, terganggu dan sebagainya.

Satu peristiwa yang berlaku yang paling pahit saya rasa di dalam negara kita ialah yang kita anggap puak pelampau agama yang berlaku di Balai Polis Batu Pahat di mana pembunuhan telah berlaku yang telah disebutkan di dalam Kertas Puteh itu, ini merupakan satu contoh yang harus diambil ingatan oleh setiap rakyat terutama sekali rakyat kita orang-orang Melayu yang beragama Islam bahawa puak-puak pelampau ini sentiasa ada untuk mencetuskan pembunuhan dan sebagainya.

Saya mengucapkan tahniah juga walaupun belum sampai kepada Kementerian Penerangan, bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri mengadakan satu drama yang dinamakan "Guru Yahya" tetapi saya tidaklah mengaku itu tidak sedap sedikit nama saya dijadikan sasaran, saya Cikgu bukan guru. Jadi drama itu adalah sangat baik menjadi contoh dan teladan kepada terutama sekali kepada mereka yang ekstrim di dalam agama Islam supaya dijadikan contoh akibat daripada terlalu sentimen ataupun terlalu taksuf seseorang guru sehingga apa juga yang dikatakan oleh guru itu sanggup dilakukan oleh pengikut-pengikutnya walaupun menyerahkan isterinya kepada guru itu, walaupun membunuh dan sebagainya, ini menjadi satu teladan kepada rakyat dan saya menyokong selain siaran drama itu diulang waktu bulan Maulud Nabi.

Tuan Pengerusi, Kementerian Dalam Negeri bukan sahaja sepatutnya menyiasat jenayah-jenayah yang berlaku di dalam negara kita ini,

saya suka mencadangkan supaya suatu pasukan siasatan jenayah yang rapi dapat diadakan di Jabatan Perdana Menteri dengan tujuan sepertimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri, memang ada golongan-golongan yang suka untuk menghancurkan kepimpinan Kerajaan kita yang begitu baik pada masa ini dan untuk jenerasi rakyat bagi beratus-ratus tahun yang akan datang. Saya rasa di bawah pemimpin Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri yang ada sekarang ini patut membuat suatu supaya golongan-golongan yang sentiasa hendak menjatuhkan Kerajaan ini disiasat betul-betul. Kerana kita sendiri maklum dari segi sejarah mereka ini sentiasa mencari jalan untuk menghancurkan apa juga rancangan Kerajaan untuk bumiputera dan rakyat yang berbilang kaum ini dengan cara hidup yang sebaiknya, mereka akan musnahkan. Mula-mula mereka merancang untuk menjatuhkan kepimpinan dari segi mewujudkan satu perkara berkenaan dengan Bank Rakyat, beberapa orang pemimpin Melayu telah tersingkir daripada kepimpinan walhal itu tidak menjadi kes. Yang sebenarnya ada golongan-golongan yang hasrat dengki dan sebagainya kepada kepimpinan kepimpinan baik dalam negara ini.

Kedua, diwujudkan pula isu BMF ini. Ini juga satu rancangan daripada golongan yang disebut oleh Perdana Menteri tadi yang ingin untuk melihat kejatuhan Kerajaan kita sekarang. Dan banyak lagi barangkali perancangan-perancangan yang dibuat oleh golongan-golongan yang sentiasa untuk mencari jalan bagi menjatuhkan Kerajaan kita yang begitu baik yang dapat memberi nikmat kepada seluruh rakyat di dalam negara kita ini. Kita dapat hidup dengan baik, dengan tenang, dengan senang, kalau kita bandingkan negara kita Malaysia dengan negara-negara lain di dalam dunia ini, kita dapat mengetahui dan kita sendiri dapat pergi melawat ke

negara-negara lain, kita lihat betapa susahnyanya rakyat di dalam negara itu.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat pun sudah mula melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (1).

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Maaf, Tuan Pengerusi. Ini saya sentuh adalah dengan tujuan perkara siasatan jenayah, saya rasa perlu disiasat dengan mendalam supaya rakyat di dalam negara ini sedar akan kenikmatan yang kita hidup di dalam negara kita ini tidak dapat dinikmati oleh negara-negara lain, sebab itulah rakyat negara lain banyak yang hendak datang duduk dalam negara kita ini dan ini akan menyentuh pula kepada Kementerian Dalam Negeri bahagian Jabatan Imigresen, muka surat 194, B. 37.

**Tuan Pengerusi:** Ada lojiknya juga.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, terima kasih.

Saya teruskan, perkara ini, Tuan Pengerusi, supaya risikan keselamatan dan siasatan jenayah itu dapat diadakan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan begitu rapi sekali, kerana kita tidak mahulah dengan adanya rancangan oleh golongan-golongan yang saya sebutkan tadi seorang yang begitu baik pentadbiran, dari segi audit umpamanya, katalah Allahyarham Jalil yang meninggal di Hong Kong itu sangat menyedihkan, peristiwa itu berlaku di luar negeri.

Saya ingin bertanya sebelum beliau pergi dihantar oleh Bank Bumiputra, adakah dia menghubungi pihak polis supaya polis mengadakan satu iringan sebagai keselamatan beliau yang hendak menyiasat perkara itu? Ini semua patut dibuat untuk masa yang akan datang, yang sudah mati itu, matilah, apa hendak buat, tetapi untuk yang akan datang perlu kepada

pemimpin-pemimpin macam Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Dato' Musa Hitam dan Yang Berhormat Menteri-menteri yang menjalankan tugas, pegawai-pegawai dijaga jangan sampai sudah hendak mati, baharu hendak dijaga, tidak ada maknalah. Sebelum ia mati, sebelum ianya menemui satu-satu perkara, saya rasa pihak polis kita mendapat sanjungan yang begitu tinggi pihak perisik mendapat sanjungan tinggi, bahawa polis perisik dan sebagainya dalam negara Malaysia kita ini adalah sebuah pasukan yang terpuji. Ini dipuji oleh pelawat yang datang daripada luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh sedikit atas perkara lain oleh kerana masa tidak mengizinkan iaitu dari segi faedah ataupun dari segi kemudahan untuk pasukan-pasukan Polis, saya menyokonglah beberapa orang rakan saya tadi daripada Barisan Nasional, patutlah juga diperkemaskan. Saya masih menyuarakan di sini seperti mana tahun lalu dalam Belanjawan iaitu masih ada lagi balai-balai dan rumah-rumah polis semasa penjajah Inggeris dahulu diadakan sampai sekarang ini belum digantikan baharu. Contohnya Balai Polis Bagan Datok. Ini telah yang diakui oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, masa Encik Kassim Ahmad melawat, melihat sendiri dan berjanji bahawa Balai polis itu akan dibaharukan, sampai sekarang belum berbuat lagi. Begitu juga rumah Polis Hutan misalnya sebagai contoh; saya sentuh sedikit-sedikit sahaja. Rumah-rumah Polis Hutan di Ipoh yang ada di belakang Lapangan terbang rumah papan, robak rabik, kasihan wal hal mereka itu mempertarongkan nyawanya untuk keselamatan. Pasukan Polis Hutan ini teruk sekali, ia tidak macam pasukan polis pekan, Pasukan Polis Hutan bila ada perkara-perkara keselamatan, ia dihantar ke Sabah, dihantar ke Sarawak, dihantar ke sempadan Siam tetapi keadaan rumahnya rumah

papan, tidak dapat pun macam Barrek Polis yang ada dua tiga tingkat di pekan-pekan kecil ataupun di bandar. Saya berharaplah perkara ini dapat Kementerian Dalam Negeri memberikan sedikit perhatian atau perhatian yang lebih kepada kebajikan mereka itu.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya menyentuh apa yang saya katakan tadi berkenaan dengan Maksud B.37 Jabatan Imigeresen. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigeresen ini yang sentiasa menjaga kemasukan orang-orang daripada luar negeri dan juga menjaga tentang warganegara kita ini yang hendak pergi ke luar negeri. Walau bagaimana dijaga dengan kemas dan ketat, ada juga terdapat beberapa perkara berlaku di mana warganegara kita di sini telah pergi melalui Hongkong dan sebagainya ke negara komunis tanpa izin membuat berbagai-bagai helah. Ini memanglah berlaku, tetapi saya mencadangkan supaya diteliti dan diperketatkan.

Selain daripada itu saya suka mencadangkan supaya Jabatan Imigeresen ini bukan sahaja kepada orang-orang biasa tetapi orang-orang yang difikirkan boleh melarikan diri daripada negara ini setelah membuat sesuatu jenayah, setelah membuat sesuatu yang tidak amanah, supaya passport-pasport mereka janganlah dibenar untuk digunakan ke luar negeri, sekiranya pihak polis mendapati bahawa mereka telah disyakki melakukan sesuatu perbuatan yang saya ketatkan tadi pecah amanah kepada amanah yang diamanahkan oleh Kerajaan. Saya tidak tahu sama ada perkara ini benar, ada seorang berdua. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat gulung sekarang?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, saya gulung, Tuan Pengerusi. Saya dapat tahu ada seorang berdua daripada mereka yang telah melakukan kesalahan dari segi BMF tetapi telah melarikan diri keluar daripada negeri ini, duduk bermastautin di negeri lain. Kalau sekiranya perkara ini benar, adalah menyedihkan sekiranya kita hendak mengambil tindakan oleh Kerajaan nanti maka terpaksa pula kita menggunakan polis antarabangsa untuk menangkap mereka itu, dibawa balik untuk dibicarakan di mahkamah dalam negara kita.

Inilah cadangan daripada saya supaya Jabatan Imigeresen dan Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengawasi akan penjenayah-penjenayah yang melakukan kesalahan supaya tidak lepas daripada hukuman.

Sekian, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang membenarkan saya berucap dan saya menyokong kepada anggaran perbelanjaan untuk Kementerian Dalam Negeri.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Batang Lupar.

*5.12 ptg.*

**Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Maksud B.35 hingga B.43 di bawah Kementerian Dalam Negeri, wang yang diperuntukkan berjumlah \$1,440.370,346.

Di samping menyokong ingin saya di sini menyentuh satu perkara sahaja yang saya anggap penting iaitu mengenai Butiran 3 muka surat 197, Kad Pengenalan dan Surat Beranak di negeri Sarawak kerana soal kelewatan pengeluaran Kad Pengenalan ini telah

berulang kali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dari negeri Sarawak di dalam Dewan yang mulia ini. Mungkin di Semenanjung ini rakyat sangat mudah ataupun lebih cepat mendapat kad Pengenalan dari Jabatan Pendaftaran. Bagi pihak rakyat di negeri Sarawak sangat susah kerana di kawasan saya, Batang Lupar, saya telah menerima banyak aduan dari orang ramai iaitu semasa Kerajaan kita mengadakan sivik-sivik di rumah panjang, selalunya pihak yang penuh bertanggungjawab di Jabatan Pendaftaran tidak hadir ke sivik tersebut, bahkan hasrat Kerajaan memang ada program-program, lawatan-lawatan oleh Pasukan Pendaftaran Negara ke kawasan luar bandar, untuk memenuhi hasrat dan keperluan rakyat yang tinggal di kawasan pendalaman. Ini memang benar, tetapi masalah kelewatan pengeluaran kad-kad pengenalan ini ataupun surat beranak di negeri Sarawak berlainan kalaulah dibandingkan dengan Semenanjung walaupun rakyat Malaysia, kerana di Sarawak masalahnya yang pertama ialah kekurangan jalan raya ataupun jalan kecil ke kawasan pendalaman, bahkan di kawasan saya contohnya, ramai rakyat di kawasan saya menggunakan bot panjang (long boat) dan long boat ini mengambil masa satu hari dan ada kawasan-kawasan rumah panjang itu mengambil masa 2 hari. Ini boleh jadi pihak Pasukan Pendaftaran mungkin tidak mampu menjalankan tugas mereka kerana ini pun memerlukan belanjawan yang lebih besar. Misalnya, sekiranya Pasukan Pendaftaran ini menggunakan long boat yang mengambil masa 2 hari dan pulang balik menjadi 4 hari dan mungkin juga peruntukan di bawah Jabatan Pendaftaran di negeri Sarawak tidak mencukupi.

Namun demikian saya di sini merayu kepada Kerajaan Pusat supaya peruntukan wang bagi Jabatan

Pendaftaran di negeri Sarawak perlu ditambah supaya pegawai-pegawai Jabatan berkenaan akan dapat memenuhi lawatan ke kawasan pendalaman. Yang kedua, pegawai-pegawai di peringkat Bahagian di negeri Sarawak juga tidak mempunyai kuasa yang penuh, bahkan semua kad pengenalan itu terlebih dahulu dikiriskan ke Ibu Pejabat Pendaftaran Kuching untuk diproses. Inilah melibatkan mengambil masa yang panjang dan inilah kelewatan dan kadangkala pengeluaran kad pengenalan itu kepada pemohon mengambil masa 2 tahun, iaitu selalu berlaku mengenai gantian ataupun penukaran kad-kad pengenalan mereka.

Oleh hal yang demikian saya disini sekali lagi mencadangkan supaya pihak Kementerian yang bertanggungjawab akan dapat menyiasat dengan lebih teliti supaya keraguan atau kelewatan pengeluaran kad pengenalan ini tidak berlaku lagi, dan pegawai-pegawai perlu juga ditambah atau kuasa-kuasa penuh kepada pegawai-pegawai di peringkat Daerah perlu dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

*5.14 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh Maksud Bekalan 36, Polis Di-Raja Malaysia, butiran 3— Pencegahan Jenayah, di muka surat 191.

Tuan Pengerusi, pada baru-baru ini pihak Polis Bandaraya telah melakukan satu operasi di mana lebih kurang 460 orang Indonesia telah ditahan untuk siasatan lanjut dan 11 daripada mereka telah ditahan kerana kesalahan yang melibatkan kecurian

dan rompak baru-baru ini, dan 2 hari yang lalu, Polis Selangor telah menangkap 369 orang Indonesia dalam satu gerakan besar-besaran. Menurut Ketua Polis Selangor, tangkapan dibuat kerana terdapat beberapa kejadian kecurian dan rompak serta kes pecah rumah yang didapati telah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia ini.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka bagi pihak penduduk di Bandaraya Kuala Lumpur mengucapkan tahniah dan juga melafazkan Penghargaan kepada pihak polis yang telah dapat melancarkan gerakan ini terhadap pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Saya menyentuh perkara ini bagi tujuan untuk menitikberatkan betapa seriusnya masalah pendatang haram dari Indonesia ini, dan saya berpendapat bahawa sungguhpun tadi saya ada menyatakan bahawa saya menyampaikan penghargaan kepada polis, tetapi saya nampak usaha-usaha polis ini dibantutkan sekiranya pihak Kerajaan tidak boleh mengambil satu sikap, mengambil satu pendirian yang lebih tegas terhadap pendatang-pendatang haram dari Indonesia ini.

Tadi Yang Berhormat dari kota Melaka pun ada menyentuh tentang hal ini dan apa yang saya ingin menyentuh di sini berkenaan dengan Bandaraya Kuala Lumpur ialah bagi tujuan untuk menarik perhatian kepada yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa pada anggapan saya masa telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk menganggap masalah pendatang haram dari Indonesia ini sebagai satu masalah nasional, sebagai satu masalah kebangsaan kerana ianya telah mengancam keamanan dan keselamatan orang ramai, khasnya di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ini. Dari laporan-laporan polis yang dimuatkan dalam akhbar setiap hari selama ini, tanpa diragukan bahawa

kedatangan ataupun kehadiran pendatang-pendatang haram Indonesia ke negara ini telah merupakan satu ancaman khasnya kepada keselamatan orang ramai. Setiap kali pihak Kerajaan mendakwa bahawa polis menangkap pendatang-pendatang haram ini dan telah diserahkan kepada pihak Imigresen untuk dihantar semula balik ke Indonesia, akan tetapi pendatang-pendatang haram ini nampaknya berusaha untuk datang lagi. Saya berpendapat bahawa pihak Kerajaan patut menyiasat dengan lebih mendalam tentang masalah ini dan juga untuk mengenal pasti sama ada benar atau tidak bahawa terdapat setengah-setengah agensi pengambilan yang bergerak untuk memasukkan semula mereka ke Malaysia setiap kali mereka dikehendaki keluar dari negara ini.

Saya hendak menyentuh perkara ini sebagai satu hasrat saya dan juga bagi tujuan untuk menyampaikan kebimbangan penduduk di Kuala Lumpur terhadap masalah pendatang haram dari Indonesia ini. Di sini suka juga saya mencadangkan kepada pihak Kementerian bahawa supaya satu arahan dapat dikeluarkan kepada Jabatan Imigresen supaya dapat mengenal pasti semua pusat kemasukan pendatang-pendatang haram Indonesia dan memperketatkan kawalan ke atas semua pusat kemasukan ini. Saya anggap bahawa perkara ini adalah penting oleh kerana bahawa nampaknya terdapat pusat kemasukan di sepanjang pantai yang membolehkan pendatang-pendatang haram Indonesia ini dapat masuk balik ke negara kita setiap kali mereka ditangkap dan dihantar balik ke negara asal mereka.

Selain daripada ini, bercakap saya kepada perkara iaitu masalah pencegahan jenayah. Suka juga saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kementerian,

khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tentang beban yang berat yang hendak ditanggung oleh Polis Bandaraya Kuala Lumpur dalam menjalankan tugas mereka untuk menjaga keselamatan.

Di sini saya suka mencadangkan bahawa Jabatan Polis patut menambah kakitangan atau menambah anggota polis di Bandaraya untuk menjalankan tugas-tugas yang penting dalam perkara menjaga keselamatan. Memandangkan bahawa kadar jenayah di Kuala Lumpur amat tinggi bila dibandingkan dengan bandar-bandar yang lain, saya juga suka menggunakan kesempatan ini untuk menyentuh mengenai salah satu bahagian polis di Bandaraya Kuala Lumpur, iaitu mengenai bahagian jenayah perniagaan. Nampak saya, bahagian jenayah perniagaan di Polis Bandaraya Kuala Lumpur ini adalah menghadapi kekurangan kakitangan untuk menjalankan tugas-tugas yang perlu, misalnya dalam kes-kes di mana laporan telah dibuat kepada pihak polis supaya siasatan hendaklah dijalankan ke atas kes-kes jenayah perniagaan. Sebenarnya saya sebagai Wakil Rakyat telah melaporkan beberapa kes kepada polis mengenai hal penipuan jual beli rumah dan saya harap bahawa pihak polis dapat menyegerakan proses penyiasatan supaya orang-orang yang didakwa ini dapat dihadapkan ke Mahkamah.

Akhirnya suka saya menjawab sebahagian kritik terhadap Ahli Pembangkang bahawa nampaknya Ahli-ahli dari pihak Pembangkang hanya tahu mengkritik pihak polis, tetapi tidak tahu melafazkan penghargaan kita apabila pihak polis telah melakukan sesuatu yang baik. Di sini suka saya menarik perhatian pihak Kerajaan bahawa saya sendiri sebagai Wakil Rakyat Kuala Lumpur sentiasa mengambil berat tentang masalah

kebijakan pihak polis dan yang sebenarnya iaitu pada tahun ini apabila Allahyarham Constable Yassin ditembak mati pada 8hb Februari, 1984 ketika menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan awam, saya sendiri ada menghulurkan derma kepada tabung Allahyarham Constable Yassin dan ini dengan jelasnya membuktikan bahawa saya juga sentiasa mengambil berat tentang kebijakan pihak polis dan saya harap bahawa di masa akan datang pihak-pihak yang berkenaan tidak sengaja hendak melemparkan tuduhan kepada parti Pembangkang bahawa kita tahu mengkritik sahaja tetapi kita tidak tahu membuat apa yang baik apabila kita patut menghuraikan pandangan kita terhadap perkara ini.

Akhirnya, saya juga hendak menggesa pihak Kementerian yang berkenaan khasnya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bahawa tentang masalah yang disebut oleh saya dan juga wakil dari Kota Melaka mengenai masalah pendatang haram bahawa Kerajaan akan mengambil satu sikap yang lebih tegas terhadap masalah ini oleh kerana telah terbukti bahawa masalah ini telah menjadikan tugas pihak polis lebih berat dalam menjalankan keselamatan di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat dari Larut.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa (Larut):** Bismillahirrahmanirrahim. Saya bangun mengambil peluang untuk menyokong peruntukan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri daripada B.35 hingga B.43. Sebelum itu, saya suka juga mengambil peluang di sini untuk menjawab beberapa pandangan yang baru-baru ini diberi oleh pihak parti Pembangkang mengenai perkara-perkara tuduhan-tuduhan kepada

Kerajaan terutama tuduhan-tuduhan yang boleh membawakan kepada perpecahan rakyat di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa telah bangun tadi, dan sepanjang-panjang ucapannya itu, tidak lain hanya cuba mempertahankan perkara yang biasa dilakukan oleh pihak parti Pembangkang iaitu PAS sendiri, dan seolah-olah PAS satu parti yang sangat baik dan tidak dapat menunjukkan satu keadaan yang mana PAS itu sendiri menimbulkan beberapa gejala-gejala yang boleh memecahkan perpaduan rakyat umat Islam di negara ini.

Perkara besar telah timbul yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri ialah masalah kafir mengkafir. Yang Berhormat dari Pengkalan chepa saya hormat tinggi kerana dia ialah seorang ulamak yang saya kenal dan sepatutnya sebagai seorang ulamak sudah kena pada tempatnya mengambil peranan jika sekiranya dapat mengetahui perkara ini boleh menimbulkan pecah belah, huru-hara, porak peranda di antara ummah di dalam negara ini adalah menjadi kewajipan kepada pihak Yang Berhormat itu dan penyokong-penyokongnya ataupun ketua-ketua mereka di negeri-negeri lain di Malaysia yang dapat kita kesan daripada ucapan-ucapan dan keset-kaset yang dibuat dari masa ke semasa menimbulkan keraguan kepada orang ramai. Dan masalah ini bukanlah masalah diadakan-adakan.

Perkara perbahasan (debate) yang mungkin diadakan pada 11hb yang lalu, itu juga diungkit tadi, yang sebenarnya ini ialah Titah—kita semua seluruh Ahli Dewan ini menjunjung kasih atas Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan perkenan seluruh Raja-raja di negeri ini kerana masalah agama Islam adalah masalah di bawah Raja-raja.

Sepatutnya wakil Pengkalan Chepa yang tinggal hanya seorang sahaja lagi daripada PAS itu menyedari dan membuat kenyataan secara terbuka bahawa “perbuatan-perbuatan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kami atau pengikut-pengikut kami adalah telah tersilap dan dipohon kemampuan dan mungkin tidak diulang lagi.” Masalah sehingga memutuskan kasih sayang di antara suami isteri tercerainya berai di antara seorang dengan seorang oleh perbuatan fatwa dari mereka. Kenapa Tuan Guru Haji Umar di Pasir Mas, Kelantan ditahan dalam tahun 1963 yang lalu? Tidak lain dan tidak bukan oleh kerana fatwa ini dan beberapa ulamak-ulamak yang lain. Dan ke mana hari ini Tuan Guru Haji Umar? Oleh kerana kesedarannya yang mendalam bahawa perbuatannya itu akan memecahkan ummah, memecahkan perpaduan masyarakat dan muhibah di antara Islam sesama sendiri dengan rakyat lain amnya maka dia telah menyedari setelah dia keluar daripada tahanan, dia telah masuk menjadi anggota UMNO.

Kalau kita ikut dalam surat khabar tempoh itu, apa tuduhan-tuduhan daripada golongan mereka kepada ulamak ini. Saya tidak mahu sebut di Dewan yang mulia ini. Tetapi perkataan-perkataan yang begitu sedih, perkataan yang tidak patut timbul daripada mereka yang mengakui dan mengagungkan, memperjuangkan Islam, kononnya.

Bilakah PAS dilahir? PAS lahir pada tahun 1951 daripada sidang Ulamak UMNO. Bagaimana Nabi Allah Adam lahirkan Siti Hawa, begitulah PAS lahir dari rusuk UMNO sendiri. Dan PAS biasa masuk dalam Barisan Nasional dan dalam masa Barisan Nasional tidak berbunyi sepatah pun mengenai kafir-mengkafir. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, on a point of order, 36 (1) apa hubungan PAS tertubuh dengan anggaran Kementerian Dalam Negeri?

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36 (1). Saya memutuskan oleh sebab Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dibenarkan mengeluarkan hujjah-hujjah, maka wajar, adil dan harus dibenarkan hujjah-hujjah bagi menjawab hujjah itu. Yang Berhormat dari Larut, sila teruskan.

**Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Bukan itu sahaja, pihak Ketua Pembangkang daripada Kota Melaka juga akan saya saran nanti (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, kenapa BERJASA lahir? Perpecahan sama sendiri. Kenapa HAMIM lahir? Perpecahan sesama sendiri. Maka tinggallah ulamak Pengkalan Chepa seorang sahaja lagi. Maka tidaklah kita menyedari bahawa keadaan dunia sekarang bergolak di sana sini. Oleh kerana perpecahan ummah menyebabkan negeri itu lumpuh dan dapat dikuasai oleh kuasa-kuasa asing. Kita boleh bilang sekarang satu demi satu. Tetapi saya tidak ambil masa ini. Kita boleh sedar semua, kita boleh baca menerusi akhbar, kita boleh menonton TV malam ini, kita boleh mendengar Berita Radio atas perkara-perkara dahsyat dan perkara-perkara pertumpahan darah bersemburan dibumi oleh kerana perpecahan sesama sendiri. Kita tidak ingin berulangnya lagi 13hb Mei.

Maka dengan sebab itu kita mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang mengeluarkan Kertas Putih

“ANCAMAN KEPADA PERPADUAN UMAT ISLAM DAN KESELAMATAN NEGARA” kepada Dewan ini supaya kita dapat membaca berulang-ulang dan berulang kali sehingga kita memahami tiap-tiap patah perkataannya dan tiap-tiap kejadian yang telah berlaku. Sambil itu beringat bahawa bahaya-bahaya sedang menular di negara kita.

Maka sepatutnya dengan lahirnya Kertas Putih di Dewan yang mulia ini, adalah sepatah perkataan daripada wakil tunggal daripada PAS itu rasa berterima kasih, untuk menyemak dan menyedari supaya diberitahu kepada masyarakat ataupun diumumkan melalui akhbar ataupun di Dewan yang mulia ini atas perkara-perkara bahaya yang mungkin menimpa rakyat seluruhnya bukan menimpa golongan puak-puak mereka sendiri, bahkan seluruhnya. Apa guna masa itu lagi. Orang-orang tua kita pernah berpesan “sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.” Maka inilah perkara yang sedang kita perbincangkan bersama sebagai menyediakan payung sebelum hujan, sediakan bekal, sebelum berjalan; beringat, sementara belum kena; berjimat sementara belum habis.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil peluang yang keemasan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada anggota Polis semua unit yang bergerak berdisiplin dan bertatatertib dapat menjalankan tugas dengan cekap serta dapat mengesan dan mengutip semua masalah walaupun bisikan-bisikan daripada Pembangkang ataupun bukan Pembangkang atau pelampau-pelampau yang cuba hendak menimbulkan gejala-gejala buruk. syabas!

Dan perlu kita ingat juga di Dewan yang mulia ini bukan sahaja dengan undang-undang baru kita hendak

mengekalkan keamanan dan kedamaian maka perlu kita memberi pandangan dan nasihat kepada umum menerusi kesedaran, kalau dibandingkan dengan alam sekeliling kita, kita rasa bertuah, Alhamdulillah, negara kita yang sedang kita berada pada hari ini. Tetapi sedarkah kita persediaan-persediaan golongan-golongan pelampau yang lain yang mengidamkan kepada negara kita.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya dengan rasa kesal mendengar ucapan-ucapan dan tuduhan-tuduhan yang ditimbulkan termasuk perkara Pemuda Tahan Lasak ini telah ditubuhkan berpuluh-puluh tahun lalu, dengan tujuan supaya berdisiplin, bekerja keras, bekerja kuat, mengambil peranan apa yang boleh bagi membangun negara kita. Di masa itu kita katakan, dengan izin, revolusi mental, itu yang kita namakan gerakan tahan lasak yang tersebut, dan tidak ada siapa yang mengisytiharkan declare peperangan dalam negeri ini di antara parti dengan parti.

Masalah membaling telur juga ditimbulkan di sini, masalah itu masalah kecil, masalah yang perkara biasa sahaja, bukan telur sahaja berlaku, kapak kecil biasa berlaku di Kelantan dan inilah masalah yang kita tidak kehendaki. Kenapa kita tidak boleh bersedia dari sekarang? Masalah politik, tentukan politik, masalah pembangunan kita tentukan pembangunan, masalah yang baik kita katakan baik, seperti kata wakil dari Kuala Lumpur Bandar, tetapi di samping dia kata baik itu pun dia score juga di belakangnya itu, keadaan Pembangkang memanglah begitu. Jadi wakil PAS daripada beberapa orang yang ada, lahir bersama-sama kenapa boleh berpecah? Kalau sekiranya ya, fatwa yang dikeluarkan oleh ulama dari Pengkalan Chepa itu betul, pemimpin mereka singkir dan sebagainya, kita tidak campur masalah

ini. Yang saya sebutkan Tuan Pengerusi, masalah keselamatan dan perpecahan, kita tidak ingin dan kita tidak mahu dengar ada masalah perpecahan, tuduhan kepada anggota-anggota Polis kita kejam, tuduhan kepada anggota Polis kita kasar, termasuk Ketua Pembangkang wakil dari Kota Melaka yang tiap-tiap kali menimbulkan masalah pendatang haram dari Indonesia dan kekejaman tempat pemulihan penagih dadah, apa yang disebut neraka. Saya hendak tanya dia sekarang, minta izin, bila dia balik dari neraka? Bila dia balik? Bagaimana dia boleh banding tempat pemulihan dadah itu dengan neraka?

**Tuan Lim Kit Siang:** Boleh saya jawab, Tuan Pengerusi?

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Ya, jawab.

**Tuan Pengerusi:** Boleh Yang Berhormat beri jalan?

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Saya hendak tahu beliau sudah balik dari nerakakah? Itu sahaja.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, satu pusat di mana sudah menjadi satu tempat orang yang dihantar untuk dipulihkan daripada penagih dadah, bukan sahaja tidak dipulihkan, tetapi ada yang dipukul, diseksa lebih teruk daripada binatang, langsung tidak berperikemanusiaan, bukankah ini boleh disifatkan sebagai neraka atas bumi?

**Dato' Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** (*Bangun*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Belum habis, belum habis.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Tuan Pengerusi. . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya tidak beri jalan, oleh kerana saya belum habis. *(Ketawa)* Bukankah ini satu neraka atas bumi? Dan satu neraka yang sepatutnya tidak ada dalam bumi lebih mustahak tidak ada dalam Malaysia, janganlah kita memutarbelitkan masalah ini, kita tidak boleh membenarkan satu tempat untuk memulihkan penagih dadah menjadi satu tempat di mana perkara-perkara kerajaan, perkara-perkara tidak keperimusiaan berlaku. Itulah fakta jangan memainkan isu-isu, memainkan perkataan-perkataan, mengakui ada berlaku, kita semua adalah bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini, itu apa yang kita mahu. Bukan oleh kerana saya mahu menjahanamkan pusat itu, bukan oleh kerana saya mahu menutup pusat itu, Kerajaan sudah mengakui dan saya percaya Yang Berhormat Timbalan Menteri pun akan mengakui oleh kerana itu fakta apabila menimbulkan masalah baiklah kita berani mengakui dan atasi supaya Pusat Serenti Tampin lebih berjaya untuk menyelamatkan penagih dadah supaya semua penagih dadah boleh dikembalikan ke pangkuan masyarakat. Adakah apa-apa kesalahannya itu?

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat kelihatan jelas Yang Berhormat tanya bila balik dari neraka. Saya hendak dengar jawapannya, sila teruskan.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Tuan Pengerusi, saya soal tadi bilakah Yang Berhormat itu balik dari neraka.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya dengar, sila teruskan ucapan.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih, Tuan

Pengerusi. Jadi itulah putar belitnya pihak pembangkang, lain soal, lain jawab.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Berhormat tanya bila saya balik dari neraka?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tidak beri jalan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan itu neraka, tetapi membetulkan, bukan beri jalan, on a point of order. *(Disampuk)* Apa itu suara?

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Mana ada neraka?

**Tuan Lim Kit Siang:** Apa ini sarkas? *(Disampuk)*.

**Tuan Pengerusi:** Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Sepatutnya Yang Berhormat ini. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Larut, saya minta duduk sebentar.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat boleh bercakap bila Yang Berhormat dari Larut beri jalan dan telah pun diberi jalan. Ahli Yang Berhormat boleh bercakap dengan saya memberi izin dan Yang Berhormat boleh bercakap dengan menghalakan ucapan itu kepada saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, mengapa semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tidak disebut mengenai arahan ini, baru

sahaja dari kerusi ini. Kenapa semua ahli-ahli boleh menghala mana-mana, janganlah one sided. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat sekiranya Yang Berhormat tadi telah menimbulkan satu tohmahan, bahawa dalam mengendalikan mesyuarat ini saya menyebelahi pihak-pihak tertentu, sekiranya Yang Berhormat percaya benar-benar kepada apa yang Berhormat tohmahkan ini kebebasan diberi di bawah Peraturan Mesyuarat dalam Demokrasi Berparlimen Malaysia supaya dibentangkan substantive Motion terhadap perjalanan mesyuarat oleh saya. Ada saluran-saluran tertentu dalam Dewan yang mulia ini, bukan secara memekik-mekik. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini pun satu konsep yang kosong, memang apabila ada kemukakan usul, itu pun langsung tidak dibahaskan (*Disampuk*) majority pun lain.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat dari Larut.

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi kita tidak mahu rakyat dalam negara ini dimomok-momokkan tempat pemulihan ini seolah-olah macam kita hantarkan seseorang itu ke neraka, katalah saya berjumpa dengan seorang pemuda yang sepatutnya saya tolong, tetapi nanti orang kata oh! dia hendak hantar ke neraka. Itu yang saya soalkan tadi, bukan neraka jawabnya, tempat pemulihan diberi layanan yang begitu baik, tetapi kadangkala pepatah orang tua-tua pun ada sebut "Sayangkan anak tangan-tangankan, sayangkan isteri tinggal-tinggalkan". Pepatah ini

saya pakai. Tetapi di dalam Dewan saya tidak bawa isteri saya, bila pergi ke lain tempat saya bawa.

Tuan Pengerusi, jelaslah kita minta pembangkang-pembangkang ini supaya jangan terlampau menggunakan kata-kata yang begitu hebat sehingga mengerun dan menakutkan rakyat dalam negeri kita, seolah-olah kita tidak mahu bagi pemuda-pemuda yang telah tersalah ini masuk ke dalam tempat pemulihan, sedangkan tempat pemulihan itu untuk memulihkan mereka balik, dan balik ke pangkuan ibu bapa serta dapat didikan semula supaya menjadi rakyat yang berguna.

Selain daripada itu saya rasa Kementerian Dalam Negeri telah faham berkali-kali ditimbulkan masalah pendatang haram dari Indonesia yang mana Kerajaan kita sendiri ada membuat perjanjian-perjanjian mengambil orang-orang sebagai pembantu rumah yang tidak mencukupi dalam negara kita, boleh kita ambil dari Indonesia, tetapi yang datang haram itu telah dijawab oleh pihak Kerajaan, kita dapat tangkap dan hantar balik, itulah kewajipan, samalah pendatang haram yang datang dari utara singgah di Terengganu di Pulau Bidong dan kita hantarkan ke negeri yang ketiga, begitulah keadaannya yang kita buat, kenapa dia ulang-ulangi, ini menandakan hendak memberi kesan yang tidak baik kepada rakyat dalam negara ini, itu masalah yang penting. Jadi, kita dalam Dewan ini tiap-tiap patah, kata orang tua-tua jarum yang jatuh pun didengar oleh semua rakyat dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak mahu ambil masa yang lebih. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya rasa Yang Berhormat harus gulung sekarang. Masa Yang Berhormat pun hampir cukup.

**Dato Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Terima kasih. Saya menggulung ucapan saya. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan lebih lagi kepada Kementerian Dalam Negeri dengan semua pegawai-pegawai dan kakitangan, khususnya Jabatan Polis dan semua unit yang telah bekerja dengan tulus ikhlasnya, masa kita sedang berada dalam Dewan ini, pun ada mereka di perbatasan meninggalkan anak isteri Anggota Polis Hutan dan sebagainya. Mereka mengawal seluruh bandar, ada yang kata tadi, sekatan di jalanraya dan sebagainya, sejuk berembun bermalam hari, kenapa? Untuk keselamatan negara, keselamatan kita semua. Kalaulah tidak ada Anggota Polis, kita juga dalam Dewan ini tidak boleh duduk tenang dan damai, kita tidak boleh tidur nyenyak di rumah, tidak boleh beramal ibadat dan sebagainya, sebab itu, hubaya-hubaya khasnya kepada pihak Pembangkang dari Pengkalan Chepa dan Kota Melaka.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri menjawab dan menggulung perbahasan dalam Jawatankuasa.

5.52 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun untuk memberi cadangan dalam pertimbangan kita ke atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sebuah Majlis ini bagi Kementerian Dalam Negeri. Ribuan terima kasih khususnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Larut yang telah bangun bukan sahaja membangkitkan perkara-perkara yang baru, tetapi menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri perkara-perkara yang

dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan juga dari Kota Melaka.

Tuan Pengerusi, kebanyakan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat merupakan cadangan-cadangan, saranan-saranan dan harapan-harapan agar Kementerian Dalam Negeri dalam menjalankan tugasnya melalui Jabatan-jabatan yang terletak di bawah Kementerian itu akan menjalankan tugas-tugunya dengan lebih licin, teratur dan berkesan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sepertimana yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut telah membangkitkan satu masalah yang selalunya dibangkitkan, iaitu masalah pendatang haram, juga Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Masalah pendatang haram di negara kita ini, sepertimana yang kita semua sedia maklum satu masalah yang bukan baru dan pihak Kementerian Dalam Negeri telah mengambil tindakan tegas mengikut keperluan undang-undang sejak awal tahun 70an lagi. Tindakan ini masih diambil secara berterusan dan akan terus diambil. Agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan, seperti Pejabat Imigresen dan Pejabat Polis mempunyai keupayaan mengendalikannya masalah ini tanpa mengadakan sebarang badan atau pasukan petugas yang khusus, sepertimana yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Sepertimana yang telah dimaklum, baru-baru ini pihak Polis Kuala Lumpur Bandar telah mengadakan operasinya dan diikuti pula oleh pihak Polis Negeri Selangor. Hasilnya beberapa ratus pendatang-pendatang haram dari negara Indonesia telah ditangkap dan sebilangan kecil mereka telah dikesan sebagai penjenayah dan akan dihadapkan ke mahkamah dan mereka

yang dikesan sebagai pendatang haram akan diusir balik ke negara asal, balik ke Indonesia.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sebagai seorang ahli Pembangkang, memang telahpun agak mendramatisakan perkara ini dengan mengeluarkan hujah-hujahnya mengatakan bahawa mereka patah balik dan seterusnya. Memanglah ini satu tugas Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan juga Ahli-ahli Pembangkang lain, tetapi inginlah saya menjelaskan di sini bahawa pihak Kerajaan memandang serius terhadap masalah pendatang haram, baik dari negara Indonesia ataupun negara-negara lain.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semenjak tahun 1975 sehingga akhir tahun 1983, seramai 22,045 orang pendatang haram telah ditangkap dan diusir balik ke negara asal masing-masing, seperti Singapura, India, Indonesia, Thailand dan Bangladesh. Ini tidak termasuk angka mereka yang datang daripada sebelah timur dan sekarang bertempat di Pulau Bidong dan ada yang ditempatkan di Sungai Besi, akhirnya mereka akan dihantar ke negara yang ketiga. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada hari ini terdapat lebih daripada 9,000 orang yang masih di bawah penjagaan kita sebelum kita menghantar mereka ke negara yang ketiga. Akta Imigresen telah menetapkan bahawa sesiapa juga warganegara yang masuk ke negara ini tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah atau melalui pintu-pintu masuk rasmi adalah melakukan kesalahan.

Masalah pintu-pintu kemasukan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, memanglah pihak Imigresen yang dibantu oleh pihak Polis mengawasi tempat-tempat pendaratan mereka yang datang, khususnya daripada Indonesia. Walau

bagaimanapun, oleh sebab keadaan-keadaan setempat di mana tempat mendarat itu amat dekat dengan negara jiran, maka amatlah sukar bagi pasukan kita mengadakan pengawalan 24 jam dan inilah sebabnya mereka dapat masuk. Walau bagaimanapun, oleh kerana dapat ditangkap, maka terbuktilah kejayaan Pasukan Polis yang dibantu oleh Pegawai-pegawai Imigresen menangkap mereka yang datang masuk ke negara kita. Tetapi, sepertimana yang saya jelaskan masalah pendatang haram ini bukanlah masalah yang baru, daripada semenjak tahun 70an lagi kita mengambil tindakan yang tegas, bahkan pendatang-pendatang haram masuk ke negara kita beratus-ratus tahun, akan terus masuk ke negara kita pada masa-masa akan datang.

Saya inginlah memberi jaminan di sini bahawa Kementerian Dalam Negeri yang dibantu oleh Jabatan Imigresen dan juga Jabatan Polis akan terus mengesan mereka dan akan mengusir mereka balik. Tak usahlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mendramatisakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini, kita semua faham dan tunggulah sedikit masa lagi pihak Polis akan terus menjalankan operasi-operasinya untuk mengesan mereka dan akan hantar balik, tetapi janganlah pula Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan sudah hantar balik, mereka datang balik. Ini bukanlah masalah Polis untuk menggalakkan mereka balik, kalau mereka balik kita akan terus mengesan dan hantar balik ke Indonesia ataupun ke mana-mana negara yang asalnya mereka datang.

Untuk makluman juga, kerana masalah jenayah dibangkit dan dikaitkan dengan masalah pendatang haram, rogol, samun bersenjata di Kulai, Skudai dan seterusnya yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, memanglah jikalau

kita ambil satu kes 'in isolation', dengan izin, kita boleh sebut kes ini dengan begitu detailnya dan boleh 'dramatise', dengan izin, butir-butir yang terperinci; nama emak, bapa, berapa orang anak dan seterusnya, kita boleh, siapa sahaja pun boleh. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang telah berusaha mendapatkan butir-butir sedemikian, tetapi kita mengkajikan keseluruhan kejadian jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram.

Inginlah saya menyatakan di sini bahawa jumlah kes jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia khususnya hanyalah sekadar 2.6% sahaja pada tahun 1983 dan pada tahun ini kurang sedikit, tetapi belum habis tahun, mungkin kurang ataupun mungkin ke paras yang serupa. Ini bermakna kadar jenayah yang dilakukan oleh pendatang haram Indonesia adalah rendah, tidak seperti yang disebut dan ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari kota Melaka.

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau saya tidak silap ada menyebut bahawa peratusan jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram ialah 26%, kalau tak silap.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** 2.6%.

**Tuan Lim Kit Siang:** Daripada sejumlah berapa kes-kes ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Daripada keseluruhan kes-kes jenayah yang berlaku di negara ini hanya 2.6% sahaja yang dilakukan oleh pendatang haram Indonesia.

Kehadiran pendatang haram Indonesia ke negara ini dengan itu tidaklah menjejaskan keseluruhan ketenteraman awam dan keselamatan

negara. Walau bagaimanapun seperti mana yang saya tegaskan dan saya akan terus menegaskan bahawa Kerajaan memandang serius terhadap pendatang haram yang ada di negara ini dan mereka yang ada di sini jika melakukan kesalahan dan dapat dikesan akan diambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang yang ada. Jika terdapat kes-kes di mana pendatang haram itu dimaafkan begitu sahaja walaupun beliau telah dipasti melakukan jenayah, silalah beri maklum kepada saya dan saya sendiri akan memastikan dan menentukan siapa yang bertanggungjawab akan dihadapkan ke mahkamah bersama-sama dengan pendatang haram tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyarankan supaya Kerajaan membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Kerajaan tidaklah boleh mengambil cadangan ini kerana jikalau cadangan ini boleh diterima bermakna mungkin terdapat mangsa-mangsa jenayah yang dilakukan oleh orang-orang lain akan menuntut serupa juga. Apa yang menghairankan saya kenapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka hanya menumpukan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kes jenayah yang dilakukan oleh pendatang-pendatang haram Indonesia sahaja, kenapa tidak menyebut pendatang-pendatang daripada negara-negara lain yang ada juga di negara ini yang kadangkala melakukan jenayah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Pengerusi, penjelasan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Biarlah saya habiskan ini Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tak beri jalan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah menyebut tentang masalah penyalahgunaan dadah di penjara-penjara kononnya ada terdapat mereka yang masuk ke penjara dengan kesalahan yang tidak bersangkutan dengan dadah tetapi apabila berada dalam penjara sedemikian lama dan keluar mereka telahpun diperkenal oleh banduan-banduan lain mungkin ataupun oleh siapa sahaja dalam penjara dan mereka menjadi penagih dadah. Saya amat dukacita jika perkara ini benar-benar berlaku sebab saya adalah di antara orang-orang yang memandang berat tentang penyalahgunaan dadah di penjara-penjara ataupun di tempat-tempat tahanan di negara ini dan jika terdapat maklumat yang begitu tepat dengan nama, butir-butir seperti mana Yang Berhormat sebutkan kepada saya tentang masalah mangsa pendatang haram tadi, silalah sampaikan kepada saya supaya kita boleh menyiasat dengan rapi dan mengambil tahu siapakah yang bertanggungjawab untuk memperkenalkan banduan ataupun kepada sahabat Yang Berhormat dari Kota Melaka kepada ketagihan dadah di dalam penjara.

Yang Berhormat dari Kota Melaka juga mencadangkan supaya Kertas Putih yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini dibahas. Memanglah saya bersedia untuk menjawab apa-apa perkara yang hendak disentuh oleh siapa sahaja pun dalam Dewan yang mulia ini dan usul telah pun dibentangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, jadi terpulanglah kepada keputusan Dewan ini. Jikalau Dewan ini menghadkan masa dengan tiada membuang masa berbincang masalah-masalah lain mungkin usul yang telah pun dikemukakan dan akan dicatatkan dalam Aturan Mesyuarat mulai besok hari boleh dibahas dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain bangun untuk menyentuh beberapa perkara tetapi seperti mana yang saya jelaskan tadi keseluruhannya Ahli Yang Berhormat lain menyarankan cadangan, nasihat dan seterusnya.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang menyentuh tentang Pusat Latihan RELA supaya diwujudkan di seluruh negara, kalau boleh di tiap-tiap negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memanglah buat sekarang ini tidak terdapat Pusat Latihan RELA yang tetap di mana-mana negeri di seluruh negara. Kerajaan bercadang supaya buat permulaannya tiga pusat latihan tetap diwujudkan mengikut zone iaitu sebuah pusat di Perlis untuk zone utara dan sebuah lagi di Melaka untuk zone Selatan dan sebuah lagi di Terengganu, insya-Allah untuk zone Timur.

Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan masalah gaji pegawai-pegawai RELA PRD (Pegawai RELA Daerah) ataupun PPRD (Penolong Pegawai RELA Daerah) kononnya begitu rendah, \$570 dan \$340 kalau dibandingkan dengan pegawai-pegawai lain di daerah masing-masing. Memanglah diakui bahawa gaji-gaji yang terdapat sekarang kepada Pegawai-pegawai RELA Daerah dan juga Penolong Pegawai RELA Daerah begitu rendah sekali dan pihak Kerajaan telah bersetuju atas dasarnya untuk menaikkan gaji-gaji mereka yang saya sebutkan tadi tetapi ini terpaksa bergantung kepada keadaan ekonomi negara kita dan juga peruntukan yang telah pun diluluskan kepada Kementerian Dalam Negeri. Insya-Allah, jika tidak ada halangan yang begitu ketara sekali pelaksanaannya mengikut tahap gaji yang baru akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang juga . . . . .

**Tuan Lim Kit Siang:** Penjelasan. Adakah Yang Berhormat mengambil tindakan mengenai perkara Pusat Serenti sebelum dia teruskan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat belum diberi jalan lagi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri jalan?

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya mahu tanya sama ada tindakan kepada. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak beri jalan supaya soalan itu khusus dapat dikemukakan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, setiap perkataan yang dilafazkan tanpa izin Ahli itu berucap tidak merupakan perkataan yang dilafazkan dalam perjalanan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit siang:** Itu pun telah dikeluarkan, itu pun telah diucapkan.

**Tuan Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan supaya soal itu dapat dikemukakan?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Pengerusi, saya telah pun memberi jalan beberapa kali, biarlah saya habis jawapan saya ini. Saya akan menyentuh apa-apa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tentang Pusat Pemulihan di Tampin tadi itu. Sabarlah sedikit, bila saya sampai kepada tempatnya bolehlah bangun jikalau tidak puas hati.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang menyentuh juga selain daripada gaji, senjata kononnya yang lama yang telah dibekalkan kepada ahli-ahli RELA. Memanglah diakui bahawa senjata-senjata yang

dibekalkan kepada ahli-ahli RELA merupakan senjata yang lama, yang asalnya yang didapati daripada pasukan tentera kita, dan juga diakui terdapat senjata-senjata yang digunakan oleh pasukan RELA kita sekarang ini yang sekerunya "loose", yang tembak keluar dia punya "magazine" dan seterusnya. Kerajaan telah pun merancang dalam Rancangan Malaysia Kelima ini untuk membekalkan senjata-senjata yang baharu kepada pasukan RELA, sebab itulah di antara satu daripada sebabnya kita memperkecilkan keseluruhan anggota RELA di seluruh negara.

Selain daripada itu, pasukan RELA sekarang ini diperkecilkan kepada 170,000 buat sementara waktu supaya seluruh butir-butir anggota RELA dimasukkan ke dalam komputer dan dikaji semula, adakah perlu ditambah kepada tahap yang lebih banyak lagi ataupun perlu ditetapkan kepada tahap 170,000 memandangkan kepada sebelum itu anggota yang sebenarnya ialah lebih kurang 340,000 kerana Kerajaan percaya bahawa sekarang ini kita menekankan RELA itu kepada "quality", bukan kepada berapa banyaknya ahli-ahli RELA di seluruh negara tetapi bagaimana ahli-ahli RELA yang 170,000 itu boleh menjalankan tugas serampang dua mata sebagai telinga dan mata kepada Kerajaan di samping menjadi benteng pertahanan yang ketiga bagi negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Matang membangkitkan beberapa perkara lain yang kecil-kecil seperti pasukan anggota polis yang tidak menunaikan sembahyang kerana mereka sebok mengawal masjid dan seterusnya, kenapakah tidak ditugaskan anggota polis berketurunan India untuk mengawal upacara India menjalankan upacara rasmi agama mereka dan seterusnya. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kerajaan tidak menyekat

anggota polis yang beragama Islam menunaikan fardu sembahyang mereka dan jadual-jadual juga dikeluarkan tetapi terpulang kepada anggota polis itu sendiri jika ia ingin, saya percayalah siapa yang ingin menunaikan fardu sembahyang itu boleh bila-bila masanya menunaikan fardu sembahyang bila sampai waktunya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan cadangan supaya Kerajaan mengeluarkan dokumen perjalanan terhad kepada rakyat Malaysia di Limbang dan juga di Lanas untuk melawat negara Brunei Darussalam. Memanglah saya mengakui bahawa ini adalah satu cadangan yang baik tetapi perkara ini haruslah dikaji dengan teliti dan sempurna dia dapat dilaksanakan dengan licin. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah bangun memuji pihak polis dan menyentuh tentang road-block yang kononnya diadakan oleh pihak polis mengelirukan Ahli Yang Berhormat sendiri dan mungkin orang-orang ramai yang lain kerana kononnya lampu itu tidak begitu terang dan seterusnya. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Matang, memanglah terdapat peraturan-peraturan yang tertentu mengawal pasukan polis dari segi mengadakan road-block, tanda-tanda isyarat dan seterusnya tetapi atas saranan Ahli Yang Berhormat dari Matang, bolehlah kita mengkaji bagaimanakah tinggi lampu dan cerahnya lampu itu perlu diletakkan di tempat-tempat road-block di seluruh negara oleh pihak polis.

Tuan Pengerusi, saya berasa amat dukacita bukan atas soalan yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, saya berasa dukacita oleh kerana Ahli

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa hanya berani menyoal tetapi tidak berani mendengar jawapannya. Saya tidak tahulah adakah saya perlu menjawab apa yang telah dibangkitkannya kerana dia tidak ada di sini untuk mendengar. Ini bukanlah pertama kali Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang berbuat dan mengambil sifat yang sedemikian rupa. Saya percayalah dia tidak ada niat untuk menghormati Dewan yang mulia ini, hanya berniat untuk melemparkan tuduhan yang tidak berasas di dalam Dewan yang mulia ini dalam 15 atau 20 minit sahaja, selepas itu balik ke rumah dia mungkin, saya pun tidak tahulah. Tetapi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menyentuh tentang perisikan yang dijalankan oleh pasukan polis, kononnya mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, pihak polis sepatutnya menjalankan perisikan bagi pihak PAS, merisik parti-parti UMNO dan parti-parti lain. Saya inginlah menyatakan di sini bahawa parti UMNOlah yang sekarang memerintah, jadi yang menjalankan perisikan ialah pegawai-pegawai polis yang menjalankan perisikan bagi pihak Kerajaan yang memerintah, bukanlah bagi pihak parti Pembangkang sepertimana disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Saya tidak inginlah hendak menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang menyentuh sifat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan seterusnya, saya percaya dia sendiri mungkin tidak berasa yakin apa yang disebutkannya itu adalah betul.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah yang Berhormat ringkaskan jawapan sedikit supaya memberi masa untuk saya kemukakan masalah

Maksud di bawah Kepala Kementerian Penerangan bagi diputuskan untuk petang ini juga. Sila teruskan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Tuan Pengerusi, minta maaf saya akan cuba seberapa yang saya boleh.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka selain daripada menyentuh tentang Kertas Putih yang menyarankan supaya disediakan masa untuk dibahas, kononnya Kertas Putih ini dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri dengan tujuan untuk mengaitkan tentang debat yang kononnya akan diadakan oleh UMNO dan PAS dan lain-lain lagi. Inginlah saya menegaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan membentangkan Kertas Putih adalah bagi mendedahkan kepada rakyat jelata ancaman kepada perpaduan umat Islam dan keselamatan negara yang ditimbulkan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab dan individu-individu tertentu yang menimbulkan kekeliruan, fahaman-fahaman tentang hukuman dalam agama Islam untuk tujuan dan kepentingan mereka sendiri, bukanlah atas tujuan yang lain bersangkut-paut dengan debat, bersangkut-paut dengan parti PAS dan seterusnya.

Pendedahan ini juga bertujuan untuk menimbulkan kesedaran kepada rakyat betapa bahayanya kegiatan anasir yang tidak bertanggungjawab ini jika ianya tidak disekat kerana ianya boleh diambil kesempatan oleh pihak komunis untuk melemahkan ketahanan rakyat dalam penentangan rakyat terhadap pengaruh dan ancaman komunis. Saya percaya terbentangnya Kertas Putih melalui Dewan yang mulia ini telahpun mendedahkan kepada rakyat jelata tentang bahayanya bukan

sahaja kegiatan-kegiatan, golongan-golongan ekstrimis tetapi juga orang-orang yang tertentu yang cara kebetulan menjadi ahli parti PAS dan peluang keemasan yang terdedah kepada anasir-anasir komunis yang mungkin akan mengambil kesempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada membangkitkan tentang kononnya terdapat siksaan (torture) yang begitu hebat di tempat-tempat, pusat-pusat pemulihan dan beliau telahpun menceritakan kepada kita dengan begitu detil tentang kematian seorang banduan, jika saya boleh panggilkan nama dia banduan di Pusat serenti Tampin.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, saya baru sahaja mendapat laporan berkenaan dengan kematian yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi dan saya sedang mengkaji laporan tersebut dan saya berani menegaskan di sini jika terdapat bukti-bukti itu ternyata, kita akan bawa mereka yang bertanggungjawab ke pangkuan mahkamah untuk dihadapkan ke mahkamah dan tindakan akan diambil terhadap mereka.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat juga laporan itu amatlah lengkap. Inilah pertama kali laporan sedemikian rupa dibuat atas arahan Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri sendiri kerana beliau juga memandang berat apa yang berlaku dalam kes yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu. Janganlah Ahli Yang Berhormat bimbang perkara ini akan tidak disembunyikan ataupun, dengan izin, "sweep under the carpet" dan jika terdapat lagi perkara-perkara sedemikian rupa di mana-mana pusat pemulihan pihak Kementerian Dalam Negeri tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tidak payah, saya sudah beri jaminan. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat tidak beri jalan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tak payahlah, saya sudah beri jaminan, tak usah penjelasan. Memang dimasukkan dalam *Hansard* jaminan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingat setakat itulah yang saya boleh menyampaikan jawapan menggulung cadangan-cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada beberapa kawasan.

Saya ingin menjelaskan juga apa-apa perkara yang tidak terjawab telahpun tercatat dan tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap cadangan-cadangan dan syor-syor yang amat berguna untuk menjamin perjalanan Kementerian Dalam Negeri yang mendapat peruntukan yang begitu lumayan sekali kalau dibandingkan dengan tahun-tahun kebelakangan ini supaya perjalanan Kementerian Dalam Negeri berjalan dengan lebih licin dan jabatan-jabatan di bawahnya menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh beramanah dan bertanggungjawab.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$63,683,000 untuk Maksud B.35; \$918,603,700 untuk Maksud B.36; \$36,343,100 untuk Maksud B.37; \$2,338,800 untuk Maksud B.38; \$29,598,700 untuk Maksud B.39; \$67,916,700 untuk Maksud B.40; \$22,792,400 untuk Maksud B.41; \$27,236,800 untuk Maksud B.42 dan \$2,201,300 untuk Maksud B.43 di

bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$63,683,000 untuk Maksud B.35; \$918,603,700 untuk Maksud B.36; \$36,343,100 untuk Maksud B.37; \$2,338,800 untuk Maksud B.38; \$29,598,700 untuk Maksud B.39; \$67,916,700 untuk Maksud B.40; \$22,792,400 untuk Maksud B.41; \$27,236,800 untuk Maksud B.42 dan \$2,201,300 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$480,171 yang disebutkan dalam Maksud P.35; \$228,724,010 untuk Maksud P.36; \$5,053,848 untuk Maksud P.37; \$25,995,806 untuk Maksud P.40; \$8,997,076 untuk Maksud P.41; dan \$404,935 untuk Maksud P.42 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$480,171 yang disebutkan dalam Maksud P.35; \$228,724,010 untuk Maksud P.36; \$5,053,848 untuk Maksud P.37; \$25,995,806 untuk Maksud P.40; \$8,997,076 untuk Maksud P.41; dan \$404,935 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Maksud B.44, B.45 dan B.46 (Jadual)—*

*Maksud P.44, P.45 dan P.46 (Anggaran Pembangunan, 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.44 hingga B.46 dan Kepala Pembangunan P.44 hingga P.46 di bawah

Kementerian penerangan terbuka untuk dibahas. Ulu Muda.

Yang Berhormat dari Ulu Muda.

6.24 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam B.44 saya akan hanya bercakap di bawah dua butiran sahaja iaitu Butiran 2 dan Butiran 2 juga bagi P.45. butiran 2 Bahagian Perdagangan, muka surat 209. Dalam masa membahaskan ucapan dasar ucapan Belanjawan yang lalu, saya sedikit sebanyak telah pun menyentuh mengenai iklan-iklan di dalam TV Malaysia yang telah disiarkan. Apabila mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa geli hati untuk mentafsirkan apakah yang dimaksudkan tujuan jawapan yang diberikan mengenai iklan-iklan yang saya maksudkan itu menyebutkan beberapa jenama rokok, maka jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ini adalah beberapa jenama daripada pakaian, baju, tali pinggang, pen, jam dan sebagainya. Saya pun bersetuju, saya pun lihat bahawa memanglah jenama-jenama itu mempunyai keluaran khas seperti itu tetapi maksud di sebalik yang dibayangkan oleh sebahagian besar ahli masyarakat adalah jenama rokok.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, baru-baru ini ada satu lagi iklan Yamaha Malboro. Yamaha itu saya tahu jenama motor, malboro itu jenama apa? Rokok? Jadi sekiranya kita sudah mengharamkan iklan rokok, sebarang iklan yang menunjukkan jenama rokok perlulah diberhentikan.

Dan satu lagi saya hendak menunjukkan bahawa saya tidak dapat mentafsirkan jenama apakah mengenai iklan pengembaraan Camel. Jenama jeep? Jenama rakit? Jenama

seluar? saya tidak tahu. Tetapi ada satu iklan "ikutilah, nikmatilah pengembaraan Camel". Jadi kalau hendak memberi jawapan, saya rasa biarlah jawapan yang boleh diterima dan sebagai Dewan yang mulia ini kita mestilah dapat memberi jawapan-jawapan menunjukkan dasar Kerajaan—dasar Kerajaan—itu yang mustahak. Jika sekiranya kita hendak main, seronok, ketawa dengan membayangkan atau melindungi satu hakikat yang sebenarnya, saya rasa kami tidaklah seronok menjadi Ahli Dewan ini sekiranya jawapan-jawapan yang diberikan hanya untuk melindungi sesuatu hal yang sememangnya tidak perlu dilindungi dan memanglah masyarakat faham perkara ini. Saya hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai jenama Yamaha Malboro, jenama pengembaraan Camel, saya hendak tengok apa jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekejab lagi.

Saya juga telah menyentuh mengenai iklan-iklan mengenai "junk food" dalam TV itu. Saya faham bahawa banyak pertubuhan-pertubuhan yang telah pun mengirinkan bantahan kepada pihak Kementerian dan pihak Kerajaan untuk memberhentikan iklan-iklan yang termasuk di bawah "junk food" ini. Ini memang menarik minat kanak-kanak dengan hadiah dan pertunjukan-pertunjukan pelawak-pelawak yang menjadi iklan menjadi tarikan yang kuat kepada kanak-kanak untuk membelinya. Jadi di bawah perkara ini, di bawah perkara iklan Bahagian Perdagangan TV ini mestilah ditapis, diambil kira juga pandangan-pandangan yang boleh memberi faedah kepada masyarakat. Saya faham bahawa memanglah tujuan sebahagian besar daripadanya iklan-iklan ialah untuk mendapatkan kewangan bagi membiayai seluruh perjalanan daripadanya itu. Di samping itu iklan-iklan lain pun perlu

dipertimbangkan. Sekarang ini kita lihat iklan motokar, iklan cat untuk rumah-rumah yang besar orang kaya-raya, iklan-iklan yang tidak langsung untuk membayangkan hasrat dan cita rasa penduduk. Itu di bawah Butiran 2 Perdagangan, Tuan Pengerusi.

Sekarang saya hendak masuk B.45 Butiran 2 Rancangan, muka surat 212, berjumlah \$44,109,400.

Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana kenaikan sebanyak \$3,198,500 telah diberikan di bawah Butiran Rancangan, termasuk radio dan televisyen.

Saya telah pun memberi teguran semasa membahaskan Belanjawan yang lalu iaitu mengenai nilai-nilai Islam di dalam Televisyen Malaysia ini. Jadi, tiap-tiap petang selepas azan, selepas sahaja suatu lagu yang diambil yang disebut nasyid, maka disambunglah dengan pancaragam gitar rancak dan sebagainya. Masa itu bagi orang Islam di antara Maghrib dan Isyak sepatutnya bagi orang Islam ini, kita sedang menunaikan, mengerjakan suruhan Tuhan. Jadi, Televisyen memasukkan kumpulan gitar rancak dengan menyanyi melalak, melolong sehingga sampai waktu Berita. Saya hendak Kerajaan mengkaji masukkan program yang sesuai di antara pukul 7 petang hingga pukul 8 malam supaya ia boleh menunjukkan hasrat Kerajaan yang membayangkan cita rasa sebahagian besar masyarakat iaitu tentang penerapan nilai-nilai Islam ini.

Yang kedua, kita lebih banyak mendapat filem-filem daripada Amerika dan Eropah untuk ditayangkan di dalam Televisyen kita. Saya hendak mencadangkan kepada Kementerian supaya kita adakan juga filem-filem, kalau dapat filem yang lebih baik daripada negara-negara Islam, film documentary,

dokumentasi mengenai perkembangan Islam bagi satu-satu negara untuk ditayangkan, misalnya di negara Indonesia ataupun di negara-negara lain yang lebih sesuai untuk kita tayangkan untuk menceritakan sedikit sebanyak, untuk membayangkan sedikit sebanyak keadaan-keadaan di dalam negara-negara Islam. Jadi, kalaulah kita hanya bertumpu kepada negara-negara Barat, Amerika dan Eropah, cerita-cerita yang banyak melambangkan keadaan yang tidak sesuai dan secukupnya dengan keadaan masyarakat Melayu Islam dan negara kita ini di samping Kerajaan berjuang ataupun selalu mengeluarkan slogan "Penerangan nilai-nilai Islam", maka kita sendiri telah melakukan beberapa perkara yang tidak menunjukkan keislaman Kerajaan. Ini membawa kesan yang tidak baik kepada masyarakat, tidak membawa kesan yang tidak baik kepada Kerajaan dan membawa kesan yang buruk seterusnya kepada pemerintah. Orang boleh menunjukkan contoh-contoh yang tidak baik peri laku yang tidak sihat melalui Televisyen dan mengatakan bahawa inilah tujuan Kerajaan bagi menayangkan filem-filem yang tidak secukupnya, tidak sempurna untuk ditonton.

Perkara yang seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak menyebutkan sedikit mengenai pakaian. Satu ketika dahulu, Kementerian ataupun Kerajaan telah pun menetapkan bentuk-bentuk pakaian yang sesuai untuk dipakai di dalam pertunjukan yang boleh dibawa masuk ke kaca Televisyen. Sekarang ini mungkin kerana pengaruh TV3, Saluran 1 dan 2 dalam Televisyen pun telah begitu berubah filem-filem yang ditunjukkan.

Saya pernah juga menonton TV3, satu tarian ballet yang di atas air batu, mengangkang kakinya dengan seluar dalam. Geram juga kita lihat, geram juga. Inilah keadaan yang perlu ditapis

walaupun TV3 itu suatu sistem Televisyen yang komersial, seperti ianya menarik minat orang ramai di kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang yang ditonton oleh masyarakat. Dan pengaruh atau perkembangan itu telah terus menyalur ke dalam Saluran 1 dan 2 Televisyen. Perlulah diambil kira dalam hal ini. Ia dikira, ditimbang, ditapis semula untuk menunjukkan perkara yang sebenar yang dicita-citakan oleh Kerajaan dan masyarakat. Begitu lah juga dengan keadaan penyanyi-penyanyi di dalam rancangan-rancangan hiburan Televisyen Malaysia. Dahulu kita tengok bukan main tertib, elok kerana sekatan oleh Televisyen ini. Dan sekarang ini kita telah lihat penyanyi-penyanyi wanitanya yang membuka sebahagian besar bahagian dadanya, yang sudah pun memakai baju tangan pendek yang menampak ketiak, memakai seluar ketat. Kata Yang Berhormat dari Kuala Nerus, cuma tidak buka yang bawah sahaja. Inilah perkara yang melakukannya. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tadi Yang Berhormat kritik Televisyen. Yang ini Yang Berhormat tambah terhadap gambaran yang sama.

**Tuan Othman bin Abdul:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus berbisik dekat saya, Tuan Pengerusi.

Jadi, masalah inilah yang melakukannya dengan pakaian baju yang tidak berlungan langsung, dengan rantai leher, dengan subang. Saya tidak tahu subang, saya tidak berani hendak kata. Kalau emas, memang haram, dengan seluar ketat. Ini perkara-perkara yang di dalam keadaan sekarang ini maka Kerajaan berusaha untuk menerapkan, mengukuhkan kepercayaan ahli-ahli masyarakat terhadap Kerajaan dalam usaha-usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam ini, nampaknya Televisyen telah pun menyeleweng. Saya faham bahawa

sebahagian objektif penerangan ini adalah untuk memberi pelajaran dan juga untuk memberi hiburan. Tetapi nampaknya yang pelajaran itu telah sedikit daripada hiburan. Jadi, dengan itu saya memohon kepada pihak Kerajaan agar dapat menimbangkan perkara ini. Mungkin lah ada orang yang seronok terbawa-bawa dengan filem "Solid Gold", dengan izin, boleh jadi seronok tengok pakaian-pakaian.

Saya sebutkan tadi bahawa di dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam itu satu tahniah boleh diberikan kepada pihak Kementerian Penerangan kerana telah membenarkan seorang pembaca Berita di Televisyen dan program 'Kesuma' yang dibenarkan memakai tudung kepala. Ini satu perubahan, satu tahniah dan saya berharap jugalah kepada pemimpin-pemimpin wanita di negara ini yang hendak bercakap soal nilai-nilai Islam ini pun bertudung kepala juga. Kalau tidak bertudung kepala, tidak usah bercakaplah soal nilai Islam, kerana ianya memanglah bertentangan dan bercanggah dengan Islam. Di dalam usaha ini patutlah diperluaskan lagi dalam usaha untuk menunjukkan kepada ahli masyarakat bahawa Kerajaan memang berminat untuk melihat perkembangan nilai-nilai Islam ini sesuai dengan kehendak Kerajaan menjalar, berjalan di seluruh Kementerian kerana penerapan nilai-nilai Islam ini akan dibawa dahulu di dalam pentadbiran Kerajaan. Kalau pentadbiran Kerajaan tidak dapat menunjukkan satu nilai yang baik dan sempurna maka ianya akan menjadi satu cacian daripada masyarakat.

Sebagai satu media yang terkemuka yang paling rapat dengan masyarakat, Televisyen ini memanglah mendapat pengaruh yang cukup kuat. Jadi dengan itu saya sekali untuk melihat dan mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengenai beberapa pandangan saya tadi. Saya tidak puas hati tentang jawapan mengenai jenama rokok itu.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya menyokong perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Kementerian Penyiaran.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

6.39 ptg.

**Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera):** Tuan Pengerusi, saya ingin berucap tentang Maksud Bekalan 44, muka 209 Butiran 1 tentang Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, rancangan-rancangan serta perkhidmatan-perkhidmatan Radio dan Televisyen selama ini adalah merupakan suatu pengecewaan yang amat besar. Makin lama, makin memesong daripada tujuan-tujuan yang asal. Radio dan Televisyen Malaysia hanya terus merupakan alat propaganda Barisan Nasional. Daripada 5 tujuan utama yang asal, Jabatan ini nampaknya terlalu meningkatkan tujuan yang kedua iaitu menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir untuk melahirkan perubahan-perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak-kehendak dan dasar Kerajaan. Adalah sungguh malang bahawa rakyat perlu membayar untuk memperolehi Radio dan Televisyen, termasuk yuran-yuran sekali hanya untuk diindoktrinasikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Melainkan objektif kedua yang telah saya menyatakan tadi, Jabatan ini telah lalai jika tidak mengabaikan objektifnya yang paling penting sekali daripada kelima-limanya, iaitu membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan daripada menolong mewujudkan serta mengukuhkan perpaduan nasional, saya percaya bahawa jabatan ini dengan rancangan-rancangan semasanya telah

menyusahkan pencapaian perpaduan nasional. Dalam satu contoh yang khusus saya boleh nyatakan tanpa keraguan atau kelebihan ia telah mengecam perpaduan nasional secara langsung. Saya merujuk kepada penyiaran filem bertajuk "Bukit Kepong" pada hari merdeka di TV Malaysia tiga bulan yang lalu. Kami dalam DAP berasa kagum bahawa filem ini dibenarkan disiarkan khususnya pada hari merdeka. Hari merdeka mestilah diperlihatkan sebagai satu hari khas untuk menekankan solidarity rakyat, ketaat-setiaan terhadap Raja dan Negara dan juga hak-hak serta kewajipan setiap rakyat Malaysia untuk melindungi dan mempertahankan negara.

Penyiaran "Bukit Kepong" adalah bercanggah sama sekali dengan ke semua objektif-objektif yang patut diberhentikan oleh jabatan ini. Penyiaran filem "Bukit Kepong" yang menggambarkan sekumpulan anggota polis Melayu mempertahankan satu balai polis daripada serangan sekumpulan pengganas-pengganas Cina yang bertutur dalam bahasa Mandrin pada hari merdeka adalah merupakan satu celaan terhadap masyarakat Cina seramai 5 juta orang di Malaysia. Ini tidak boleh diampun semua sekali dan mesti dikutuk dengan sekeras-kerasnya oleh semua pihak yang benar-benar mempercayai konsep perpaduan nasional. Bukankah penayangan filem ini melanggar pengkalan apa yang biasanya dilaungkan sebagai ketenteraman awam dan kepentingan negara?

Kami dalam DAP menuntut satu kenyataan ampun dari pihak yang meluluskan penyiaran filem ini dan penjelasan sepenuhnya dari Yang Berhormat Menteri Penerangan kepada Dewan yang mulia ini mengapa filem ini telah ditayangkan pada hari merdeka. Melainkan sehingga jabatan ini membuat

keputusan mengubah stailnya dan menjadi sikap bertanggungjawab yang wajar terhadap peranannya, TV Malaysia akan menyebabkan sama ada ancaman perpaduan nasional atau kehilangan maknanya sama sekali.

Satu lagi keadaan malang di mana satu-satu rancangan TV yang mempunyai potensi sebagai sumber mewujudkan perpaduan nasional tetapi sehingga kini langsung disalahgunakan ialah rancangan "Hari Ini Dalam Sejarah". Malangnya rancangan ini telah digunakan tanpa batasan untuk menggambarkan sumbangan hanya satu kaum sahaja dalam pembinaan negara Malaysia dengan mengabaikan sumbangan kumpulan-kumpulan ethnic yang lain. Jika kita mengkaji babak-babak sejarah Malaysia langsung tidak kekurangan sumbangan kumpulan-kumpulan India, Cina, Serani dan lain-lain kepada pembinaan negara Malaysia moden. Setiap anggota masyarakat ini mempunyai hak melihatkan sumbangan mereka direkod dan nyatakan khususnya demi pengetahuan rakyat Malaysia yang muda. Akan tetapi nampaknya jabatan ini telah langsung mengabaikan sumbangan masyarakat-masyarakat ini dan sengaja mengeneipkan sumbangan mereka dalam sejarah Malaysia. Kerajaan mesti diingatkan bahawa keperluan negara hanya boleh dicapai berdasarkan hakikat bahawa Malaysia telah diwujudkan oleh semua rakyat Malaysia, bagi semua rakyat Malaysia buat selama-lamanya. Tiada apa-apa di dunia ini paling tidak Barisan Nasional yang boleh mengubah hakikat ini jika kita ingin mencapai perpaduan negara.

Dalam peranannya mewujudkan perpaduan kebangsaan pada setakat ini adalah penting bagi Kementerian ini untuk merenung sama ada selain daripada menyebabkan kewujudan perpaduan yang berkurangan seperti

yang telah saya nyatakan, ia juga telah menyumbangkan kepada polarisasi yang kian memburuk dalam masyarakat Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa ada beberapa rancangan tempatan yang disiarkan oleh Radio dan TV Malaysia yang menyebabkan wujudnya satu perasaan alienasi di kalangan masyarakat bukan Melayu yang menontonnya. Adalah semakin jelas kepada masyarakat bukan Melayu bahawa rancangan-rancangan tempatan yang disiarkan oleh TV Malaysia adalah disiarkan kepada menggambarkan kepentingan-kepentingan sosial, agama, politik dan budaya hanya satu kaum khususnya. Oleh kerana ini tidak memberikan banyak peluang kepada masyarakat bukan Melayu ia telah menyebabkan perubahan minat daripada TV Malaysia kepada pita-pita video atau TV 3, Sebab utama wujudnya keadaan ini ialah berbilang rancangan-rancangan Islam di mana masyarakat-masyarakat lain pasti lebih meminati agama mereka sendiri.

Saya memang tidak menafikan bahawa Islam adalah agama rasmi Malaysia dan bahawa rancangan-rancangan agama Islam mungkin menemui keperluan-keperluan masyarakat tersebut, akan tetapi kepentingan masyarakat-masyarakat lain patut juga dipertimbangkan dengan seriusnya dan tidak diabaikan. Dalam semangat menuruti prinsip pertama Rukunegara berhubung dengan kepercayaan kepada Tuhan, Kementerian Penerangan mesti mula mempertimbangkan penyiaran rancangan-rancangan agama Buddhist, Hindu dan Kristian. Ini adalah jika Kerajaan benar-benar bertujuan memupuk prinsip Kepercayaan kepada Tuhan di dalam semua rakyat Malaysia kedua-dua Muslim dan bukan Muslim. Malaysia tidak akan merupakan negara pertama di dunia ini yang mempunyai Islam

sebagai agama rasmi yang berjaya berbuat demikian. Ini sememangnya sedang dilaksanakan di Pakistan yang merupakan sebuah negara Islam tetapi menyiarkan berbagai rancangan agama-agama lain.

Suratkhabar-suratkhabar hari ini telah melaporkan kenyataan Yang Berhormat Menteri Penerangan bahawa 60% dari rancangan-rancangan RTM tahun hadapan akan diterbitkan secara tempatan. Menurut beliau wujud satu kekurangan filem-filem Melayu dan drama-drama dalam bahasa Malaysia akan tetapi kami dalam DAP ingin menunjukkan bahawa pada masa yang sama masih wujud satu kekurangan filem-filem serta drama tempatan terbitan India serta Cina, kalau tidak ketidakhaliannya sama sekali. Filem-filem Cina dan India yang diimport dari luar negeri tidaklah merupakan gantian yang sesuai. RTM melalui agensinya mesti membuat usahasama untuk menerbitkan bukan sahaja filem-filem serta drama Melayu tetapi juga filem-filem dan drama-drama India serta Cina yang berthemakan kehidupan Malaysia. Ini akan menyokong perkembangan seni lakunan atau performing arts tempatan di kalangan masyarakat-masyarakat yang berlainan, kerana tiada jalan yang lebih baik untuk memupuk perpaduan negara dalam bidang seni dan drama.

RTM tidak patut sama sekali menggunakan hakikat bahawa bahasa-bahasa India serta Cina tidak merupakan bahasa-bahasa rasmi sebagai dalih untuk menghalang atau menghentikan penerbitan filem-filem serta drama-drama India dan Cina. Aspirasi keperluan dan identiti kebudayaan setiap individu masyarakat tidak boleh diabaikan begitu sahaja melalui kenyataan-kenyataan serta dasar-dasar Kerajaan semata-mata. Kepercayaan bahawa ini boleh dilakukan adalah merupakan folly

Kerajaan Barisan Nasional yang malang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

*6.48 ptg.*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus):** Tuan Pengerusi, Maksud B.44, Butiran 3—Pelesenan. Saya bangun untuk menyokong bersama dalam pembentangan Kementerian Penerangan ini. Mengenai pelesenan, suka saya memberi satu cadangan saya mengenai lesen-lesen Radio dan TV. Apa yang ada sekarang ialah seorang yang ada memiliki radio di rumah dan di kereta adalah lesen berlainan pembayaran iaitu dikenakan bayaran lesen radio yang ada di rumah dan bayaran lesen radio di motokar.

Saya bercadang supaya lesen ini dijadikan satu sahaja iaitu satu lesen satu bayaran kerana radio di rumah yang hendak didengarkan itu orang itu juga, telinga itu juga, duit itu juga, orang itu juga, Kerajaan itu juga; yang di motokar pun itulah orangnya, itulah duitnya. Dengan demikian rasa saya tidaklah berpatutan satu kerja dikenakan kepada dua pembayaran. Sepatutnya apabila disebutkan radio yang kepunyaan satu orang walaupun seribu radio pembayarannya lesen hanya satu, sebab pancarannya pun satu dan bermatlamatkan satu.

Yang keduanya, lesen yang ada sekarang dibayar tiap-tiap tahun. Saya mencadangkan untuk menghilangkan kerumitan ini, patutlah Kerajaan tidak dikenakan tiap-tiap tahun, iaitu dikenakan sekali sahaja, sekali gus iaitu semasa membeli misalnya, ataupun dichargekan kepada penjual misal harga televisyen itu berapa kemudian termasuk cukainya ataupun lesennya sekali berapa, dan kita ukur dan timbangkan sebuah radio akan kekal berapa lama, ertinya ghalibnya hidup radio itu berapa tahun, tahan 3

tahun atau tahan 5 tahun. Jadi kita ambil lesen pembayarannya itu dalam angka 5 tahun sekali gus iaitu diletakkan harga oleh penjual termasuk harga bayaran lesen sekali. Jadi tidak banyak kerja dan tidak payah pula hendak ada mata-mata gelap, hendak intai radio itu siapa tidak bayar dan tidak payah pula hendak bertumbuh.

Kadang-kadang fasal lesen radio boleh jadi bertumbuh orang di kampung-kampung. Itu adalah membuang duit ataupun membazir dengan tidak fasal-fasal. Apabila dihantar seseorang untuk menyiasat radio yang tidak bayar lesen ataupun televisyen tidak bayar lesen, terpaksa dia kena jadi pengintai, ataupun kita katakan sebagai "spy". Mengintai-intai ini dalam Islam pun salah, Tuhan berfirman dalam Quran: "Wala takajassasu", ertinya "Jangan sekali-kali pergi mengintai-intai, pergi cari-cari hal rahsia." Jadi hendak pergi cari rahsia siapa yang tidak bayar lesen, radio mana yang tidak berlesen, terpaksa kena mengintai. Dalam keadaan mengintai itu kadang-kadang kena penumbuk, apabila kena penumbuk pula boleh jadi satu pergaduhan, dengan sebab radio sebiji boleh jadi sebuah kampung akan jadi ribut, akan jadi berpecah-belah. Oleh itu eloklah bayar sekali gus. Ini saya cadangkan supaya tidak banyak kerumitan kerja dan maksudnya serupa.

Tabiat manusia apabila selalu sangat kena duit dia menyampah, walaupun sedikit dia kurang suka, tidak dia tidak kitalah! Misalannya, kalau cukai yang dikenakan \$10 sama ada radio ataupun televisyen, dikutip kira 10 sen sekali kutip, datang bil bayar 10 sen, jadi terpaksa kena seribu kali—menyampah orang! Dia lebih suka bayar \$10 sekali gus, habis kira-kira, jadi tidak banyak kerja, tidak jadi banyak remeh-temeh. Ini kita

nampaknya dalam apa sahaja perkara remeh-temeh inilah yang menjadi susah sangat kita hendak mengendalikan dan menyusahkan kepada rakyat, menyusahkan kepada orang-orang kampung.

Tuan Pengerusi, Maksud B.44 Butiran 5—maklumat kepada Tuan Pengerusi, sungguhpun saya ini bercakap banyak tetapi ini tidak banyak, sedikit sahaja, insya Allah. Maksud B.44, Butiran 5—Filem Negara. . . . .

**Tuan Pengerusi:** bolehkah saya tambah sedikit? Kalau benar-benar hendak mendukung nilai-nilai Islam, kena fikir-fikirlah Maghrib! Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Pengerusi, fasal nilai Maghrib ini kepada saya hari ini bolehlah saya sembahyang Isyak nanti, tidak payah Maghrib fasal saya perlu 'Jamak' sebab saya ini ada lagi edah musafir. Tetapi untuk timbangkan orang ramai itu memanglah apa yang disebutkan oleh Tuan Pengerusi itu adalah amat tepat untuk mengingatkan kita bersama. Oleh yang demikian, manakala Tuan Pengerusi sudah sebutkan begitu, saya hendak beri cadangan apabila 7.15 malam nanti direhatkan sekejap 10 minit ataupun 20 minit Dewan ini untuk pergi sembahyang, selepas itu masuk semula, sebagai menghormati waktu maghrib. Jadi oleh kerana Tuan Pengerusi sebut itu, terus saya buat cadangan begitu, mudah-mudahan 7.15 malam nanti direhatkan seberapa yang boleh, 10 minit atau 20 minit untuk kita sama-sama dapat sembahyang Maghrib.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa Yang Berhormat hendak balikkan soal itu kepada saya pula ya! Sila teruskan ucapan Yang Berhormat.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Pengerusi, ini niat ikhlas. Mengenai Filem Negara, rasa saya filem-filem yang ada sekarang patut ditambahkan kepada apa-apa yang lebih baik lagi untuk memberi pandangan-pandangan dan pelajaran-pelajaran kepada rakyat keseluruhannya, terutama sekali filem-filem itu hendaklah yang merupakan pelajaran-pelajaran yang berguna, ajaran-ajaran yang akhirnya memberi makna kepada contoh dan teladan.

Kadang-kadang sesuatu filem ini berakhir tidak tahu apa tujuannya, akhirnya apa, jadi tergantung begitu sahaja, tiba-tiba habis. Jadi apa matlamatnya pun tidak tahu, apa tujuannya pun tidak tahu. Biar apa-apa pun memang yang akhir sekali itu yang mustahak. Jadi apabila akhir itu elok, maka eloklah; apabila akhirnya tidak tentu arah, jadi tidak tentu arahlah. Jadi maknanya tidak bernilai.

Maka filem-filem ini patut ditapis, misalnya dalam segi mana-mana filem sahaja—Filem Negara. Hari ini dalam masalah rakyat Malaysia khususnya, terutama sekali yang beragama Islam, masing-masing ingin sangat apa sahaja pun kepada arah keagamaan. Walau apa filem pun sepatutnya diselit pengajaran-pengajaran yang boleh memberi kesan terhadap pengajaran-pengajaran agama. Maka pengajaran-pengajaran agama itu apabila ditonton oleh rakyat akan memberi manfaat ke semuanya bukan umat Islam sahaja, bahkan orang-orang yang bukan beragama Islam pun berfaedah juga dari ajaran-ajaran agama, asalkan memberi contoh-contoh yang baik.

Filem-filem hari ini ialah dunia bertambah moden dan bertambah maju di dalam segala-gala lapangan. Maka dalam segi perfileman ataupun. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menggulung sekarang, sebab saya akan menjemput Menteri menjawab pada pukul 7.05 minit.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ya, Tuan Pengerusi, saya akan menggulung sekarang. Keseluruhan apa yang saya cakap sepatah dua tadi, bagi pihak Kementerian Penerangan, agar mengambil perhatian yang berat semoga agar manfaat dan faedah itu menyeluruh memberi perubahan-perubahan yang mengagumkan kita. Sebab daripada siaran-siarannya itulah, rakyat dapat memikirkan pegawai-pegawai dan orang-orang mentadbir dalam Kementerian Penerangan itu sendiri. Kalau sekiranya elok, maka eloklah pandangan orang, dan dihormati kepada pentadbir-pentadbir, bukan bergantung kepada harga televisyen atau harga radio, bergantung kepada nilai-nilai pentadbir-pentadbirnya dan apabila sahaja pentadbir-pentadbir ini menjaga dalam segi imej dan sebagainya, maka mutunya itu kembali kepada Kerajaan yang memerintah negara ini.

Televisyen dan radio adalah satu senjata yang amat besar di Malaysia seluruhnya dan di alam ini keseluruhannya. Kalau sekiranya baik penerbitan, baik pentadbiran, baik penyiaran, maka di situ kemanisannya, maka di situlah bergantung harga Kerajaan ini, harga pemerintah ini. Kalau sekiranya di situ jatuh imejnya, maka di situlah memberi erti seluruhnya tidak bernilai walaupun nilai itu ada. Maka dengan sebab itulah di antara banyak-banyak Kementerian, Kementerian Peneranganlah yang paling penting sekali untuk menjaga imej negara dan imej bangsa dan agama dan imej Kerajaan. Oleh yang demikian, daripada keseluruhannya bagi pihak Kementerian Penerangan, daripada

pegawai kecil hingga pegawai bawah, adalah mereka menjadi tanggungjawab bebanan yang paling besar sekali dipikul oleh mereka itu yang diamanahkan oleh Kerajaan Malaysia ini untuk menjaga keharmonian dan kebersihan, keelokkan, keagungan Kerajaan Malaysia ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan menggulung dan menjawab perbahasan dalam Jawatankuasa dan saya memohon agar Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menghabiskan dalam lebih kurang pukul 7.20 minit.

*7.05 mlm.*

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato Chan Siang Sun):** Insya Allah. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sumbangan di dalam perbahasan berkenaan dengan peruntukan untuk Kementerian Penerangan. Di atas puji-pujian itu saya sukalah mengucapkan terima kasih dan tentulah ini akan memberikan inspirasi dan juga galakan dan dorongan kepada seluruh pegawai-pegawai daripada bawahan ke yang tinggi untuk kita berkhidmat lebih cergas, lebih cekap dan lebih bersemangat lagi untuk masa-masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda ada menyentuh berkenaan dengan Bahagian Perdagangan yang mana dikatakan pengiklanan di bawah Kementerian ini masih tidak memuaskan dari segi menyangkan pengiklanan itu adalah berbau merokok. Semenjak saya menjawab perkara ini di Dewan yang mulia ini sampai hari ini dasar atau pendirian Kementerian di Bahagian

Perdagangan ini tidak berubah setakat hari ini, oleh kerana barang-barang yang ditayangkan itu ialah barang-barang yang benar-benar bukan dapat didaftarkan sebagai barang kegunaan harian tetapi juga barang-barang itu sungguhpun fikiran sebahagian orang merokok barangkali ada memikirkan barang itu ada berkait dengan rokok, tetapi cara orang-orang tidak merokok barangkali itu cuma mengatakan itu barang sahaja untuk keperluan harian.

Sukalah saya menarik perhatian Dewan ini iaitu tayangan iklan ini tentulah satu sumber kewangan dan juga boleh dikatakan ekonomi kepada bahagian ini dan juga kepada Kementerian iaitu di mana kita dijangka dalam tahun 1984 ini akan menjadikan \$110 juta. Ini bermakna tayangan pengiklan ini atau commercial ini mestilah ada berwarna warni, aktiviti dan tayangannya ini mesti ada diwarna-warnikan. Jika masih dikatakan ada berbau merokok dan sebagainya, ini tentulah akan dapat diteliti dan juga dapat ditimbang oleh satu Jawatankuasa yang mana kita ada di dalam Kementerian kita. Dari segi pelanggaran dengan Kod Iklan, barangkali dengan tayangan ini, tidak ada bercanggah oleh kerana Jawatankuasa kita ini juga telah meneliti perkara ini dan saya berharap mudah-mudahan jikalau Ahli Yang Berhormat itu masih ragu-ragu lagi dengan tayangan ini atau di mana tayangan ada berbau merokok, saya berharaplah beliau boleh menyampaikan satu cadangan yang lebih konkrit untuk Jawatankuasa menimbang perkara itu.

Yang kedua, berkenaan dengan rancangan yang dikatakan daripada jam 7 hingga 8.00 petang, kita mestilah mengadakan program-program yang lebih ditekankan kepada penerapan nilai-nilai Islam, atau melalui program dan sebagainya. Perkara ini akan diambil perhatian

dan setakat hari ini kita fikir rancangan kita mulai daripada 7 hingga 8.00 sebelum Berita Nasional kita, kita fikir rancangan ini pun adalah menarik. Jika dikatakan tidak sepenuhnya mencukupi untuk menggambarkan bahawa penerapan nilai-nilai Islam tidak mencukupi barangkali ini satu perkara kita boleh meneliti dan kita akan memberikan pertimbangan dengan cadangan ini.

Yang ketiga, berkenaan dengan pakaian di TV. Yang Berhormat itu katakan RTM barangkali lebih kurang serupa TV3. Ini tidak benar. TV3 dari segi organisasi, dari segi corak tentu berlainan dengan RTM.

Saya fikir juga dari segi penerapan nilai-nilai Islam bukanlah cuma diletakkan kepada pakaian sahaja barangkali pakaian boleh dikatakan satu bahagian atau satu unsur yang mana penerapan nilai-nilai Islam boleh dapat diinsafkan. Tetapi nilai-nilai yang lain saya fikir lebih mustahak dan lebih penting iaitu etika kerja, dedikasi dan juga disiplin. Saya fikir ini juga penting, bukan pakaian sahaja yang penting. Maaflah saya cakap macam ini oleh kerana saya fikir lain-lain perkara juga adalah penting. Pakaian, pihak RTM kita pun juga selalu meneliti perkara ini. Dan jikalau kita dapat meneliti dengan lebih mendalam kita boleh membandingkan dengan program-program RTM dan TV3 tentulah ada, dengan izin, "vast difference."

Kita tentu akan menjaga bukan sahaja moral nasional kita tetapi juga menjaga tanggungjawab RTM sebagai mass media Kerajaan di mana kita adalah bertanggungjawab kepada negara, kepada bangsa dan kepada agama dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada menyatakan RTM sudah abaikan objektif-objektif yang mana kita telah tetapkan itu. Saya bagi pihak Kementerian tidak bersetuju

dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu oleh kerana jikalau Ahli Yang Berhormat itu betul-betul dapat memahami objektif-objektif Kementerian Penerangan yang mana kita dapatlah tiga objektif yang terbesar iaitu untuk menyampaikan dasar dan juga pelaksanaan Kerajaan kepada rakyat dan juga bagi menitikberatkan pendidikan kepada rakyat dan cuma keutamaan yang ketiga kita berikan hiburan kepada rakyat.

Dan di samping itu juga kita adalah bertanggungjawab kepada keselamatan negara, perpaduan negara dan juga lebih-lebih lagi melalui program-program dan juga aktiviti-aktiviti kami, kita mahukan negara kita menjadi sebuah negara yang lebih bersatu padu, yang lebih bersemangat untuk kita menyalurkan segala usaha-usaha kita kepada pembangunan negara kita.

Apa yang dikatakan tayangan filem "Bukit Kepong" ini tidak mencerminkan atau ada gejala-gejala yang mana dapat memecah belahkan perpaduan nasional kita ini, oleh kerana apa yang dapat ditayangkan dalam filem "Bukit Kepong" itu ialah satu sejarah, satu tawarikh yang sebenarnya. Kalau ada satu-satu kaum terlibat di dalam kejadian di filem "Bukit Kepong" tentulah tidak disengajakan. Tetapi ini adalah satu peristiwa, satu "event" yang mana benar-benar berlaku di dalam peristiwa itu.

Berkenaan dengan rancangan "Hari Ini dalam Sejarah" dikatakan cuma untuk menonjolkan kepada sesuatu kaum sahaja, ini pun tidak benar. Oleh kerana program ini ialah satu program, satu rancangan yang dapat dijayakan oleh Jabatan Arkib Negara, Muzium Negara dan juga Jabatan Penerangan. Dan events atau peristiwa-peristiwa itu tentulah tidak

disengajakan, berasingan dari satu kaum dengan yang lain. Perkara ini tentulah dapat selalu dikaji oleh satu jawatankuasa yang berkenaan dan kita tentulah dapat dibahagi-bahagikan supaya "Hari Ini Dalam Sejarah" kalau betul-betul peristiwa itu bersejarah tentulah kita tidak asingkan dengan sesiapa kaum, jikalau perkara atau peristiwa itu benar-benar bersejarah, kita tayangkanlah.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Penjelasan, Tuan Pengerusi.

**Dato' Chan Siang Sun:** Ya, sila.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi contoh-contoh apabila rancangan ini ada menunjukkan sumbangan oleh kaum India, Cina dan lain-lain, pada masa dahulu.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Pengerusi, ini tentulah cara detail, saya tentu tidak dapat membuktikan. . . . .

**Tuan Gooi Hock Seng:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat belum beri jalan lagi. Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan sekali lagi?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak, sebab masa tidak banyak lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Dato' Chan Siang Sun:** Satu lagi, Yang Berhormat itu pun katakan berkenaan dengan sebahagian rakyat juga merasakan ada mempunyai fikiran alinasi dalam banyak perkara. Ini cuma satu perkara yang bukan subjektif, tetapi saya fikir oleh kerana kita dalam satu demokrasi tentulah rakyat, tiap-tiap individu adalah fikiran masing-masing, tetapi pihak Kerajaan atau pihak Kementerian;

program kita, tujuan kita, matlamat kita sangatlah jelas. Jikalau selepas apa yang telah dipraktikkan oleh Kementerian kalau masih ada orang merasakan ada alinasi dan sebagainya ini terpulangkah kepada mereka. Tetapi pihak kita tentulah kita katakan sudah memainkan peranan kita untuk tujuan-tujuan yang tertentu, yang mana kita sudah lama mengikuti apa yang kita telah ditetapkan di dalam Kementerian daripada objektif-objektif dan juga matlamat-matlamat dan sebagainya.

Berkenaan dengan 60% dengan izin, "target" kita dengan penerbitan pengeluaran tempatan kita di masa akan datang, tentulah akan meliputi program-program daripada semua kaum dan kita tentulah akan dapat dibahagi-bahagikan dari segi penerbitan, dari segi pengeluaran dan juga dari segi produksi dan sebagainya kita akan dapat memenuhi target kita, dengan meningkatkan dari segi penerbitan dan sebagainya supaya benar-benar produksi-produksi itu akan dapat memenuhi selera seluruh rakyat kita. Buat masa ini dari segi melatihkan personnel dan juga melengkapkan kelengkapan kita pun sudah dalam proses yang mana pendekatan ini dari peringkat ke peringkat akan dapat dibaiki supaya bila kita sampailah tahun 1986 program-program ini akan dapat dijalankan dengan baik.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus, saya sukalah mengucapkan ribuan terima kasih di atas puji-pujian dan juga di atas penghargaan yang telah diberi kepada Kementerian dan cadangan-cadangan beliau itu yang pertama, berkenaan dengan membayar lesen radio, cadangan ini saya fikir elok dan kita akan dapatlah ditimbangkan oleh Kementerian. Buat masa ini jumlah bayaran atau cukai lesen untuk radio lebih kurang \$4 juta dan barangkali

satu masa kelak bila ekonomi negara kita mengizinkan, barangkali kita jikalau ada apa-apa kesusahan dari segi pembayaran baik sekali gus atau tidak mahu sekali gus dan sebagainya, kita akan timbang dan lesen radio barangkali boleh dikecualikan di situ masa akan datang. Sekarang ini kita sudah timbang untuk dikecualikan lesen transistor radio oleh kerana kita dapat tahu sebahagian besar penduduk-penduduk di luar bandar yang berkehendakkan media ini, melalui radio, jadi jikalau kita mengecualikan bayaran ini, ini pun satu pertolongan kepada mereka untuk memilik radio atau transistor.

Yang kedua, harapan beliau itu kepada Filem Negara supaya dapat ditambah baik lagi dari segi pengeluaran (production) filem-filem dan sebagainya, khasnya mestilah ditekankan kepada keagamaan daripada filem-filem yang akan dikeluarkan itu. Ini kita akan mengambil perhatian dan buat masa ini kita pun dari peringkat ke peringkat akan dapat meningkatkan lagi prestasi Filem Negara dengan keseluruhannya.

Pada satu masa dahulu Filem Negara kita daripada production itu mendapat penghargaan dan dapat memenangi banyak hadiah-hadiah di Asia Tenggara, tetapi di satu masa telah jatuh sedikit, tetapi sekarang kita mahu meningkat balik imej yang kita perolehi masa dahulu. Jadi sekarang kita akan berusaha dan dengan kelengkapan-kelengkapan kita baru-baru ini dilengkapi dengan satu makmal sains yang cukup moden dan cukup besar dengan satu "studio" yang moden, jadi dengan penambahan ini dan juga dengan penambahan sedikit sebanyak personnel-personnel untuk Filem Negara kita yakin Filem Negara akan dapat memainkan peranan yang lebih aktif, yang lebih cergas, yang lebih penting untuk kita

mengeluarkan filem-filem di masa akan datang, insya Allah.

Yang Berhormat itu mengatakan juga TV dan radio sangat mustahak dan penting untuk memainkan peranan untuk menjaga keharuman imej dan juga keagungan negara kita. Ini saya 100% bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas keinsafan dan juga atas penghargaan kepada kita, tetapi satu perkara barangkali Yang Berhormat lupa sedikit iaitu Jabatan Penerangan. Selain daripada RTM Jabatan Penerangan juga mustahak dan penting oleh kerana Jabatan Penerangan ialah satu Jabatan yang mana melalui cara bersemuka, dengan izin, face to face communication, sangat juga lebih-lebih lagi dalam satu Demokrasi Berparlimen sekarang di Malaysia kita ini, jadi Jabatan Penerangan pun penting juga di Malaysia, saya tambahkan sedikit sahaja kepada apa Yang Berhormat katakan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingat cukuplah yang dapat saya memberikan penjelasan atau penerangan berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya fikir saya tidak hilang apa yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi jikalau saya tidak sentuhkan itu tentulah telah dicatatkan dan jikalau perlu kita akan melaksanakan dengan idea-idea ini daripada Ahli Yang Berhormat dan sekali lagi bagi pihak Kementerian dan bagi pihak seluruh kakitangan atau pegawai Kementerian, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan sumbangan dalam perbahasan ini dan mudah-mudahan kita bersamasamalah akan memainkan peranan kita supaya RTM dan juga Kementerian Penerangan akan menjadi satu Kementerian yang aktif, yang bersemangat dan juga

berdedikasi untuk berkhidmat dengan negara kita Malaysia yang kita kasihi ini.

**Tuan Pengerusi:** izinkan saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat menunjukkan keistimewaan ahli politik yang begini berpengalaman cara menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$44,494,900 untuk Maksud B.44; \$142,263,800 untuk Maksud B.45 dan \$43,600,500 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$44,494,900 untuk Maksud B.44; \$142,263,800 untuk Maksud B.45 dan \$43,600,500 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$200,050 yang disebutkan dalam Maksud P.44; \$3,196,904 untuk Maksud P.45 dan \$189,112 untuk Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$200,050 untuk Maksud P.44; \$3,196,904 untuk Maksud P.45 dan \$189,112 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.*